

MESYUARAT TERAKHIR

The Last Meeting



M. HAFIZUL HILMI



MESYUARAT TERAKHIR
21 Februari 2020

MESYUARAT TERAKHIR

The Last Meeting

Disusun oleh

M. HAFIZUL HILMI

MESYUARAT TERAKHIR

The Last Meeting

Hak Cipta Terpelihara © M. Hafizul Hilmi, 2020
Cetakan Pertama, September 2020
Cetakan Kedua, Oktober 2020

Penerbit
MOHD HAFIZUL HILMI
Vista Panorama, Taman Bukit Permai
56100 Cheras, Kuala Lumpur

Pencetak
AL INSYIROH RESOURCES

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada kandungan dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara fotokopi, rakaman, elektronik, mekanik, dan lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Mohd. Hafizul Hilmi, 1989-

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

MESYUARAT TERAKHIR = The Last Meeting / M. HAFIZUL HILMI.
ISBN 978-967-18215-0-3

1. Malaysia--Politics and government.
 2. Political culture--Malaysia.
 3. Political parties--Malaysia.
- I. Judul.
320.9595

ISBN: 978-967-18215-0-3

ISI KANDUNGAN

Isi kandungan

Prakata	3
Pengantar	9
Cucikah Dosa Tun Mahathir	19
Polemik Peralihan Kuasa dan Percaturan Pintu Belakang	31
Bersatu Sebagai Bayangan Umno	59
Mesyuarat Terakhir Majlis Presiden Pakatan Harapan	81
Sidang Media Majlis Presiden Pakatan Harapan	153
Langkah Sheraton	157
Krisis Jawatan Perdana Menteri Ke-8	177
Penubuhan Kerajaan ‘Tahun Lompat’	219
Timbalan Perdana Menteri Bayangan	227
Harta ‘Rampasan Perang’	247
Nota Akhir	255
Lampiran Kenyataan Media	259

PRAKATA

Frasa Mesyuarat Terakhir atau *The Last Meeting* hanyalah satu simbolik kepada kemuncak kebersamaan PH sebagai satu gabungan politik antara PKR, DAP, Bersatu dan Amanah yang berjaya membentuk kerajaan Malaysia yang baru. Meskipun Majlis Presiden PH telah dan akan terus bermesyuarat selepas kerajaannya tumbang akibat dikhianati oleh duri dalam daging, Mesyuarat Terakhir ini dianggap mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan sangat signifikan dalam sejarah politik Malaysia kerana ia menjadi antara titik perubahan yang ekstrim dalam percaturan politik negara ini.

Saya cuba untuk tidak menganggap naskhah ini sebagai satu analisis politik kerana ia sekadar merekodkan fakta-fakta penting yang berlaku dalam negara seputar kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan krisis pelantikan Perdana Menteri ke-8. Kesemua rentetan peristiwa ini berlaku tempoh antara akhir Februari hingga awal Mac.

Sebaik menyiapkan transkrip rakaman audio mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan yang berlangsung pada 21 Februari 2020, saya merasakan amat penting untuk rentetan peristiwa ini dirakam kemas sebagai sejarah bertulis. Ia adalah satu lagi titik

yang mengubah haluan politik Malaysia, titik yang memisahkan banyak pihak, dan titik yang melukiskan wajah sebenar sesetengah ahli politik. Sama ada kita menilainya sebagai titik hitam atau titik putih, ia bergantung kepada di sebelah mana duduknya kepentingan kita dalam peristiwa tersebut. Transkrip asal mesyuarat PH yang mencecah sehingga lebih dari 70 muka surat ini kemudiannya saya dapati ramai yang berminat untuk memilikinya. Namun, transkrip mesyuarat ini menjadi tergantung dan tidak boleh berdiri dengan sendiri, kerana ia perlu diletakkan dalam konteks yang betul termasuk latar belakang pergolakan politik dan perkembangan yang berlaku beberapa hari selepasnya.

Sepanjang tempoh suhu politik bergelojak, sudah menjadi tabiat saya untuk mendokumentasikan apa sahaja laporan berita, dokumen, surat-menyurat, catatan pemimpin politik, butiran sidang media, rakaman audio, dan sebagainya. Kerana biasanya apabila masa berlalu dan suhu politik kian sejuk, maklumat yang bertaburan ini memerlukan lebih masa untuk dicari dan disusun semula. Dengan menggunakan maklumat yang ada dalam simpanan dan sedikit kajian tambahan, saya menyusun manuskrip ini sebagai sebahagian usaha merakam sejarah. Kerana saya percaya sejarah ditulis oleh orang yang mahu, tidak semestinya oleh orang yang menang.

Dalam menelusuri plot-plot percaturan politik ini, saya sedar bahawa sebagai orang awam, ada banyak percaturan pemain-pemain politik dan peristiwa di sebalik tabir yang berada di luar pengetahuan kita semua. Kecuali apa yang didedahkan sedikit demi sedikit kepada khalayak untuk mengolah persetujuan terhadap sesuatu idea. Asasnya, setiap satu keputusan, tindakan, respon, dan pertimbangan politik semasa adalah manifestasi kepada perkara-perkara yang berlaku di sebalik tabir, terutama apabila ia berkait

dengan teras kepentingan masing-masing. Akhirnya apabila kepingan-kepingan *jigsaw puzzle* ini disusun, ia akan terbentuk satu gambaran besar tentang apa sebenarnya yang berlaku, jika pun tidak 100 peratus tepat. Sudah tentu maklumat-maklumat yang ada ini tidak terlepas daripada tafsiran semasa, dan tafsiran baru mungkin akan muncul apabila lebih banyak maklumat terkini didedahkan kemudian.

Saya memulakan buku ini dengan sebuah artikel yang ditulis beberapa jam sebelum tempoh pengundian PRU-14 yang lalu. Tentang betapa pentingnya fungsi Tun Mahathir dan Bersatu dalam gabungan PH, yang akhirnya membawa tragedi kepada Barisan Nasional (BN) setelah 60 tahun berkuasa. Kemudian saya cuba membawa pembaca untuk menelusuri beberapa peristiwa percaturan pintu belakang yang giat berjalan sejak kerajaan PH ditubuhkan, sehingga membawa kepada percaturan parti Bersatu untuk mengukuhkan tapaknya di dalam PH. Saya fikir polemik peralihan kuasa Mahathir-Anwar bukanlah satu perkara kebetulan atau terjadi dengan sendiri, justeru latar ini amat penting untuk kita memahami apakah yang berlaku dalam mesyuarat terakhir Majlis Presiden Pakatan Harapan tersebut.

Transkrip mesyuarat ini sudah menjadi sejarah. Naik turun pergelutan kuasa dalam PH akhirnya ‘berakhir’ dengan Tun Mahathir diberi kuasa mutlak untuk menentukan tarikh peralihan kuasa kepada Anwar, sebagaimana yang saya rakamkan dalam transkrip sidang media Majlis Presiden PH pada lewat malam 21 Februari 2020.

Bab-bab seterusnya adalah berkenaan kronologi Langkah Sheraton dan krisis pelantikan Perdana Menteri ke-8 yang menyaksikan negara buat pertama kali mempunyai Perdana Menteri

Interim. Saya sengaja tidak menyusun kronologi itu mengikut turutan tarikh, sebaliknya membiarkan naratif ‘kerajaan pintu belakang’, ‘kerajaan tebuk atap’ atau ‘kerajaan pengkhianat-kleptokrat’ ini bergerak melalui tema-tema tertentu; dimulai dengan bab Krisis Jawatan Perdana Menteri ke-8, kepada Penubuhan Kerajaan ‘Tahun Lompat’, Timbalan Perdana Menteri Bayangan, dan Harta ‘Rampasan Perang’. Saya menutup buku ini dengan catatan Nota Akhir, kerana pada waktu naskhah ini disudahkan, situasi politik negara masih tidak menentu dan PH masih gagal untuk keluar dari kemelut pemilihan calon Perdana Menteri untuk membentuk semula kerajaan.

Bagi melancarkan pembacaan naskhah ini, saya memilih untuk tidak menyertakan gelaran-gelaran hormat untuk setiap ahli-ahli politik kecuali beberapa nama yang jika dibuang gelaran hormatnya, bunyinya kedengaran sedikit janggal kerana gelaran pada namanya sudah sebatи dalam masyarakat. Ini termasuk Tun Mahathir, Tun Daim dan lain-lain. Penting untuk saya nyatakan di sini bahawa pengguguran gelaran hormat pada nama-nama ini tidak sekali-kali mencabut rasa hormat saya kepada tokoh-tokoh yang berkhidmat kepada masyarakat dan politik negara kita.

Penghargaan khusus ditujukan kepada bintang terindah, Khairina ‘Izzati dan anak-anak, Aufa, Aiman dan Aina kerana sebahagian masa yang sepatutnya diluangkan bersama, saya gunakan untuk menyiapkan naskhah ini. Juga ribuan terima kasih kepada YB Tuan Amin Ahmad kerana di sebalik kekangan masa untuk persediaan persidangan Dewan Rakyat untuk sesi Julai 2020, beliau masih sudi meluangkan masa untuk menyemak dan menyediakan kata pengantar buat naskhah ini.

Menyedari bahawa rakaman sejarah ini mungkin masih tidak lengkap, dengan bantuan para pembaca saya sedia memperbaikinya.

Terima kasih.

M. HAFIZUL HILMI

Cheras, Kuala Lumpur

PENGANTAR

TERLERAIAH HARAPAN?

Pada malam 9 Mei 2018, majoriti rakyat Malaysia mungkin menjadi orang yang paling gembira ketika meraikan kejayaan Pakatan Harapan (PH) mengalahkan Barisan Nasional (BN) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. Ia adalah satu kemenangan bersejarah kerana buat kali pertama BN (yang dulunya Perikatan) kalah melalui proses pilihan raya sejak Merdeka. Dunia kemudian memuji proses peralihan kuasa yang kelihatan begitu aman tanpa kekacauan apatah lagi pertumpahan darah.

Keputusan ini mungkin dijangka sebelum itu kerana BN telah kehilangan majoriti dua pertiga dalam PRU ke-12 dan kehilangan undi popular dalam PRU ke-13. Bezanya, dalam kedua-dua PRU itu, PAS bersama Parti KEADILAN Rakyat (KEADILAN) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dalam satu kerjasama politik yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat.

Ketika kerjasama Pakatan Rakyat terlerai, BN dirasakan telah menarik nafas lega kerana pasti, berdasarkan petunjuk angka di atas kertas, mereka akan lebih mudah mengekalkan kuasa. Bagi

pemerhati politik, ini bukanlah pandangan yang keterlaluan. Umum maklum bahawa PAS adalah sebuah parti yang mempunyai kekuatan jentera akar umbi dan begitu berdisiplin. Parti Amanah Negara (AMANAH), sebagai sebuah parti baru yang menjadi serpihan PAS, dilihat masih belum cukup kuat atau masih terlalu muda untuk menggantikan PAS secara langsung.

Namun, takdir telah tertulis. Dengan usaha yang dibuat, BN mampu ditumbangkan. Euforia dapat dilihat dan dirasakan di sana sini. Sebagai wakil rakyat yang dipilih di negeri kecil di hujung utara Semenanjung, saya agak terpisah dengan banyak perkembangan yang berlaku di ibu kota. Saya tahu bahawa banyak perkara perlu dilakukan oleh sebuah pentadbiran baru yang dipilih berasaskan cita-cita reformasi.

Cita-cita reformasi ini adalah persoalan besar yang tenggelam timbul dalam euforia pasca PRU ke-14. Ia sebenarnya telah menimbulkan ‘pergeseran’ di kalangan mereka yang telah sekian lama berjuang di barisan pembangkang sebelum PRU ke-14 kerana sukar mendamaikan agenda ini dengan penyertaan Dr Mahathir yang memimpin Bersatu dan mengepalai kempen menjatuhkan BN dalam PRU ke-14. Hafizul menyentuh soal ini dengan baik sekali di dalam bab pertama buku ini – Cucikah Dosa Tun Mahathir.

Saya fikir, antara usaha mendamaikan ‘pergeseran’ ini, Pakatan Harapan telah secara sedar menetapkan proses peralihan kuasa daripada Tun Mahathir kepada Anwar Ibrahim dalam satu tempoh yang wajar. Saya masih ingat antara lain Ketua Setiausaha Sekretariat Pakatan Harapan, Saifuddin Abdullah membayangkan kerjasama ini – yang kemudian turut disertai Bersatu, adalah lebih baik berbanding Pakatan Rakyat selepas mengambil kira kelemahan-kelemahan pada masa lalu. Tanpa atau memang disedari, peralihan kuasa ini telah menjadi tumit Akilis kepada Pakatan Harapan,

malah Saifuddin Abdullah sendiri kemudian menjadi sebahagian pengkhianat yang telah meninggalkan Pakatan Harapan. Hafizul memperihalkan dengan baik bagaimana peralihan kuasa dan percaturan pintu belakang berlaku sepanjang pentadbiran Pakatan Harapan.

Sebenarnya, saya secara peribadi berpendapat Pakatan Harapan tidak mengurus kemenangan dengan begitu baik. Ia sememangnya tidak mudah. Ditambah euphoria yang berlaku, tekanan bagi melaksanakan perubahan semakin besar. Ramai pemimpin utama parti dan Pakatan Harapan sibuk menguruskan kementerian. Sebagai ahli Parlimen, kami tidak berpeluang berdialog dengan Eksekutif, khususnya Perdana Menteri, secukupnya dari semasa ke semasa untuk memberikan pandangan tertutup tentang dasar-dasar kerajaan dan usaha mengukuhkan Pakatan Harapan. Saya masih ingat hanya pada minggu terakhir Sidang Pertama Parlimen pada pertengahan Ogos, baru diadakan majlis makan malam Pakatan Harapan di mana kami berpeluang mendengar satu ucapan Tun Mahathir tanpa sesi soal jawab. Sesi Reformasi Undang-Undang (*pre-council*) yang dibuat setiap kali sebelum Sidang kemudiannya begitu singkat dan tidak dipimpin secukupnya bagi mencapai objektif kestabilan Pakatan Harapan dan mendapatkan maklum balas.

Sejak sebelum PRU ke-14, saya terlibat dalam pelbagai usaha intelektual untuk menjustifikasi keperluan pertukaran kerajaan bagi melaksanakan reformasi. Saya agak berhati-hati terutama dalam mempertahankan dasar populis. Sebagai seorang penyelidik yang aktif menulis dan juga terlibat dalam pelbagai forum awam di universiti, televisyen, media sosial dan khalayak umum, saya akui terpaksa bergelut untuk mengimbangi keperluan populariti politik dan kepentingan mempromosi dasar-dasar yang difikirkan baik.

Kadangkala saya memilih pendirian berbeza daripada parti misalnya ketika menegaskan bahawa Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) itu baik. Ini bukanlah pendirian baru saya. Ia dibincang oleh saya kali pertama pada tahun 2009, ketika ura-ura ia akan dilaksanakan pada tahun 2010. Ia akhirnya hanya dilaksanakan pada tahun 2015. Malangnya dalam dunia politik sebenar, ramai yang kurang berminat mendalami isu-isu dasar. Mereka lebih berminat tentang sepak terajang politik – menjatuhkan atau menaikkan parti atau pemimpin.

Sejak sekian lama barisan pembangkang – Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat – menjuarai isu kesenjangan kaya miskin, merentasi kaum – sama ada antara kaum atau sesama kaum, antara negeri dan wilayah. Malangnya, ia seperti kurang dihayati dalam retorika politik dan dasar yang cuba dimajukan oleh Kabinet. Saya melihat Belanjawan 2019 yang dibentang pada awal November 2018 telah gagal dimanfaatkan sebagai ruang untuk menarik sokongan ramai. Kita tahu banyak bantuan kepada golongan petani dan nelayan misalnya telah dikurangi atas nama proses pemutihan. Meskipun ini mungkin boleh difahami dan dijelaskan dalam konteks dasar kewangan dan ekonomi kerajaan, ia pastinya bukan langkah politik terbaik, sekurang-kurangnya pada waktu itu. Wakil rakyat Port Dickson (Anwar Ibrahim, yang juga Presiden KEADILAN) telah bertegas dalam perbahasannya untuk meminta Menteri Kewangan menyemak semula pendirian tersebut. Begitulah sulitnya usaha mengimbangi isu dasar dan politik. Ia tidak semestinya bersifat hitam-putih. Saya merasa sedikit gembira apabila agenda Wawasan Kemakmuran Bersama dikemukakan kemudian.

Kegagalan menarik sokongan ramai melalui pembentangan belanjawan tersebut mempunyai kesan psikologi tersendiri. Pertama,

perlu diakui bahawa dengan UMNO dan PAS berada dalam blok pembangkang pada waktu itu, isu-isu kaum dan agama pasti hangat dimainkan. Ini terbukti benar. Apabila bantuan terhadap petani dan nelayan misalnya dikurangkan, ia sedikit sebanyak membantu mengukuhkan lagi persepsi yang cuba disuburkan oleh UMNO dan PAS. Hakikat bahawa lebih ramai pengundi Melayu memilih UMNO dan PAS dalam PRU ke-14 sendiri menunjukkan ada rasa curiga dan tidak selamat (*insecurity*) terhadap Pakatan Harapan. Kedua, euphoria perubahan kerajaan dirasakan gagal diterjemahkan kepada sesuatu yang bermakna.

Ini ditambah pula dengan prosedur kewangan. Sebagai contoh, selepas PRU ke-14, Kementerian Kewangan memberikan makluman kepada Menteri Kewangan yang baru dilantik pada ketika itu bahawa hutang 1MDB yang telah matang sebanyak RM143.75 juta perlu dilunaskan menjelang 30 Mei 2018. Bayangkan, belum pun Kabinet selesai dibentuk, kerajaan perlu menguruskan isu-isu kelemahan pentadbiran Barisan Nasional. Kerajaan juga tidak dapat bergerak lancar. Hanya pada pertengahan Ogos 2019, minggu terakhir Sidang Pertama barulah Rang Undang-Undang Penguntukan Semula Perbelanjaan 2018 dibentang dan diluluskan. RUU ini adalah satu amalan biasa memandangkan terdapat kementerian yang dicantum, dibubar atau baru dibentuk. Dalam maksud lain, selepas tiga bulan PRU ke-14, barulah perbelanjaan biasa kerajaan bergerak seperti biasa. Lebih memburukkan keadaan, dalam tempoh antara Mei 2018 hingga Oktober 2018, kerajaan hanya boleh membelanjakan baki RM450 juta daripada akaun hasil disatukan yang ditinggalkan oleh pentadbiran Barisan Nasional. Akauntan Negara, Datuk Saat Esa mengesahkan kepada Kementerian Kewangan bahawa jumlah wang dalam akaun hasil disatukan menurun secara mendadak daripada RM11.86 billion

pada Disember 2017 kepada RM5.73 billion pada Januari 2018, kepada RM3.91 billion pada Mac 2018 dan RM450 juta pada April 2018. Ia jelas dihabiskan sebelum PRU ke-14.

Menambah lagi keperitan ini ialah bayaran balik GST yang tidak dibuat oleh pentadbiran Barisan Nasional dari tahun 2015 berjumlah RM19.248 billion sedangkan dalam tabung bayaran balik hanya terdapat RM148.6 juta sahaja. Mengikut peraturan, bayaran balik ini sepatutnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja atau dalam tempoh praktik selepas Penyata GST-03 diterima secara elektronik. Manakala bayaran balik dibuat dalam tempoh 28 hari bekerja atau dalam tempoh praktik bagi penyata yang diterima secara manusia. Oleh kerana duit bayaran balik ini telah digunakan untuk tujuan lain, maka kerajaan pada masa itu terpaksa mengambil dividen khas Petronas sebanyak RM30 billion, di mana sebahagiannya digunakan untuk tujuan bayaran balik ini. Kegagalan pentadbiran Barisan Nasional membuat bayaran balik dalam tempoh praktik ini menjelaskan kenapa lebih 120,000 syarikat perniagaan menghadapi masalah aliran tunai dan sekaligus memberi kesan kepada ekonomi negara. Ia juga menunjukkan kegagalan Barisan Nasional mengawal corak perbelanjaan kerajaan sekaligus mendedahkan unjuran hasil sebenar kerajaan daripada kutipan GST tidaklah setinggi yang dinyatakan iaitu sekitar RM42 billion. Dari rekod yang ada, kutipan GST hanyalah lebih tinggi sekitar RM10 billion berbanding kutipan SST.

Tinggalan Barisan Nasional yang saya sifatkan sebagai mirip strategi bumi hangus ini menghimpit Pakatan Harapan untuk bergerak dengan lebih lancar. Kekecewaan ramai semakin dirasakan dan ditandai dengan siri kekalahan Pakatan Harapan dalam pilihan raya kecil yang berlaku atas pelbagai sebab. Pada masa yang sama, kekecewaan ini timbul daripada retorika politik usang daripada

ucapan-ucapan pemimpin seperti “Melayu malas”, “manifesto bukan kitab suci” dan sebagainya.

Sementara itu Pakatan Harapan yang terdiri daripada empat parti – KEADILAN, DAP, Amanah dan Bersatu – serta tambahan dua parti lagi yang bersama membentuk kerajaan Persekutuan – Warisan dan UPKO – dari Sabah jelas menunjukkan ada keperluan mengurus keseimbangan kuasa. Pertama, Perdana Menteri datang dari parti Bersatu, parti baru dalam kerjasama tersebut dan tidak memiliki kerusi terbanyak. Kedua, Manifesto Harapan tidak semestinya diterima penuh oleh Warisan dan UPKO.

Saya berpendapat kesungguhan Bersatu dan Amanah pada tahap tertentu untuk memberikan gambaran bahawa mereka adalah parti utama yang memperjuangkan isu kaum dan agama adalah satu percaturan yang salah atau mungkin tidak dibuat dengan berhati-hati. Usaha Bersatu ini disentuh oleh Hafizul dalam perbincangan mengenai Bersatu sebagai bayangan UMNO. Saya tidak fikir imej parti Melayu dan parti Islam yang ada pada UMNO dan PAS mudah dihakis dalam realiti mereka mengungguli sokongan orang Melayu dan Islam.

Pendekatan Bersatu ini tentunya meletakkan KEADILAN dan DAP dalam ruang dilema. Bukan kerana kedua-dua parti ini anti Melayu atau anti-Islam, tetapi kerana sifat pelbagai kaum pada kedua-dua parti ini menjadikan pemimpin dan parti ini kurang menggunakan retorika kaum dan agama secara berlebihan dalam menarik sokongan, apatah lagi memancing ahli-ahli Parlimen yang tidak mempercayai idealisme Pakatan Harapan.

Saya lebih percaya, berdasarkan pengalaman khidmat di Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor di bawah kepimpinan Abdul Khalid Ibrahim, dasar-dasar dan program-program yang berkesan lebih memberi impak untuk menarik sokongan semua kaum

(termasuk orang Melayu dan Islam) kepada parti-parti kerajaan. Sekali lagi, sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini, dasar yang baik harus mendahului politik.

Ramai rakan-rakan di dalam Bersatu merasa kurang selesa apabila menyedari adanya persefahaman bahawa Tun Mahathir akan menyerahkan kuasa kepada Anwar Ibrahim dalam tempoh sekitar dua tahun. Sebagai sebuah parti kecil dan baru, ini tentunya dilihat sebagai proses yang tidak memperkuatkan parti mereka. Justeru itu, tidak menghairankan apabila ada kesungguhan sesetengah mereka membentak agar Tun Mahathir kekal memegang jawatan sehingga akhir penggal.

Sesetengah yang lain pula melihat itu sebagai peluang menghalang Anwar Ibrahim diberi peluang menjadi Perdana Menteri. Malangnya, sebahagian mereka adalah pemimpin KEADILAN – baik yang lama atau baru. Mereka lebih mengutamakan kedudukan masing-masing berbanding ikut sama membuktikan bahawa Malaysia boleh dipimpin oleh seorang tokoh daripada sebuah parti berbilang kaum dan mereka berpeluang menjadi mata rantai untuk meneruskan kesinambungan ini pada masa akan datang, sekaligus mendorong perubahan yang lebih meluas.

Akhirnya, berlangsunglah apa yang ditranskripsi oleh saudara Hafizul sebagai minit Mesyuarat Terakhir. Meskipun ia dilihat berjaya menyelesaikan ketegangan yang wujud dalam isu peralihan kuasa, ternyata rancangan lain telah diatur untuk meneruskan agenda rampasan kuasa melalui pengkhianatan sebahagian besar pimpinan Bersatu dan sebilangan pimpinan KEADILAN. Dengan pelantikan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri kelapan, lengkaplah *Kalends of March* yang dirancang oleh beliau dengan sokongan khususnya daripada kumpulan Azmin Ali, BN, PAS,

GPS dan beberapa wakil rakyat bebas dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Saya merasa sedikit teruja apabila diminta oleh saudara Hafizul untuk menulis kata pengantar bagi buku penting ini. Saya tidak tahu sebab sebenar permintaan ini. Berkemungkinan kerana saya ada membuat sedikit pendedahan tentang apa yang dialami sendiri terkait krisis politik yang melanda negara pada minggu terakhir Februari 2020 lalu, yang kemudian dikenali sebagai Langkah Sheraton.

Langkah Sheraton ini pastinya akan menjadi tindakan politik yang paling diingati sepanjang sejarah politik moden di Malaysia – bahkan mungkin sepanjang sejarah politik Malaysia setakat ini. Saya pasti ia akan diulang rujuk untuk menilai arah perkembangan negara kemudian nanti.

Tulisan mengenai Langkah Sheraton banyak dibuatatau sedang disediakan oleh pelbagai pihak. Saya sendiri pernah diwawancara oleh wakil sebuah penerbit popular untuk mendapatkan bahan bagi penulisan mereka. Bagaimanapun, saya belum pernah membaca penulisan lain yang cukup panjang, kecuali sebab mengapa Bersatu meninggalkan Pakatan Harapan yang ditulis oleh Wan Saiful Wan Jan dan diterbitkan oleh ISEAS.

Ada beberapa sebab kenapa saya bersetuju untuk menulis kata pengantar ini. Pertama, kerana saya juga aktif menulis dan belajar menulis sejak muda. Saya teruja apabila saudara Hafizul mengambil inisiatif sebegini yang pastinya akan memanfaatkan ramai pembaca. Kedua, saya juga menggemari sejarah. Justeru itu, budaya mereka kod peristiwa semasa dan disimpan dalam bentuk yang boleh dirujuk kemudian. Ketiga, kerana saya mengkategorikan penulis sebagai pihak ketiga yang objektif. Ini adalah berdasarkan tulisan-tulisan

kritikal beliau yang dimuatkan bersama transkrip dan catatan fakta tentang apa yang berlaku sepanjang tempoh krisis tersebut.

Saudara Hafizul turut merekodkan sebahagian perkembangan rentetan rampasan kuasa yang berlaku. Ini sebenarnya masih lagi belum sepenuhnya berakhir. Bahkan, kerana ketidakstabilan kerajaan yang dibentuk daripada rampasan kuasa ini, kita mula mendengar adanya rancangan untuk mengadakan pilihan raya mengejut (*snap election*). Saya hanya mahu merekodkan catatan pada 1 Mac 2020, ketika hadir ke bangunan Yayasan Albukhary untuk bertemu dan mendengar penerangan Tun Mahathir, beliau menutup perbualan dengan berkata kepada kami, “Muhyiddin tidak akan lama sebagai Perdana Menteri”.

NOOR AMIN BIN AHMAD

Ahli Parlimen Kangar

Ogos 2020

CUCIKAH DOSA TUN MAHATHIR¹

Antara lompong yang gagal diselesaikan oleh Pakatan Rakyat (PR) dalam Pilihan Raya Umum ke-12 (2008) dan Pilihan Raya Umum ke-13 (2013) adalah dua persepsi umum yang sukar dikawal terutamanya di mata orang Melayu luar bandar. Pertama, PR akan menggadai nasib orang Melayu, agama Islam dan institusi Raja-Raja Melayu. Kedua, propaganda jawatan Perdana Menteri dari DAP (seringkali diuar-uarkan Lim Kit Siang sebagai calon

Penulis menyiarkan artikel ini di laman Facebook pada malam 8 Mei 2018, beberapa jam sebelum bermulanya proses pengundian dalam Pilihan Raya Umum ke-14 pada 9 Mei 2018. Tujuan artikel ini ditulis adalah untuk berkongsi pendapat seputar kedudukan Tun Mahathir dalam Pakatan Harapan. Saya dapat sehingga pada saat-saat akhir, banyak keraguan masih dilontarkan oleh rakan-rakan di Facebook berkenaan strategi Pakatan Harapan ini, dan memori hitam semasa zaman pemerintahan Tun Mahathir sentiasa dimomokkan sehingga ramai pengundi menjadi dilema. Ramai juga pengundi muda yang termakan dengan kempen Undi Rosak demi untuk memprotes pendekatan kedua-dua belah pakatan politik Barisan Nasional dan Pakatan Harapan. Justeru, dengan sendikit perkongsian dan justifikasi ini, harapan saya pada waktu itu adalah agar dapat memantapkan pendirian sesiapa sahaja yang membacanya, untuk mengundi calon-calon PH.

Mungkin terdapat beberapa telahan saya dalam tulisan ini sedikit terpesong dan tidak menjadi realiti pasca PRU-14. Namun kita harus fahami bahawa dinamika politik dan intrik dalaman telah menyebabkan berlakunya herotan percaturan politik antara sesama parti komponen Pakatan Harapan. Saya mengekalkan idea asal yang ingin disampaikan melalui artikel ini, dengan beberapa suntingan kecil dan penambahan nota kaki bagi memberi gambaran terhadap situasi politik pada waktu itu.

Perdana Menteri) atau sekurang-kurangnya akan wujud kerusi Timbalan Perdana Menteri untuk mewakili kaum Cina. Walaupun orang yang waras sedar bahawa ini hanyalah hasutan perkauman daripada Umno, namun kesannya ke atas sentimen rasa tidak selamat (*insecurity*) orang Melayu tetap wujud. Malah pada waktu itu, struktur PR sendiri tidak membantu memadamkan sentimen ini; PKR adalah parti berbilang kaum, Pas dilihat hanya condong kepada agenda ‘Islam’, manakala DAP pula dianggap dikuasai oleh kaum Cina. Meskipun secara profesional, ketiga-tiga parti telah menandatangani suatu deklarasi bagi menjamin kedudukan istimewa Melayu-Islam-Raja adalah kekal seperti sedia kala, namun arus sentimen yang ditularkan oleh Umno-BN ini masih tidak terkawal. PR gagal meraih majoriti sokongan orang Melayu luar bandar, ditambah pula kerusi-kerusi luar bandar ini hanya mengandungi jumlah pengundi yang sedikit berbanding kerusi-kerusi di bandar semisal Parlimen Bangi dengan pengundi seramai 178,790 orang, Damansara (164,322), Kota Raja (149,021), dan lain-lain.

Pada awal tahun 2015, pakatan pembangkang sekali lagi terumbang-ambing. Anwar Ibrahim dijatuhkan hukuman penjara dan ikon perpaduan rakyat Malaysia—Tuan Guru Nik Abdul Aziz—pergi meninggalkan kita. PR kemudiannya terbubar dengan keluarnya Pas dari gabungan. Kemudian, Parti Amanah Negara (Amanah) segera mengisi tempat sehingga tertubuhnya Pakatan Harapan. Namun kelompongan sokongan pengundi Melayu luar bandar ini masih belum diselesaikan. Percaturan Najib Razak yang melambat-lambatkan tarikh PRU-14 memberi kelegaan kepada Pakatan Harapan (PH) untuk menyusun strategi. Tidak sememana, pergolakan dalaman menyebabkan parti Umno serpih buat kesekian kalinya sehingga tertubuh Parti Pribumi Bersatu Malaysia

(PPBM, kemudian dipanggil sebagai Bersatu), dan mendorong Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama Tun Mahathir bersedia untuk menyertai pakatan pembangkang. Yang menariknya, gerakan Shafie Apdal di Sabah turut mencipta tsunami sokongan rakyat dan bersedia untuk bekerjasama dengan PH.

Apakah formula terbaik untuk memberi keyakinan kepada orang Melayu luar bandar, dan memadamkan propaganda ‘hantu DAP’ (yang kini lidah rasminya sudah diambil alih oleh Pas)?

Hakikatnya, BN mendapat kepercayaan majoriti orang Melayu luar bandar kerana induknya adalah parti teras orang Melayu (Umno), yang secara bawah sedar menanam persepsi bahawa BN dan kerajaan Persekutuan dikuasai oleh orang Melayu. Untuk mendapatkan keyakinan segmen pengundi yang sama, PH perlu membuat *carbon-copy* formula BN, iaitu dari sudut KOMPOSISI dan bukannya NISBAH pembahagian kerusi. Yang mana Bersatu mewakili parti teras Melayu (seolah-olah berfungsi sebagaimana ‘Umno dalam BN’ iaitu simbol jaminan *status quo* Melayu-Islam-Raja), PKR sebagai parti berbilang kaum, DAP dengan majoriti sokongan kaum Cina, dan Amanah sebagai pengimbang ideologi Politikal Islam. Walau bagaimanapun, dari segi nisbah iaitu penguasaan kek peratusan dalam gabungan, PH bukan mirip seperti BN. Perkara ini saya akan huraikan dalam butiran berikutnya.

Justeru, kehadiran Bersatu dan Tun Mahathir adalah formula terbaik pakatan pembangkang untuk menutup dua lompong yang kritikal seperti yang diterangkan di atas, meskipun terdapat cabarannya yang tersendiri.

Dari sudut pandang parti Bersatu, apakah pilihan yang mereka ada? Bersendirian membentuk blok ketiga, atau bergabung

dengan Pas bagi membentuk blok Melayu-Islam, atau menyertai gabungan PH yang sedang merangkul sokongan pelbagai kaum.

Jika kita telusuri formula BN yang membentuk gabungan yang kukuh semasa zaman pentadbiran Tun Mahathir, mereka mengunci sokongan orang Cina melalui parti MCA dan sokongan orang India melalui parti MIC. Apabila dua tongkat utama ini patah, maka jadilah seperti Umno yang ada pada hari ini, iaitu BN hanya menang di kerusi-kerusi majoriti Melayu (84 kerusi di Semenanjung Malaysia) dan terpaksa bergantung kepada kerusi-kerusi dari Sabah dan Sarawak untuk membentuk kerajaan Persekutuan. Barangkali sebab itulah Najib melantik sehingga 10 orang Ahli Parlimen dari Sarawak sebagai Menteri dan Timbalan Menteri dalam kabinet beliau, malah Najib terpaksa mula menghalakan projek-projek mega ke Borneo. Pengajaran ini amat bernilai kepada Bersatu untuk memutuskan langkah politiknya iaitu dengan menyertai PH. PH yang terdesak untuk melebarkan tapak sokongan rakyat dan membetulkan persepsi orang Melayu, tidak dapat tidak harus menerima Bersatu.

Strategi menerima bekas pemimpin BN adalah biasa dalam pakatan pembangkang. Semasa Pilihanraya Umum 1990, Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz menerima Tengku Razaleigh melalui gabungan Angkatan Perpaduan Ummah sehingga berjaya membentuk kerajaan Kelantan dalam PRU 1990, Almarhum Ustaz Fadzil Noor menerima Anwar Ibrahim melalui gabungan Barisan Alternatif sehingga Ustaz Hadi Awang berjaya membentuk kerajaan Terengganu dalam PRU 1999, dan Almarhum Tuan Guru Nik Aziz sekali lagi menerima kerjasama dari Ibrahim Ali untuk berhadapan dengan Umno dalam PRU 2008. Dan kali ini, PH bergabung dengan Tun Mahathir untuk menumbangkan Umno-BN dalam PRU 2018.

Bagi mereka yang memahami dinamika politik, tidaklah sukar untuk memahami perkaitannya.

Dalam menyusun gerakan pembangkang pasca PRU-14, ramai yang cuba memperlekeh keputusan menerima semula Tun Mahathir dengan cara membandingkan rekod pentadbiran kerajaan BN di bawah Tun Mahathir dengan rekod pentadbiran Najib. Pada hemat saya, meletakkan perbandingan ini dalam konteks perlawanan PRU-14 adalah antara pasukan BN melawan PH, dengan kehadiran pihak ketiga iaitu Gagasan Sejahtera (entah masih wujud lagi atau tidak). Najib sebagai Pengurus BN, dan Tun Mahathir yang diberi kepercayaan sebagai Pengurus PH telah dipersetujui sebagai bakal Perdana Menteri PH. Manakala tiadalah diketahui siapa Pengurus Gagasan Sejahtera, justeru kita tidak tahu siapakah bakal calon Perdana Menteri dari Gagasan Sejahtera. Boleh jadi Nik Mohamad Abduh atau Nasrudin Tantawi. ‘Mempergunakan’ Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri adalah strategi yang paling ampuh untuk mencetuskan *swing vote* dalam kalangan pengundi Melayu luar bandar kepada PH, kerana nilai sentimental Tun Mahathir yang membangunkan negara selama 22 tahun masih terpaht dalam memori sebahagian besar orang Umno, dan memberi isyarat yang jelas kenapa BN mesti ditumbangkan.

Katakan PH menang dengan majoriti mudah, tetapi Tun Mahathir kalah di Parlimen Langkawi, tetaplah kerajaan PH akan tertubuh tanpa kelibat Tun Mahathir. Sebab itu membandingkan rekod pentadbiran Tun Mahathir vs Najib adalah tidak terpakai dalam konteks PRU-14. Seharusnya perbandingan dibuat dari perspektif rekod pentadbiran Pakatan Rakyat di negeri Selangor dan Pulau Pinang yang telah melonjakkan imej Pakatan Rakyat pada waktu itu.

Kita harus sedar bahawa rekod pentadbiran Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri sebelum ini berfungsi dalam struktur dan budaya Umno-BN; yang memperuntukkan kuasa tunggal dan penuh, budaya bodek dan pemberian projek kepada kroni, pemimpin menjadi subjek mengampu, dan sebagainya. Apabila Tun Mahathir dan Bersatu bersetuju bergabung dengan PH, mereka sepatutnya tertakluk kepada struktur dan sistem PH. Struktur PH tidak memusatkan kuasa kepada mana-mana individu. Empat orang presiden parti-parti komponen adalah bertaraf setara, hubungannya bersifat *horizontal* dan membentuk *balance of power*, apakah lagi ia terdiri daripada tiga orang pemimpin Melayu dan seorang Cina. Adapun, seorang Penggerusi haruslah dilantik untuk mempengerusikan Majlis Presiden dan kebiasaannya adalah seorang tokoh yang boleh menyatukan, lebih berkarisma, diiktiraf kepemimpinannya oleh semua parti komponen, dan ‘sekufu’ dengan ketua dari pihak lawan.

Keputusan yang dibuat dalam Majlis Presiden PH terikat dengan semangat konsensus. Meskipun persepsi bahawa dominasi sesuatu parti diukur melalui nisbah pembahagian kerusi Parlimen, namun struktur Majlis Presiden memperuntukkan jumlah perwakilan empat parti komponen yang sama rata (9 dari 12 anggotanya adalah orang Melayu). Dalam masa yang sama, nisbah pembahagian kerusi dan sifat majoriti mudah (jika PH menang PRU-14) menutup pintu dominasi dan kediktatoran sesuatu parti. Lebih-lebih lagi dengan penyertaan parti Warisan dari Sabah yang kini lebih mandiri, berpotensi untuk menghalang seseorang Perdana Menteri daripada bertindak sewenang-wenangnya. Jika perjalanan kerajaan PH menyimpang dari semangat konsensus, penarikan sokongan dari salah satu parti sudah cukup untuk membubarkan kerajaan PH. Malah, untuk meluluskan sesuatu

akta atau undang-undang baru pun memerlukan kepada konsensus dari kesemua *backbenchers* empat parti komponen. Semua parti komponen menjadi *kingmaker*. Situasi ‘tarik tali’ antara keempat-empat parti ini akan memastikan sejarah ‘Mahathir versi Umno’ tidak akan berulang, kerana sistem dan budaya PH tidak akan membenarkan kediktatoran satu-satu pihak berlaku. Buktinya belum sampai 24 jam setelah diasak, Tun Mahathir terpaksa memohon maaf secara terbuka berkenaan kes Memali, iaitu satu situasi yang tidak akan berlaku di bawah Umno. Apatah lagi janji reformasi sistem menuntut penjawatan Perdana Menteri dihadkan kepada dua penggal sahaja melalui penggubalan akta.

Di bawah PH, Tun Mahathir memberi perakuan dan komitmen secara bertulis untuk agenda reformasi institusi. Pertama sekali, Tun Mahathir memberi perakuan bahawa perlunya reformasi pilihan raya melalui penyertaannya dalam perhimpunan Bersih 4 dan Bersih 5, kemudian perakuan dalam Deklarasi Rakyat (2016), Muafakat Pakatan Harapan (2018) dan Buku Harapan (2018) iaitu manifesto bersama Pakatan Harapan. Bagi pemimpin yang mempunyai nama di dalam negara mahupun peringkat antarabangsa seperti Tun Mahathir, perakuan bertulis dan *wet signature* adalah suatu perkara yang bukan main-main. Sejarah akan terpahat untuk 30, 50, atau 100 tahun mendatang, bahawa prinsip pentadbiran Tun Mahathir yang terkini adalah seperti yang terakhir diakuinya di bawah semangat PH dan zaman pentadbiran awalnya diakui banyak kesilapan yang wajib diperbetulkan.

Menerima penyertaan Tun Mahathir ke dalam PH bukan bermakna menghapuskan dosa beliau. Tiada fatwa dikeluarkan, tiada dalil dijaja dengan murahan. Penyokong PH bukan Tuhan, untuk mengampunkan dosa beliau. Begitu jugalah jika Tun Mahathir mengisi borang keahlian Pas seolah-olah ia merupakan

pintu taubat, dosa beliau juga tidak akan terampun secara automatik. Adakah dosa-dosa Kadir Syeikh Fadzir dan Muhammad Taib (Mat Taib) terampun dengan sendiri selepas diarak ke sana ke mari oleh Pas? Dosa-dosa Tun Mahathir dengan Tuhan, memerlukan taubat persendirian. Dosa-dosa Tun Mahathir dengan orang perseorangan perlu diselesaikan secara peribadi dan bukan menjadi tanggungan PH. Adapun, yang dikatakan ‘dosa-dosa’ Tun Mahathir menjadi punca kepada kerosakan sistem kenegaraan seperti ekonomi, politik, sistem kehakiman dan amalan korupsi mestilah ditebus secara pentadbiran, melalui usaha reformasi institusi. Tun Mahathir boleh sekadar meminta maaf, tetapi apa selepas itu? Adakah beliau perlu dihukum, di bakar hidup-hidup? Diarak setiap bandar? Tidak mungkin. Akhirnya yang diperlukan oleh pihak oposisi untuk melakukan reformasi sistem ini adalah KUASA POLITIK, dan satu-satunya cara untuk melaksanakan reformasi sistem adalah dengan menumbangkan hegemoni BN.

Ya, ramai yang terkesan dengan ‘air tangan’ Tun Mahathir, misalnya melalui Operasi Lalang, tahanan ISA, peristiwa Memali, dan banyak lagi sama ada atas kapasiti individu atau institusi (misalnya negeri Kelantan semasa zaman pentadbiran Tun Mahathir). Yang paling terkesan sudah tentulah Anwar Ibrahim dan keluarganya, atau nama-nama lain misalnya Saari Sungib (Abu Urwah) dan Dr Syed Husin Ali, sekadar menyebut beberapa nama. Adakah mereka boleh berdendam dengan Tun Mahathir sehingga akhir hayat? Boleh, mereka lebih berhak daripada kita semua. Tapi selepas itu apa? Akhirnya kita perlu berbalik kepada objektif besar dalam perjuangan politik iaitu yang dikatakan melawan sistem itu, kini ‘sistem’ itu adalah di bawah kekuasaan Umno-BN-Najib dan ‘sistem’ itupun kini di luar kawalan Tun Mahathir dan Anwar Ibrahim sendiri. Ramai mangsa-mangsa politik Tun

Mahathir sendiri terutamanya Anwar Ibrahim, memilih untuk melihat objektif besar perjuangan dan masa depan negara, dengan bergabung bersama pelbagai pihak di bawah semangat PH.

Jika PH menang, yang akan dibentuk selepas PRU-14 adalah kabinet Pakatan Harapan, bukan kabinet Tun Mahathir. Barisan Menteri sepatutnya bukan dipilih oleh Tun Mahathir secara peribadi, kerana akhirnya ia akan dicadangkan oleh parti komponen dan diputuskan oleh Majlis Presiden PH, bukan Majlis Presiden Tun Mahathir². Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, struktur pentadbiran dan keseimbangan kuasa dalam PH sama sekali berbeza dengan BN.

Apakah ada kemungkinan PH bersetuju untuk ‘menyambung kontrak’ Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri lebih daripada tempoh dua tahun seperti yang dijanjikan? Ya, ada kemungkinan. Kerana pengalaman pentadbiran Tun Mahathir dalam kerajaan diperlukan untuk membuat pemulihan penuh terutama dalam masalah ekonomi negara hari ini. Saya berpendapat bahawa untuk merawat keadaan ekonomi semasa ini dalam masa yang singkat, memerlukan seseorang seperti Tun Mahathir atau Anwar Ibrahim beserta pasukan penasihat yang kuat, yang sedia memahami konteks pentadbiran ekonomi kerajaan Persekutuan. Ini bukan tempoh untuk bertatih. Justeru, PRU-14 bukan masanya untuk Pas menyambut kejatuhan Umno-BN. Tetapi adakah Tun Mahathir

2 Malangnya selepas PRU-14 dan naik ke tumpuk kuasa, Tun Mahathir mula mengkesampingkan suara-suara dari parti komponen dan konsensus Majlis Presiden PH dalam pelantikan kabinet kerajaan Persekutuan. Alasan yang dikemukakan adalah *cliché*, iaitu pelantikan kabinet adalah kuasa prerogatif Perdana Menteri. Walaupun pelbagai kritikan dikemukakan kepada beliau bahawa beberapa orang Menteri Kabinet yang dilantik adalah tidak berkualiti, memberi liabiliti kepada PH, dan gagal menggunakan jentera kerajaan untuk membetulkan persepsi rakyat terhadap prestasi kerajaan PH, namun beliau tidak pernah membuat rombakan Kabinet.

akan terus hidup lagi 20, 30, 50 tahun? Jawapannya adalah mustahil pada hukum adat. Seperti yang dipersetujui oleh Majlis Presiden PH, Tun Mahathir akan membuat transisi kepada Anwar Ibrahim selepas proses pengampunan dan pilihan raya kecil selesai³. Pada ketika itu ia tetaplah dipanggil sebagai kerajaan PH dengan agenda teras yang dipersetujui. Bukan kerajaan Tun Mahathir.

Adakah Tun Mahathir ikhlas untuk menebus kesilapannya? Ada banyak jawapan berbeza dalam menilai keikhlasan beliau, dan sudah tentu jawapan kita melambangkan apa yang kita pilih untuk percaya. Dalam hal ini, saya lebih suka bermula dengan bertanya, “Bagaimanakah kaedah untuk saya mengukur keikhlasan Tun Mahathir dengan adil?” Dengan mimpikah? Dengan mencipta persepsikah? Dengan berimajinasikah? Atau dengan logik sebab-akibat, dan bukti-bukti yang beliau zahirkan melalui tindakan beserta dengan risiko-risikonya? Semua perkara ini boleh dibuat pertimbangan terperinci (*due diligent*) dengan hikmah dan kebijaksanaan masing-masing. Saya cuma senaraikan beberapa perkara untuk para pembaca membuat penilaian:

- i) Tun Mahathir sanggup menelan ‘ludahnya’ melalui pakatan pembangkang.
- ii) Tun Mahathir sanggup mengakhiri legasi kepimpinan sepanjang hayatnya dengan cara menjatuhkan BN yang dipimpinnya sendiri selama 22 tahun. Perkara ini akan terpahat dalam sejarah moden Malaysia.

³ Seperti yang diketahui umum berdasarkan perkembangan semasa, pelan peralihan kuasa antara Tun Mahathir dan Anwar ini tidak menjadi realiti kerana telah dikhianati oleh sebahagian anggota parti Bersatu dan juga kumpulan Azmin Ali dari PKR.

- iii) Tun Mahathir memerah keringatnya siang dan malam di usia 93 tahun untuk menukar kerajaan dan mereformasi institusi penting negara.
- iv) Jika BN menang dalam PRU-14, Tun Mahathir berisiko dihadapkan dengan pelbagai dakwaan dan tindakan oleh kerajaan BN.

Petunjuk-petunjuk ini bukanlah bermakna saya mahu mengiktiraf keikhlasan Tun Mahathir secara membabi buta. Tetapi ia boleh dianggap sebagai *scored merit* untuk sebuah pengorbanan oleh Tun Mahathir melalui PH dalam usaha meruntuhkan hegemoni BN yang selama ini didokongnya sendiri selama puluhan tahun.

Di manakah kedudukan Anwar Ibrahim dalam perjalanan PH hari ini, ketika mana Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri dan Wan Azizah sebagai calon Timbalan Perdana Menteri? Saya pernah menulis hemat saya tentang kemungkinan percaturan PH ini di laman Facebook. Pertama sekali, harus diakui bahawa pertembungan tiga penjuru memberi lebih cabaran di kerusi-kerusi PH, sama ada di parlimen Langkawi, Pandan, malah di Permatang Pauh sendiri iaitu kubu tradisi Anwar sejak berada di dalam Umno. Untuk memudahkan cerita, katakan Tun Mahathir dan Dr Wan Azizah menang di parlimen masing-masing, dan Anwar selesai melalui proses pengampunan yang sepatutnya, Dr Wan Azizah mungkin akan mengosongkan kerusi Parlimen Pandan untuk Anwar bertanding semula dan menduduki jawatan Timbalan Perdana Menteri. Kemudian Tun Mahathir dijangka akan mengumumkan peletakan jawatan untuk membuat transisi mengikut amalan biasa. Persoalannya kenapa Dr Wan Azizah bertanding di Parlimen Pandan (Selangor), bukan di kerusi tradisi Permatang Pauh (Pulau Pinang)?

Parlimen Pandan mempunyai sekitar 45 peratus undi kaum Cina, 45 peratus undi kaum Melayu dan selebihnya kaum India. Sebelum ini, Rafizi Ramli menang di Parlimen Pandan dengan majoriti 26,729 undi. Mengikut bacaan saya, dalam situasi tiga penjuru⁴, komposisi pengundi begini boleh memberi laluan yang lebih selesa kepada Dr Wan Azizah dan kemudiannya kepada Anwar Ibrahim⁵.

Negara kita mengamalkan sistem *first past the post* (FPTP), bukan sistem kepresidenan (*presidential system*) seperti di Indonesia dan Turki, atau monarki mutlak (*absolute monarchy*) seperti di Arab Saudi. Apabila kerajaan BN jatuh, yang akan menyambutnya ialah kerajaan PH. Yang akan memerintah Malaysia kelak, bukan Presiden Tun Mahathir atau Sultan Mahathir, tetapi Perdana Menteri dan Kabinet Pakatan Harapan.

4 Dalam PRU-14, Parlimen Pandan menyaksikan pertandingan lima penjuru iaitu antara Dr Wan Azizah yang mewakili Pakatan Harapan, Datuk Leong Kok Wee (Barisan Nasional), Mohamed Sukri Omar (Pas), Jenice Lee (Parti Rakyat Malaysia) dan calon bebas, Mohd Khairul Azam Abdulk Aziz. Keputusan PRU-14 telah memihak kepada Dr Wan Azizah dengan majoriti kemenangan yang selesa iaitu 52,543 undi.

5 Agakan saya ini meleset apabila PKR telah membuat keputusan agar Anwar Ibrahim bertanding di parlimen Port Dickson (Negeri Sembilan). Penyandang kerusi itu, YB Datuk Danyal Balagopal Abdullah telah mengosongkan kerusi Port Dickson untuk memberi laluan kepada Anwar Ibrahim. Pilihan raya kecil pada 13 Oktober 2018 ini menyaksikan pertandingan tujuh penjuru, antara Anwar Ibrahim yang mewakili Pakatan Harapan, Mohd Nazari Mokhtar (Pas), dan lima orang calon bebas iaitu Isa Samad (bekas Menteri Besar Negeri Sembilan), Lau Seck Yan, Saiful Bukhari Azlan, Stevie Chan, dan Kan Chee Yuen. Anwar Ibrahim menang selesa dengan majoriti 23,560 undi.

POLEMIK PERALIHAN KUASA DAN PERCATURAN PINTU BELAKANG

Pergelutan kuasa yang berlaku dalam kalangan parti-parti komponen PH tidak bermula dalam satu malam. Pemimpin-pemimpin yang membidani PH pada awalnya, terutama dari PKR amat memahami apakah krisis dalaman dan halangan-halangan yang melintangi jalan untuk Anwar menjadi Perdana Menteri. Pergelutan kuasa yang berlaku dalam PH sendiri bukanlah berbentuk sehala, bukan hanya di antara Anwar dan Mahathir, bahkan terdapat watak-watak lain yang mengintai kerusi Perdana Menteri sejak sebelum PRU-14 lagi.

Usaha menamakan calon Perdana Menteri dari PH adalah satu isu yang sukar untuk diselesaikan. Dr Wan Azizah pada waktu itu merupakan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat dan Anwar berada di Penjara Sungai Buloh, sedangkan beliau sejak sekian lama telah mengetuai Pakatan Rakyat. Tun Mahathir pada waktu itu telah berusia 92 tahun dan idea untuk beliau kembali ke tumpuk kuasa buat kali kedua masih belum dibincangkan secara meluas. Cadangan untuk mengangkat nama Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri hanya bermula pada awal April 2017. Sudah tentu pada waktu itu idea ini tidak disukai oleh pasukan Anwar kerana

ia seolah-olah mengulang tayang semula episod hitam yang telah dilalui sejak tahun 1998. Bekas ‘air tangan’ Tun Mahathir ternyata masih berbekas di memori pejuang-pejuang reformasi. Yang lebih mengejutkan adalah para penyokong Muhyiddin juga menentang idea ini, walaupun Tun Mahathir sendiri adalah Pengurus parti Bersatu.⁶

Percaturan lain tentang calon Perdana Menteri PH rupanya telah berjalan lama sebelum Bersatu menyertai PH secara rasmi pada 14 Mac 2017. Menurut rekod Liew Chin Tong, usaha untuk melobi Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri dan Azmin sebagai Timbalan Perdana Menteri telah digerakkan seawal pertengahan Disember 2016, di mana pada waktu itu Bersatu baru sahaja menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) bersama PH untuk membentuk satu *united front* dalam usaha menjatuhkan BN. Bagi melobi idea kepimpinan Muhyiddin-Azmin ini, Muhyiddin cuba mendapatkan sokongan dari DAP melalui Lim Kit Siang sekitar bulan Februari 2017. Dalam masa yang sama, Azmin yang pada waktu itu memegang jawatan Menteri Besar Selangor dilihat amat liat untuk menubuhkan PH Selangor secara rasmi walaupun PRU dijangka akan berlaku kurang dari tempoh setahun. Beliau dilihat terlalu menagih sokongan dari Pas, antaranya disebabkan oleh kedudukan kerusinya di Parlimen Gombak yang dianggap sebagai kubu kuat penyokong Pas. Azmin cukup tidak senang apabila partinya memilih Amanah dan DAP untuk membentuk gabungan PH, dan meninggalkan Pas yang cukup disayanginya itu.

⁶ Kronologi pendirian politik Muhyiddin ini dikongsi oleh Liew Chin Tong, salah seorang jururunding DAP yang sering menjadi wakil DAP dalam banyak perbincangan semasa proses penubuhan Pakatan Harapan. Rujuk dua artikel beliau bertajuk *The Strange Case of Muhyiddin Yassin (Part 1)* dan *The Strange Case of Muhyiddin Yassin (Part 2)* di pautan berikut: <https://www.liewchintong.com>.

Walau bagaimanapun, Anwar mungkin berasas baik pada waktu itu kerana suara desakan dari jururunding PKR sangat kuat. Naratif Muhyiddin-Azmin tenggelam seketika apabila PH mengumumkan struktur kepimpinan utama mereka. Tun Mahathir menjadi Pengurus PH, Dr Wan Azizah sebagai Presiden PH, dan satu lagi kerusi utama disediakan untuk Anwar iaitu Ketua Umum PH (atau *de facto leader*). Ketiga-tiga posisi ini sukar untuk dijelaskan fungsinya, tetapi yang jelas adalah Tun Mahathir sebagai pengurus diberi peranan untuk mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden PH. Sebagai ahli politik yang pada waktu itu dilihat terbuka dan jarang berpolitik, Muhyiddin mengambil keputusan itu sebagai jalan untuk mara ke hadapan bagi menjatuhkan BN.

Azmin mengambil sikap sebaliknya, iaitu dengan membantah keputusan ini. Malah dalam satu program pemukiman PH di Putrajaya pada 1-2 Disember 2017, Azmin masih menentang keputusan tersebut. Setelah melalui proses rundingan yang panjang, kemuncaknya ialah nama Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7 dan Anwar sebagai Perdana Menteri ke-8 terpahat dalam perjanjian Muafakat Pakatan Harapan yang diumumkan secara rasmi pada 7 Januari 2018. Keesokan hari selepas pengumuman rasmi dibuat, gerombolan pemimpin PKR Selangor termasuk Zuraida Kamaruddin masih digerakkan untuk *echo* (mengulang-ulang) desakan menolak keputusan Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri PH.

ANWAR MENGATUR LANGKAH

Anwar mendapat Pengampunan Diraja seminggu selepas PH membentuk kerajaan, sehingga memberi peluang kepada beliau

untuk kembali ke dunia politik. Namun, proses transisi jawatan Perdana Menteri tidak mungkin terjadi dengan sendiri kerana ia bersifat teknikal. Terdapat banyak aspek undang-undang yang perlu dipatuhi sepanjang proses tersebut. Jadi, percaturan pertama untuk merealisasikan pelan ini ialah Anwar perlu benar-benar menguasai partinya dahulu. Sejak Dr Wan Azizah menjadi Presiden PKR, Anwar telah dilantik sebagai Ketua Umum iaitu simbolik kepada kepemimpinan utama PKR. Sedangkan hanya bidang kuasa seorang Presiden parti yang bersifat eksekutif, boleh memberi arahan, boleh melantik anggota tambahan dalam Majlis Pimpinan Pusat (MPP) untuk mengimbangi keputusan sesuatu mesyuarat, dan boleh menandatangani watikah calon untuk bertanding dalam pilihan raya.

Anwar juga perlu mengimbangi pengaruh Azmin yang sudah mengakar di seluruh negara sejak beliau menjadi Timbalan Presiden PKR, kemudian dilantik sebagai Menteri Besar Selangor, dan seterusnya mendapat tempat dalam kabinet Tun Mahathir sebagai Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Kedudukan dan kuasa ini dipercayai digunakan oleh Azmin untuk membina tapak sokongan kepada kumpulannya di dalam PKR. Ini terbukti apabila Pemilihan PKR 2018 menyaksikan kekalahan tipis Rafizi Ramli, dan Azmin berjaya menguasai 70 peratus daripada hierarki kepimpinan parti, termasuk dalam kalangan anggota MPP, Wanita PKR dan Angkatan Muda Keadilan. Inilah cabaran terbesar yang perlu diurus oleh Anwar iaitu mengembalikan kawalan parti ke pangkuannya. Anwar memenangi jawatan Presiden PKR tanpa sebarang tentangan. Beliau kemudian menyusun PKR dengan membawa masuk nama-nama yang cenderung menyokong beliau, termasuk Saifuddin Nasution sebagai Setiausaha Agung, Rafizi sebagai Naib Presiden lantikan, dan beberapa anggota MPP yang lain. Jawatan Ketua

Umum dimansuhkan. Kini kuasa eksekutif parti termasuk untuk menandatangani watikah calon pilihan raya telah berada di tangan Anwar.

Rukun kedua untuk menjadi Perdana Menteri adalah Anwar perlu kembali ke dalam Dewan Rakyat. Persoalan yang timbul pada waktu itu adalah, bilakah masa yang sesuai untuk Anwar kembali ke Dewan Rakyat?

Adakah sekarang atau beberapa bulan sebelum proses transisi dijadualkan berlaku?

Mengambil kira naratif kedua telah mula diperkatakan untuk menghalang Anwar menjadi Perdana Menteri, beliau perlu menang dalam perlumbaan masa. Justeru sejak 28 Ogos 2018 lagi, Anwar telah membayangkan bahawa beliau akan kembali ke Dewan Rakyat paling lewat sekitar hujung tahun 2018. Desas-desus untuk menghalang Anwar menjadi Perdana Menteri ke-8 telah bermula sejak bulan Ogos 2018 lagi. Ia mula diperkatakan apabila salah seorang ahli MPP PKR, Abdullah Sani telah mendakwa bahawa Tun Daim Zainuddin yang dilantik oleh Tun Mahathir sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan sedang mengetuai satu gerakan “tangan-tangan ghaib” untuk mengubah naratif perjanjian PH. Khabar angin ini memaksa Tun Mahathir menegaskan janjiannya bahawa kedudukan beliau akan diganti oleh Anwar.

Idea gandingan Muhyiddin-Azmin sedikit terganggu apabila Muhyiddin disahkan menghidap penyakit kanser pankreas pada Julai 2018, walaupun pada awalnya beliau menafikan. Muhyiddin terpaksa diterbangkan ke Singapura selama beberapa bulan untuk menjalani rawatan dan pembedahan di Mount Elizabeth Hospital. Jawatan Menteri Dalam Negeri telah dipangku oleh Tun Mahathir sendiri apabila Muhyiddin mengalami kesukaran untuk hadir

sepenuhnya ke mesyuarat mingguan Kabinet kerana beliau perlu menjalani rawatan kemoterapi secara berkala.

NARATIF KEDUA

Baru sahaja empat bulan kerajaan PH ditubuhkan, tidak sememana pada 29 September 2018, Presiden Pas Abdul Hadi Awang telah mencadangkan agar Tun Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal ke-14. Dipercayai inilah pertama kali idea ini mula diapungkan dalam khalayak ramai, oleh seorang yang pada awalnya menghina dan meremehkan pengaruh Tun Mahathir sebelum PRU-14 berlangsung⁷. Mungkin ia satu kebetulan. Jika ditelusuri garis masa, sebaik sahaja Tun Mahathir menubuhkan kerajaan, Abdul Hadi adalah orang pertama dari pembangkang yang datang mengadap Tun Mahathir di Pejabat Perdana Menteri dengan berketayap merah, bersama dua orang pemimpin Pas yang lain iaitu Dr Samsuri Mokhtar yang baru sahaja dilantik sebagai Menteri Besar Terengganu dan Cikgu Pa (Mustafa Ali), seorang pemimpin veteran Pas. Pertemuan yang berlaku pada 4 Jun 2018 itu disusuli pula oleh kehadiran Presiden Umno, Zahid Hamidi ke Pejabat Perdana Menteri.

Dalam keadaan ini, Anwar perlu segera menjadi Ahli Parlimen supaya beliau tidak hanya duduk di luar padang permainan. Bagi menjayakkan hasrat ini, satu lagi ‘Langkah’ Port Dickson telah dilaksanakan oleh PKR dan seperti yang dijangka, Anwar menang

⁷ Dalam siri kempen Pilihan Raya Umum ke-14, Abdul Hadi Awang telah beberapa kali memperlekeh Tun Mahathir. Antaranya ialah Tun Mahathir sebagai seorang doktor sepatutnya bekerja di Klinik 1Malaysia dan memberi rawatan percuma.

bergaya dalam pilihan raya kecil tersebut. Majlis angkat sumpah Anwar sebagai Ahli Parlimen berlangsung pada 15 Oktober 2018. Langkah ini telah menafikan dakwaan asal bahawa Anwar akan balik semula ke kerusi tradisinya di Parlimen Permatang Pauh yang sedang disandang oleh Nurul Izzah, atau bertanding di Parlimen Pandan yang sedang disandang oleh Dr Wan Azizah. Sebelum ini, ramai orang termasuk penulis sendiri beranggapan bahawa Dr Wan Azizah akan melepaskan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan terus diganti oleh Anwar. Namun, kita boleh memahami bahawa Anwar sendiri tidak mahu dibayangi oleh corak pemerintahan Tun Mahathir, semenjak dalam permainan angka sokongan di Dewan Rakyat, Anwar perlu memastikan sebanyak mungkin kerusi-kerusi PKR berpihak kepadanya, termasuk kerusi Permatang Pauh dan Pandan.

Beberapa hari selepas Anwar menyertai Dewan Rakyat, buat pertama kali sejak beberapa bulan lalu, Muhyiddin mengeluarkan satu kenyataan memaklumkan bahawa penyakit yang dihadapi oleh beliau telah sembah sekitar 60 peratus. Menurut Muhyiddin, beliau telah menjalani pembedahan untuk membuang ketumbuhan termasuk 40 peratus organ pankreas serta bahagian organ lain seperti *duodenum* dan *bile duct*, di samping perlu menjalani lapan sesi rawatan kemoterapi.

Dalam polemik peralihan kuasa ini, naratif baru yang tidak selari dengan perjanjian PH semakin kuat dipalu. Sekitar November 2018, mesyuarat Bersatu bahagian Setiawangsa yang diketuai oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri, Zahid Md Arip telah meluluskan satu usul agar Tun Mahathir terus memegang jawatannya untuk tempoh satu penggal. Cadangan ini memaksa Tun Mahathir menegaskan pendiriannya sekali lagi bahawa beliau akan meletakkan jawatan selepas dua tahun mentadbir negara,

dan menyerahkan kuasa kepada Anwar seperti perjanjian PH yang asal. Tidak sekadar bersifat cadangan, seorang Ahli Parlimen Umno, Hamzah Zainuddin mendakwa beliau telah mendapatkan sokongan seramai 36 orang Ahli Parlimen BN yang terdiri daripada 33 orang dari Umno, seorang dari PBRS dan dua orang MIC⁸ untuk menandatangani surat akuan bersumpah (SD) bagi menyokong Tun Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri sehingga PRU-15. Usaha yang telah berjalan sejak November 2018 ini dibuat tanpa pengetahuan Zahid Hamidi sebagai Presiden Umno. Serentak pengumuman ini, Hamzah bersama empat lagi Ahli Parlimen Umno yang lain telah mengisyiharkan diri mereka keluar dari Umno dan menjadi ahli Parlimen bebas.

Idea yang sama kemudian digemakan (*echo*) oleh Mukhriz Mahathir pada 30 Disember 2018. Dalam Perhimpunan Agung Tahunan Ke-2 Bersatu yang berlangsung pada 28 Disember 2018, suara desakan agar Tun Mahathir tidak menyerahkan kuasa kepada Anwar semakin kuat kedengaran. Misalnya seorang perwakilan dari Kelantan mendesak agar Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri selama lima tahun, dan Mukhriz pula meminta lebih masa diberikan kepada Tun Mahathir untuk membersihkan kerajaan sebelum meletakkan jawatan. Naratif kedua ini kian membesar dan merebak, sehingga Tun Mahathir sekali lagi terpaksa mengulangi pendiriannya, bahawa beliau akan menunaikan perjanjian asal PH.

⁸ Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) hanya mempunyai seorang Ahli Dewan Rakyat iaitu Arthur Joseph Kurup yang mewakili Parlimen Pensiangan (Sabah), manakala MIC juga hanya mempunyai seorang Ahli Dewan Rakyat iaitu M. Saravanan yang mewakili Parlimen Tapah.

NARATIF KETIGA

Pergelutan kuasa dalam PH yang berlaku di sebalik tabir rupanya lebih rumit berbanding apa yang dilihat oleh orang ramai. Berita tentang pertemuan Azmin Ali dan Hishammuddin Hussein di Maghribi telah menjadi tular apabila sekeping gambar keluarga mereka telah dimuat naik di laman Twitter oleh anak Azmin sendiri dengan tajuk “*Our families reunited*”. Gambar yang bertarikh 30 Disember 2018 ini kemudiannya dipadamkan pada hari yang sama. Meskipun selepas itu dijelaskan oleh Azmin bahawa mereka hanya ‘terserempak’ sewaktu melancong di Maghribi, ia tetap meniuangkan spekulasi bahawa sedang berlaku satu percaturan besar antara dua kumpulan; fraksi Azmin dari PKR dan fraksi Hishammuddin dari Umno untuk menghalang Anwar menduduki kerusi Perdana Menteri. Spekulasi ini ditambah pula dengan krisis besar antara Anwar dan Azmin selepas berlangsungnya pemilihan PKR sejak bulan Ogos 2018.

Apakah mesej yang cuba dihantar oleh Azmin dari benua Afrika Utara ini?

Naratif ketiga ini sudah menjadi rahsia umum. Satu usaha sedang digerakkan oleh pihak-pihak tertentu untuk membentuk satu gabungan yang dinamakan sebagai muafakat Melayu-Islam. Antara faktor-faktor yang mendorong naratif ini dihidupkan adalah; kekalahan Umno dan Pas dalam PRU-14, lambakan keskes pendakwaan ke atas pemimpin-pemimpin besar Umno, dan persepsi yang sengaja dicipta untuk memberi gambaran bahawa kerajaan PH telah dikuasai oleh orang Cina berdasarkan nisbah Ahli Parlimen mengikut kaum. Kemuncak kepada idea ini adalah untuk membentuk satu gabungan parti-parti Melayu dengan sokongan

tambahan dari Ahli Parlimen Bebas sehingga dapat mengekalkan sokongan majoriti Dewan Rakyat kepada Tun Mahathir, atau dalam kes kedua, membentuk satu kerajaan baru yang terkeluar dari naratif pertama iaitu kesinambungan PH dengan Anwar sebagai Perdana Menteri ke-8.

Lalu naratif ketiga ini kembali bernafas. Umno dan Pas yang sedang tersepit sebagai parti pembangkang cuba mengambil kesempatan dan mula menggemarkan idea ini.

Ledakan persepsi baru ini sudah tentu dapat dihidu lebih awal oleh pemimpin-pemimpin PH, khususnya Anwar sendiri. Bagi melawan naratif baru ini, Anwar yang berada di luar Kabinet kerajaan menyusun satu strategi iaitu membuat pertemuan rasmi secara bulanan dengan Perdana Menteri bagi mempamerkan kesinambungan pentadbiran antara Perdana Menteri ke-7 dan bakal Perdana Menteri ke-8. Strategi mengolah persepsi ini sudah tentu datang dari pihak Anwar kerana setiap kali pertemuan berlangsung, hanya Anwar yang akan menguar-uarkan isi perbincangan meskipun hanya berlangsung sesingkat 30 minit. Sedangkan sebagai satu pasukan PH, mereka berdua telah dan akan selalu bertemu dalam majlis-majlis kerajaan dan mesyuarat bulanan Majlis Presiden PH. Tahun 2019 dimulakan dengan pertemuan Tun Mahathir dan Anwar di Pejabat Perdana Menteri pada 2 Januari 2019. Dalam satu kenyataan oleh Tun Mahathir pada hari yang sama, beliau menyatakan bahawa Anwar tidak pernah meminta untuk menjadi Perdana Menteri lebih awal, tetapi tetap mengulangi bahawa Anwar akan menjadi Perdana Menteri selepas beliau meletakkan jawatan. Malah daripada tempoh yang diketahui umum iaitu dua tahun, Tun Mahathir mula *test the water* dengan menyinggung hasrat barunya iaitu “mungkin lebih dari dua tahun”.

Desas-desus percaturan pintu belakang menjadi semakin hangat. Kumpulan Otai Reformasi yang menyokong Anwar telah memberi satu amaran, bahawa orang yang mahu menghalang Anwar menjadi Perdana Menteri adalah dari PKR sendiri iaitu seorang yang berjawatan Menteri. Ia dipercayai merujuk kepada Azmin yang pada waktu itu merupakan Timbalan Presiden PKR. Beberapa hari kemudian, Anwar turut memberi amaran bahawa terdapat gerakan dari dalam kerajaan PH sendiri yang mahu mensabotaj perjanjian PH. Difahamkan bahawa pada waktu itu, sejumlah 131 surat SD telah dikumpul hasil daripada rundingan antara parti Bersatu, Umno dan Pas sejak setahun yang lalu. Dipercayai bahawa *trio* di sebalik gerakan ini adalah Muhyiddin sendiri, bersama Redzuan Yusof (yang terkenal sebagai Menteri Kereta Terbang) dan Hamzah Zainuddin. Seperti yang diisyaratkan lebih awal, satu-satunya tujuan percaturan ini adalah untuk berhadapan dengan desakan dari Majlis Presiden PH agar Tun Mahathir meletakkan jawatan serta-merta bagi memberi laluan kepada Anwar. Yang lebih mengejutkan adalah percaturan ini rupa-rupanya sentiasa berada dalam pengetahuan Tun Mahathir sejak dari awal kerana kemaskini rundingan tersebut sentiasa dibentangkan dalam mesyuarat MPT Bersatu⁹.

9 Perkara ini dikongsikan oleh ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Dr Muhammad Faiz Na'aman pada 12 Mac 2020. Sila rujuk artikel bertajuk *Kronologi terperinci krisis politik Pakatan Harapan-Bersatu* di laman <https://malaysiadateline.com>. Ternyata, dalam pengetahuan Tun Mahathir, Hamzah Zainuddin ialah perunding yang telah diberi mandat oleh MPT Bersatu untuk membawa Pas dan Umno ke meja rundingan bersama Bersatu, seterusnya membentuk satu kerajaan baru yang didominasi oleh orang Melayu. Dan pelawaan Bersatu ini disambut dengan tangan terbuka oleh Umno dan Pas yang pada waktu itu telah membina tapak Muafakat Nasional. Rundingan demi rundingan peringkat tertinggi telah berjalan sejak bulan Mac 2019, iaitu permulaan garis masa rasmi yang diputuskan sendiri oleh pemimpin tertinggi parti Bersatu, bagi rundingan untuk menjatuhkan kerajaan PH dan membentuk sebuah kerajaan baru yang terdiri daripada Bersatu, Umno dan

Peperangan naratif ini tidak mudah kerana ia sangat dinamik. Bagi mengelakkan naratif peralihan kuasa Mahathir-Anwar ini tenggelam begitu sahaja, perjanjian asal PH ini perlu sentiasa diperhangatkan dari minggu ke minggu, dari bulan ke bulan. Anwar terus mengulangi keyakinan beliau dalam media tempatan dan juga siri wawancara dengan media-media antarabangsa, bahawa transisi ini pasti berlaku. Peranan ini dilihat bukan sahaja dimainkan oleh Anwar seorang, tetapi beberapa pemimpin PKR yang lain turut membuat *echo*. Persoalannya, adakah Anwar mampu mempengaruhi parti-parti lain dalam PH untuk menyokong beliau?

Bagaimana pula dengan sokongan Ahli-ahli Parlimen dari luar gabungan PH seperti Warisan dan Bebas?

Adakah Ahli-ahli Parlimen Bersatu tidak akan bertindak balas apabila Tun Mahathir ingin meletakkan jawatan?

Persoalan-persoalan ini akhirnya akan kembali kepada realpolitik yang berlaku dalam kerajaan PH itu sendiri.

UNDI TIDAK PERCAYA

Pada 15 Februari 2019, Abdul Hadi Awang bersama Dr Ahmad Samsuri dan Takiyuddin Hassan (Setiausaha Agung Pas) telah sekali lagi datang mengadap Tun Mahathir di bangunan Yayasan Albukhary. Kali ini mereka membawa bersama surat perakuan untuk menyokong Tun Mahathir dalam Dewan Rakyat jika terdapat usul undi tidak percaya (*vote of no confidence – VONC*). Ini kerana Pas mendakwa gerakan untuk menjatuhkan Tun Mahathir

Pas. Rujuk juga esei bertajuk *Why Did Bersatu Leave Pakatan Harapan?* oleh Wan Saiful Wan Jan (2020), di bawah siri *Trends in Southeast Asia* yang diterbitkan oleh ISEAS - Yusof Ishak Institute, Singapore.

sedang berlaku dan Anwar didakwa merancang untuk membawa usul VONC di Dewan Rakyat. Anwar segera menafikan perkara ini dan Majlis Presiden PH mengulangi ketetapan bahawa PH akan terus memberi keyakinan kepada Tun Mahathir untuk mentadbir. Untuk memberi gambaran hubungan mereka tidak keruh, Anwar terus mengadakan pertemuan peribadi dengan Tun Mahathir di Pejabat Perdana Menteri. Sebagaimana yang dilaporkan, pertemuan yang sama sempat berlangsung sebanyak 12 kali, iaitu pada 8 Februari, 1 Mac, 5 April, 27 Mei, 11 Jun, 20 Jun, 24 Jun, 12 Julai, 18 Oktober, 21 November 2019, 7 Januari 2020, dan yang terakhir ialah pada 13 Februari 2020 iaitu 10 hari sebelum kerajaan PH terbubar. Dalam tempoh yang sama, Anwar telah menjelajah ke seluruh negara, bertemu dengan pelbagai pemegang taruh di dalam dan luar negara, dan sentiasa mengulangi keyakinan beliau untuk diangkat sebagai Perdana Menteri ke-8. Beliau bahkan secara peribadi menerima kehadiran ramai tokoh-tokoh dari luar negara, sama ada wakil kerajaan, tokoh masyarakat, wakil pelabur, dan ahli-ahli korporat. Tindakan Anwar ini dilihat menimbulkan rasa kurang senang Tun Mahathir, kerana Anwar telah mula membina jaringan pengaruhnya, seolah-olah beliau mewakili suara rasmi kerajaan dan mempopularkan naratif tersendiri terhadap dasar-dasar kerajaan pimpinan Tun Mahathir. Sedangkan beliau pada waktu itu berada di luar Kabinet kerajan.

Sebenarnya cadangan untuk membawa Anwar masuk ke dalam kabinet Tun Mahathir telah terbit lebih awal, sebagai strategi PH untuk meredakan ketegangan antara kedua-dua kumpulan penyokong dan sebagai pelan kesinambungan antara Tun Mahathir dan Anwar. Namun, entah kenapa perkara ini tidak pernah berlaku. Sebaliknya Anwar mengulangi pendirian untuk tidak mengganggu urusan pentadbiran Tun Mahathir. Misalnya

pada 22 Ogos 2019, Tun Mahathir dilaporkan berhasrat untuk merombak Kabinet kerajaan. Ramai pemimpin PH beranggapan bahawa ini adalah masa terbaik untuk Anwar menyertai kerajaan PH dan menutup segala persepsi liar tentang isu peralihan kuasa. Namun, jawapan daripada Tun Mahathir bahawa “oleh kerana tiada siapa yang mengatakan mereka (Menteri) ingin meletakkan jawatan, kami tidak mempunyai kekosongan (untuk Anwar)”, amat menguris hati para penyokong PH. Ia seolah-olah mengesahkan lagi propaganda pembangkang bahawa Tun Mahathir sebenarnya tidak mahu langsung memberi ruang kepada Anwar.

Percaturan untuk usul menyokong Tun Mahathir di Dewan Rakyat disambut pula oleh Umno sekitar awal bulan Mac 2019 apabila Mohamad Hassan (Tok Mat) sebagai Timbalan Presiden Umno menyatakan bahawa Umno bersedia untuk menyokong Tun Mahathir jika terdapat usul VONC, bergantung kepada situasi dan syarat-syarat tertentu. Persetujuan ini diulang semula oleh Hishammuddin pada bulan April 2019. Umno tahu bahawa sebahagian besar faktor kekuatan PH adalah terletak pada hubungan Mahathir-Anwar. Antara titik sukar untuk membina kekuatan PH sebelum PRU-14 adalah memulihkan perseteruan kedua-dua tokoh ini yang berlanjutan selama hampir 20 tahun dan membawa mereka ke meja rundingan. Untuk menggugat kestabilan PH, *tippling point* ini perlu dipecahkan. Justeru, usaha untuk mengadu domba antara kedua-dua pemimpin ini dan sesama parti-parti komponen PH dibuat secara konsisten oleh Umno dan Pas. Misalnya, Ketua Pemuda Umno Asyraf Wajdi dan Tok Mat telah menanam persepsi bahawa Tun Mahathir tidak akan membiarkan Anwar menjadi Perdana Menteri. Satu pihak mengatakan Anwar mahu menggulingkan Tun Mahathir melalui pintu belakang dan hanya menunggu masa untuk mengadap Yang di-Pertuan (YDP)

Agong, satu pihak lagi mendorong Tun Mahathir agar menyediakan pelan B untuk mengimbangi percaturan Anwar, dan akhirnya Anwar pula yang terpaksa menyusun perancangan untuk memberi respon kepada pelan B Tun Mahathir. Apabila mula timbul perasaan syak wasangka dan saling tidak percaya, PH akan bergerak kepada titik lemahnya dan kelebihan akan berpihak kepada parti-parti pembangkang.

Bagi menutup segala persepsi liar ini, Anwar bertindak mengumumkan bahawa isu peralihan kuasa antara mereka berdua sudah selesai, dan tarikh transisi akan dibincangkan oleh mereka berdua sahaja. Beliau sendiri mengaku berpuas hati dengan pelan transisi dan meyakini bahawa ia akan berlaku seperti yang dijanjikan. Kenyataan ini terpaksa dibuat berulang kali dalam banyak sidang media, bagi meredakan desakan demi desakan dari partinya sendiri. Sama ada siri desakan dari PKR dan pertanyaan dari media-media ini disusun secara terancang atau kebetulan, atau mungkin juga sengaja dicipta oleh pihak ketiga untuk meretakkan hubungan antara Tun Mahathir dan Anwar. Pendekatan yang diambil oleh Anwar ini disifatkan sebagai pendekatan ‘pasif agresif’, di mana beliau sendiri membawa imej sederhana dan tidak mendesak, dari sisi lain beliau membiarkan para pengikutnya membuat desakan dari pelbagai arah¹⁰.

Selain itu, polemik peralihan kuasa ini turut digangu oleh desas-desus bahawa Tun Mahathir sebenarnya mahu melantik Azmin sebagai Perdana Menteri ke-8, bukan Anwar. Ini menyebabkan Anwar sekali lagi terpaksa membuat ‘fire fighting’ dengan satu kenyataan berani pada 19 Julai 2019, iaitu beliau

10 Rujuk esei *Why Did Bersatu Leave Pakatan Harapan?* oleh Wan Saiful Wan Jan (2020), di bawah siri *Trends in Southeast Asia* yang diterbitkan oleh ISEAS - Yusof Ishak Institute, Singapore.

mempunyai cukup angka sokongan dari ahli-ahli Parlimen untuk menjadi Perdana Menteri. Pada keesokan hari, kenyataan Anwar ini segera dijadikan senjata untuk memecahkan lagi kesatuan PH. Satu akuan SD yang kemudiannya disahkan palsu, menyatakan bahawa Anwar telah mendapat sokongan dua pertiga Dewan Rakyat dan hanya menunggu masa untuk mengadap YDP Agong.

Satu mantera yang sering diungkap oleh ahli politik apabila menerima sesuatu berita adalah, jika tiada angin masakan pokok bergoyang? Bermula dari propaganda pihak lawan, kemudian digemakan oleh beberapa orang, dan akhirnya ia dianggap sebagai suatu ‘realiti’ yang perlu diberi reaksi. Desas-desus mengatakan Anwar membuat percaturan di belakang Tun Mahathir sudah tentu akan mengundang reaksi dari pihak Bersatu. Inilah situasi yang menggembirakan mereka yang mahu menyekat laluan Anwar ke kerusi Perdana Menteri.

Dalam minggu terakhir Julai 2019, pendirian beberapa pihak yang dilihat berlaku secara terancang telah diumumkan. Bermula dengan Umno dan Pas yang mengulangi pendirian menyokong Tun Mahathir sehingga habis penggal ke-14, ia kemudian diulang semula oleh Azmin. Pendirian Azmin ini telah mengeruhkan pergolakan yang berlaku dalam PKR kerana ia bertentangan dengan perdirian rasmi partinya sendiri.

KONGRES MARUAH MELAYU

Selepas Himpunan Penyatuan Ummah (HPU) yang mengumpul para penyokong dan pemimpin Pas dan Umno berjaya dianjurkan pada 14 September 2019 di PWTC, idea penubuhan sebuah kerajaan baru tanpa parti Amanah dan DAP bertiup semakin

kencang sekitar Oktober 2019. Difahamkan bahawa *master mind* di sebalik semua perancangan ini adalah gandingan *trio* Azmin-Hishammuddin-Hamzah (PKR-Umno-Bersatu) yang berperanan menjadi orang tengah dalam mengumpulkan SD sokongan daripada ahli Parlimen parti masing-masing. Tun Daim yang didakwa dalang utama percaturan ini, sekali lagi menafikan dirinya terlibat di sebalik apa yang dipanggil sebagai pensejajaran baru politik Melayu.

Belum pun reda dengan cakap-cakap berkenaan kejayaan penganjuran HPU oleh Umno dan Pas, satu lagi himpunan pemimpin dan ahli akademik Melayu telah dianjurkan atas nama Kongres Maruah Melayu (KMM) pada 6 Oktober 2019, bertempat di Stadium Melawati Shah Alam. Penganjuran kongres ini menimbulkan banyak tanda tanya. Antaranya ialah kenapa Presiden Umno enggan hadir dan hanya menghantar wakil ke program tersebut iaitu Annuar Musa? Kenapa Anwar yang juga pemimpin Melayu tidak dijemput bersama? Kenapa Tun Mahathir dilihat menjadi tumpuan dan dijulang oleh pemimpin-pemimpin Umno dan Pas? Kenapa Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri PH memilih untuk hadir ke perhimpunan yang hampir kesemuanya melibatkan pemimpin-pemimpin pembangkang? Adakah Tun Mahathir mahu memerangkap pemimpin-pemimpin Melayu dalam Umno dan Pas melalui kongres ini? Dan ya, beberapa pemimpin Umno telah mendakwa bahawa agenda di sebalik penganjuran kongres ini adalah untuk menenggelamkan kejayaan HPU yang berlangsung dua minggu sebelumnya.

Persoalan yang paling penting adalah, siapakah penganjur sebenar kongres ini?

Di hadapan media, KMM ini diuar-uarkan sebagai satu program anjuran badan NGO yang diketuai oleh Profesor Datuk Dr Zainal Kling bersama empat universiti awam. Beliau yang

dilantik sebagai Ketua Eksekutif Sekreteriat Kongres Maruah Melayu berkata program ini bukan menjadi alat mana-mana ahli politik, sebaliknya ialah adalah anjuran bersama pusat-pusat kajian Melayu seperti Institut Pemikiran Melayu (UiTM), Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (UM), Pusat Tamadun Melayu (UPSI) dan Muzium Warisan Melayu (UPM). Hakikatnya, satu gambar mesyuarat jawatankuasa penganjuran KMM yang ditularkan telah merakam Hamzah Zainuddin sedang mempengaruhi mesyuarat tersebut¹¹ dan turut kelihatan dalam mesyuarat itu adalah Dr Abd. Latiff. Kedua-dua mereka ini merupakan bekas Ahli Parlimen Umno yang menyertai Bersatu pada 12 Februari 2019.

Penyertaan Tun Mahathir dalam KMM telah mengundang kritikan keras daripada parti-parti komponen PH, terutamanya apabila Umno dan Pas sebagai parti pembangkang dilihat duduk bersama Tun Mahathir. Sebagai Perdana Menteri yang mewakili PH, Tun Mahathir sepatutnya membawa naratif politik yang cuba diketengahkan oleh PH¹².

Di sebalik agenda politik Bersatu yang mahu merangkul semula sokongan orang Melayu, pemimpin-pemimpin Melayu dalam PKR dan Amanah terpaksa menanggung dilema yang pahit. Jika tidak menyertai KMM ini, mereka akan dilihat sebagai ‘tidak cukup Melayu’ dan menolak agenda ‘perjuangan Melayu’. Dilema ini memaksa Presiden Amanah Mohamad Sabu untuk turut hadir

11 Hamzah Zainuddin telah mengesahkan perkara ini pada 29 Mei 2020, bahawa penganjuran Kongres Maruah Melayu ini dibuat atas arahan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri.

12 Kehadiran Tun Mahathir untuk digandingkan dengan pemimpin Umno dan Pas di atas pentas utama Kongres Maruah Melayu telah dipersetujui oleh MPT Bersatu. Rujuk eseи *Why Did Bersatu Leave Pakatan Harapan?* oleh Wan Saiful Wan Jan (2020), di bawah siri *Trends in Southeast Asia* yang diterbitkan oleh ISEAS - Yusof Ishak Institute, Singapore.

AMARAH ULEMA
N DR. MAHATHIR MOHAMAD



Tun Mahathir dikelilingi oleh pemimpin-pemimpin pembangkang di atas pentas.

dan menyelit di atas pentas bersama wakil-wakil Umno dan Pas, sehingga mengundang kritikan ahli-ahlinya sendiri kerana tidak selari dengan naratif anti-perkauman yang sering disyarahkan oleh beliau sejak sekian lama. Anwar sebagai Presiden PKR tidak hadir kerana menurutnya, jemputan diberikan pada saat-saat terakhir dan beliau sedang berada di kawasan Parlimennya di Port Dickson. Malangnya, dengan lambakan cadangan dan tuntutan yang diisyiharkan sebagai resolusi kongres, penganjuran kongres ini telah memberi gambaran negatif bahawa kerajaan PH telah mengabaikan nasib orang Melayu. Resolusi-resolusi ini dilihat memerangkap kerajaan PH sendiri, kerana sebahagiannya dari segi politik agak sukar untuk dipenuhi. Antaranya ialah memansuhkan sekolah vernakular, penjawatan Menteri Kanan (seperti Kewangan, Pendidikan, Pertahanan, Dalam Negeri) dari kalangan orang Islam termasuk Peguam Negara, Ketua Hakim Negara, Ketua Setiausaha

Negara, Ketua Polis Negara, Panglima ATM dan sebagainya. Resolusi-resolusi yang dikemukakan juga adalah bersifat dasar—misalnya dari segi ekonomi dan pendekatan politik perkauman—yang tidak selari dengan manifesto PH.

Dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum, penglibatan Tun Mahathir dalam kongres ini telah mencetuskan polemik perkauman sehingga mengundang perbalahan antara kaum di media sosial. Ramai netizen Melayu yang mula ‘naik syeikh’ hasil dari penganjuran HPU dan KMM terutama dalam kalangan penyokong Pas dan Umno, sehingga memuat naik hantaran-hantaran yang menajamkan lagi pertentangan perasaan antara kaum. Secara tidak langsung, perhimpunan ini telah meninggalkan rasa kurang senang kaum bukan Melayu terhadap kerajaan PH pimpinan Tun Mahathir sehingga menyebabkan sokongan mereka dalam pilihan raya kecil kian merosot.

NARATIF BARU UNTUK PM-8

Persoalan utama yang berlegar di sekitar perbalahan antara kem Tun Mahathir dan kem Anwar selain turut menjadi topik perbincangan dalam mesyuarat Majlis Presiden adalah; bilakah tarikh sebenar akan berlakunya transisi jawatan Perdana Menteri?

Kesilapan utama semasa fasa awal rundingan pada bulan Januari 2018 adalah, tarikh transisi ini tidak dimasukkan di dalam perjanjian bertulis. Difahamkan bahawa dalam perbincangan awal sebelum perjanjian 7 Januari 2018 dimuktamadkan, idea tempoh dua tahun untuk Tun Mahathir menunaikan tanggungjawabnya sudah diperkatakan. Tetapi cadangan untuk mengumumkan kepada khalayak ramai tidak dipersetujui bersama kerana bimbang

ia akan memberi impak kepada keberkesanan pentadbiran Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7. Justeru, atas semangat muafakat secara lisan inilah, tempoh dua tahun menjadi batu asas kepada pemimpin-pimpinan PH terutama daripada PKR, untuk mengangkat Tun Mahathir sementara menunggu Anwar dibebaskan dari penjara.

Malangnya ia tidak seperti yang diimpikan. Selain terpaksa berhadapan dengan naratif kedua dan ketiga, Bersatu dan Tun Mahathir mula mengeluarkan dua lagi ‘kad’ baru iaitu:

- i) Untuk menjadi Perdana Menteri ke-8, Anwar perlu mendapatkan sendiri sokongan majoriti Ahli-ahli Parlimen. Ini bermakna, Anwar perlu sedar bahawa proses peralihan kuasa tidak akan berlaku secara automatik dan lancar, sebagaimana yang sebelum ini diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional dari seorang Presiden Umno kepada Timbalannya. Naratif ini mula dicetuskan lebih awal oleh Khairuddin Abu Hassan iaitu sejak 2 Ogos 2019, menyentuh soal keperluan untuk pengundian calon Perdana Menteri baru dalam Dewan Rakyat. Di sebalik janjinya untuk menyerahkan kuasa kepada Anwar, Tun Mahathir kemudiannya telah menyalin hujah yang sama pada 8 Februari 2020 seolah-olah memberi gambaran wakil daripada Bersatu tidak akan memberi laluan mudah kepada Anwar.

Dari segi Perlembagaan Persekutuan, sememangnya seorang Perdana Menteri akan dilantik dalam kalangan Ahli Parlimen yang dipercayai memiliki sokongan majoriti dalam Dewan Rakyat. Namun dari segi amalan politik, sepatutnya apabila sesuatu gabungan itu bersetuju dengan calon Perdana

Menterinya, secara automatik sokongan akan diberikan hanya melalui mandat yang ada pada setiap presiden parti-parti gabungan. Inilah amalan yang selama ini telah menstabilkan kerajaan BN selama 61 tahun, dan barangkali inilah jangkaan yang akan berlaku semasa perjanjian PH dimeterai.

- ii) Tun Mahathir hanya mahu melepaskan jawatan selepas APEC yang akan berlangsung pada November 2020. Sebagai seorang Perdana Menteri yang disegani di seluruh dunia, APEC adalah antara medan yang paling berprestij untuk penampilan terakhir Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri tertua di dunia. Mustahil untuk beliau melepaskan peluang ini dan membiarkan Anwar mencuri tumpuan lensa antarabangsa. Idea ini mula diperkatakan pada 30 Oktober 2019. Pada 11 November 2019 dan 10 Disember 2019, Tun Mahathir mengulangi pendirian tersebut dengan lebih tegas. Syarat baru ini tidak disenangi oleh pemimpin PKR kerana ia tiada di dalam perjanjian PH dan Tun Mahathir dilihat cuba bermain tarik tali. Meskipun disebut selepas APEC, ia tetap merupakan sekeping cek kosong yang boleh diisi oleh Tun Mahathir mengikut kemahuannya. Idea ini menimbulkan lebih banyak penentangan kerana apabila Anwar menjadi Perdana Menteri, beliau juga memerlukan masa yang cukup—katakan dua tahun—untuk memastikan kestabilan kerajaan dan sokongan rakyat kepada PH sebelum menjelang PRU-15.

Percaturan peralihan kuasa kepada Anwar, terutama selepas ada ura-ura mengatakan keputusan akhir akan dibuat secara peribadi

antara Tun Mahathir dan Anwar, dianggap oleh Azmin sebagai penubuhan “kerajaan pintu belakang” dan tidak menghormati mandat rakyat. Azmin konsisten dalam pendiriannya bahawa mandat rakyat dalam PRU-14 adalah kepada Tun Mahathir, bukan kepada Anwar. Pendirian ini, secara terancang atau kebetulan, selari dengan apa yang dipegang oleh Umno, Pas dan sebahagian besar anggota Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu.



Gambar yang merakam Zuraida Kamaruddin baru keluar dari kediaman Azmin sebelum disusuli oleh ahli-ahli Parlimen lain.

Perlumbaan masa semakin suntuk. Kekalahan besar PH (calon dari Bersatu) dalam PRK di kerusi campuran Tanjung Piai, menjadi satu lagi hujah yang kuat untuk PH mendesak agar peralihan kuasa kepada Anwar disegerakan. Dua hari kemudian, satu perbincangan sulit telah dibuat di kediaman rasmi Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Azmin Ali di Presint 10 Putrajaya. Dilaporkan bahawa pertemuan antara pukul 7.00 hingga 11.00 malam itu telah dihadiri oleh sekurang-kurangnya 22 orang Ahli Parlimen Umno dan lima orang Ahli Parlimen PKR¹³. Difahamkan bahawa

13 Pertemuan sulit ini berlangsung pada malam 18 November 2019. Ada laporan

kehadiran Ahli Parlimen Umno ini dibuat tanpa pengetahuan Zahid Hamidi sendiri, sehingga beliau diberitahu ia hanyalah perbincangan berkenaan projek pembangunan di kawasan masing-masing.

Percaturan Azmin, Hishammuddin, dan Hamzah ini sememangnya telah dihidu sekian lama oleh pihak Anwar. Walaupun tujuan pertemuan sulit pada malam itu tidak dihebahkan, umum mengetahui bahawa antara tujuan utama gerakan pintu belakang ini adalah untuk menghalang Anwar dan memberi sokongan kepada Tun Mahathir melalui sebuah kerajaan gabungan baru. Dua hari selepas pertemuan tersebut, Anwar telah memberi gambaran bahawa memang terdapat usaha untuk menaikkan orang lain sebagai Perdana Menteri melalui pakatan sulit. Selepas pertemuan pada malam tersebut, tiada sebarang perkembangan yang dilaporkan kerana PKR mula disibukkan dengan acara Kongres Tahunan parti pada awal Disember 2019. Kongres ini telah menyaksikan peperangan terbuka antara kem Anwar dan Azmin, sehingga berlaku kekecohan dan tindakan boikot-memboikot.

Tahun 2020 sepatutnya adalah tahun peralihan kuasa, jika mengambil kira tempoh dua tahun pentadbiran Tun Mahathir.

yang mengatakan jumlah kehadiran sebenar Ahli Parlimen Umno adalah seramai 17 orang. Sebagaimana yang dilaporkan oleh media-media, antara mereka yang hadir adalah Ramli Mohd Nor (Cameron Highland), Mastura Mohd Yazid (Kuala Kangsar), Abdul Rahman Mohamad (Lipis), Ismail Abd Muttalib (Maran), Ahmad Hamzah (Jasin), Shahidan Kassim (Arau), Dr Ismail Mohamed Said (Kuala Krau), Hasbullah Osman (Gerik), Mohd Shahar Abdullah (Paya Besar), Jamaluddin Alias (Jelebu), Azalina Othman (Pengerang), dan Noraini Ahmad (Parit Sulong). Hishammuddin Hussein (Sembrong) dikatakan turut hadir dalam pertemuan tersebut dan dianggap sebagai orang tengah untuk memujuk Ahli-ahli Parlimen Umno, namun beliau telah menafikan dakwaan ini. Ahli Parlimen PKR yang turut hadir ialah Kamaruddin Jaafar (Bandar Tun Razak) dan Zuraida Kamaruddin (Ampang).

Pada 22 Januari 2020, Muhyiddin telah berjumpa dengan Mohamad Sabu untuk berkongsi idea tentang cadangan membentuk kerajaan perpaduan Melayu dan kecenderungannya yang tidak mahukan Anwar sebagai Perdana Menteri ke-8. Idea Muhyiddin ini kedengaran sangat pelik oleh Mohamad Sabu kerana ia tidak lagi selari dengan semangat asal semasa Bersatu menyertai PH ketika di awal penubuhannya¹⁴.

Banyak tanggapan telah dibuat terhadap persoalan kenapa Muhyiddin dan ramai lagi ahli politik dari Umno dan Pas bermati-matian untuk menyekat Anwar. Yang penting sekali adalah, Bersatu sebagai sebuah parti baru orang Melayu yang ingin menggantikan Umno akan mulai kehilangan pengaruhnya apabila Perdana Menteri datang dari parti lain. Tanggapan lain adalah ahli-ahli politik yang mempunyai kes-kes rasuah dan salah guna kuasa akan berasa terancam apabila Anwar berada di tangan Anwar. Teras perjuangan reformasi dan *rule of law* adalah mimpi negeri bagi sesetengah ahli politik yang selama ini berselindung di sebalik kuasa politik. Apatah lagi bagi Azmin yang kononnya bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri melalui jalan singkat, terpaksa membayar dengan harga yang mahal apabila Anwar berada di tampuk kuasa. Beliau sendiri berisiko untuk digugurkan dari Kabinet kerajaan PH yang dipimpin oleh Anwar, di atas ‘dosanya’ yang selama ini cuba untuk memadamkan pengaruh Anwar dan keluarganya di dalam PKR.

14 Peristiwa ini dirakam oleh Liew Chin Tong dalam satu artikel di bawah tajuk *The Strange Case of Muhyiddin Yassin (Part II)* bertarikh 15 Mei 2020. Hubungan beliau amat rapat dengan Mohamad Sabu kerana beliau adalah Timbalan kepada Mohamad Sabu yang pada waktu itu menjadi Menteri Pertahanan. Rujuk di pautan: <https://www.liewchintong.com/2020/05/15/the-strange-case-of-muhyiddin-yassin-part-ii>.

Percaturan kerajaan pintu belakang kembali bertiup kencang apabila pada 11 Februari 2020, portal Sarawak Report telah melaporkan bahawa terdapat percaturan sulit untuk mengumpul sokongan Ahli-ahli Parlimen kepada Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri, melalui surat akuan bersumpah. Dalang utama yang menggerakkan usaha tersebut tidak lain bukan adalah Azmin sendiri¹⁵. Tiga hari kemudian, berita yang sama pula disiarkan oleh The Star, sebuah akhbar milik MCA yang melaporkan bahawa 138 orang Ahli Parlimen daripada BN, Pas, Bersatu dan kumpulan Azmin daripada PKR telah menandatangani surat SD bagi menyokong Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal ke-14¹⁶. Dalam laporan The Star, dikatakan bahawa sokongan ini terdiri daripada 26 kerusi PKR (jumlah ini sebenarnya terlalu ramai dan tidak logik), 26 kerusi Bersatu (adakah termasuk Tun Mahathir sendiri?), satu kerusi UPKO, sembilan kerusi Warisan, 18 kerusi Pas, dan 39 kerusi BN. Namun berdasarkan pecahan ini, jumlah keseluruhan hanyalah 119 kerusi, dan tidak sama seperti yang dilaporkan iaitu 138 kerusi. Tun Mahathir seperti yang kita kenal, mengaku tidak tahu menahu dengan apa yang berlaku, tidak terlibat dalam usaha mengumpul SD, dan tidak tahu siapakah dalang di sebalik percaturan ini. Zuraida Kamaruddin yang terkenal sebagai orang kanan Azmin pula telah menafikan beliau terlibat dalam menandatangani SD tersebut.

15 Seperti yang dilaporkan oleh portal Sarawak Report pada 11 Februari 2020 di bawah tajuk *S.D. For Sedition! EXCLUSIVE*. Rujuk pautan asal di: <https://www.sarawakreport.org/2020/02/s-d-for-sedition>

16 Rujuk laporan The Star pada 14 Februari 2020 di bawah tajuk *138 MPs said to have signed SD for PM to stay the full term, say sources*. Pautan asal di: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/02/14/138-mps-said-to-have-signed-sd-for-pm-to-stay-the-full-term-say-sources>.

Berita tergempar ini sudah tentu meresahkan ramai pemimpin PH. Di sebalik dakwaan jumlah 138 SD ini atau mungkin melepas angka majoriti mudah 112 kerusi, harus diakui bahawa idea asal untuk hanya mempertahankan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri kini beralih kepada idea pembentukan kerajaan pintu belakang bersama parti-parti pembangkang. Sebagai respon dari pihak PH, sebaik sahaja khabar angin ini mula bertiup kencang, Anwar telah membuat pertemuan dengan Tun Mahathir pada 13 Februari 2020 di Pejabat Perdana Menteri. Perkara paling kritikal kepada Anwar adalah memuktamadkan tarikh peralihan kuasa secara khusus. Tiada lagi permainan tarik tali. Justeru, Anwar dalam kenyataannya berkata beliau tidak mempunyai masalah dengan cadangan garis masa selepas APEC, tetapi persetujuan hendaklah diputuskan dalam mesyuarat Majlis Presiden PH pada malam 21 Februari 2020.

Dalam perlumbaan masa pada ketika itu, Anwar mungkin sedikit terlambat. Dan seperti yang kita semua tahu, segala-galanya telah menjadi sejarah.

BERSATU SEBAGAI BAYANGAN UMNO

Setelah berlalu PRU-14 tempoh hari, timbul satu persoalan yang memerlukan penelitian yang jujur, adakah Bersatu telah berjaya mencetuskan peralihan undi Melayu yang signifikan kepada PH, sebagaimana tujuan asal penubuhan Bersatu seperti yang dihuraikan dalam bab *Cucikah Dosa Tun Mahathir?*

Jawapannya ialah, ya. Sudah terang lagi bersuluh bahawa Bersatu telah berperanan untuk memecahkan kebuntuan strategi gabungan pembangkang sejak era Barisan Alternatif membawa kepada era Pakatan Rakyat yang telah gagal dalam PRU-12 dan PRU-13. Namun, hakikatnya prestasi Bersatu sebagai sebuah parti dan sebagai parti gabungan dalam PH adalah tidak seperti yang diharapkan. Di sebalik Pengurusnya dicalonkan sebagai Perdana Menteri ke-7, Bersatu hanya berjaya merampas 13 kerusi sahaja daripada BN untuk bersama membentuk kerajaan Persekutuan.

Sebagaimana perjanjian Pakatan Harapan yang dimeterai pada 7 Januari 2018, Bersatu telah diberi ruang untuk bertanding dengan jumlah kerusi paling tinggi di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 52 kerusi berbanding PKR (51 kerusi), DAP (35 kerusi), dan Amanah (27 kerusi). Semasa PRU-13, kerusi-kerusi yang ditandingi oleh Bersatu ini pada asalnya ditandingi oleh

Pas (35 kerusi), PKR (15 kerusi) dan DAP (dua kerusi) yang mewakili gabungan Pakatan Rakyat. Pada waktu itu, Umno (BN) telah memenangi sebanyak 43 kerusi, MCA tiga kerusi, MIC satu kerusi, dan selebihnya dimenangi oleh Pas yang mewakili pihak pembangkang. Dari segi pecahan kaum, 40 kerusi yang ditandingi oleh Bersatu mempunyai peratusan pengundi melebihi 70 peratus, malah 23 kerusi daripadanya mempunyai lebih daripada 85 peratus pengundi Melayu, misalnya kerusi-kerusi luar bandar seperti Parlimen Baling, Pendang, Tumpat, Pasir Puteh, Jeli, Hulu Terengganu, Besut, Pengerang, dan Kota Tinggi. Kesemua kerusi-kerusi ini merupakan kerusi tradisi Umno sejak puluhan tahun lepas dan sukar untuk ditembusi oleh parti-parti pembangkang. Hak parti Bersatu untuk memiliki kerusi-kerusi ini berbanding parti komponen PH yang lain tidaklah menghairankan kerana Bersatu itu sendiri ditubuhkan bagi menggantikan peranan Umno sebagai parti teras orang Melayu. Justeru, Bersatu lazimnya diberi tanggungjawab oleh PH untuk merampas kerusi-kerusi ‘liat’ ini daripada Umno.

Mewakili pihak Pakatan Rakyat, Pas sebelum ini pernah bertanding melawan Umno di kerusi-kerusi ini, namun telah dikalahkan dengan majoriti yang sangat tipis. Malah, ada beberapa kerusi yang dimenangi oleh BN dalam PRU-13 dengan majoriti yang kurang dari 3 peratus seperti Parlimen Machang, Bagan Serai, Bukit Gantang, dan Titiwangsa. Dengan sedikit peralihan undi Melayu, Bersatu diharapkan dapat merampas kerusi ini bagi pihak PH.

KEPUTUSAN PRU-14

Banyak faktor perlu diambil kira dalam menilai prestasi Bersatu dalam PRU-14. Dari kemenangan yang diperoleh di 13 kerusi Parlimen, sudah tentulah dipengaruhi oleh faktor persetujuan satu lawan satu di pihak PH dan berlakunya pertandingan tiga penjuru antara BN, Pas dan PH yang berlaku di hampir kesemua kerusi di Semenanjung. Pertandingan tiga penjuru ini telah menyebabkan berpecahnya undi orang Melayu kepada tiga blok. Selain itu, faktor penggunaan satu logo dalam PRU-14 yang menggambarkan kesatuan gabungan pembangkang juga memainkan peranan penting¹⁷.

Kemenangan beberapa kerusi utama Bersatu seperti Langkawi (Tun Mahathir), Jerlun (Mukhriz Mahathir), Kubang Pasu (Ir. Amiruddin Hamzah), Pagoh (Muhyiddin) dan Muar (Syed Saddiq) banyak dipengaruhi oleh faktor individu itu sendiri. Tun Mahathir sememangnya dikenali di seluruh negara dan pada waktu itu pengaruhnya semakin melonjak apabila bergabung dalam PH, Mukhriz pula merupakan Menteri Besar Kedah iaitu antara 2013-2016 di bawah BN dan merupakan bekas Ahli Parlimen Jerlun semasa penggal 2008-2013. Amiruddin Hamzah bukan satu nama yang asing di Kedah kerana beliau telah dipilih sebagai ADUN Anak Bukit bagi menggantikan Ustaz Fadzil Noor, Presiden Pas yang telah meninggal dunia sejak tahun 2002.

17 Disebabkan kerajaan Najib pada waktu itu telah menghalang atau menangguhkan proses pendaftaran gabungan PH, Majlis Presiden terpaksa membuat keputusan lebih awal pada 28 Februari 2018 untuk calon-calon PH di Semenanjung Malaysia menggunakan satu logo iaitu lambang Parti Keadilan Rakyat (PKR). Strategi ini juga didorong oleh masalah yang dihadapi oleh parti Bersatu berkenaan status pendaftarannya. Malah, parti Bersatu telah diarahkan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk dibubarkan serta-merta pada 5 April 2018, sebulan sebelum berlangsungnya PRU-14.

Parlimen Pagoh pula sememangnya adalah kubu kuat Muhyiddin kerana beliau telah menjadi Ahli Parlimen Pagoh di bawah BN selama hampir 23 tahun, sementelah beliau adalah bekas Timbalan Perdana Menteri yang dipecat oleh Najib. Di Muar, Syed Saddiq mendapat perhatian istimewa apabila menjadi antara calon Ahli Parlimen termuda dalam sejarah negara¹⁸ selain daripada Prabakaran (Ahli Parlimen Batu) yang berusia 22 tahun pada waktu itu. Berdasarkan jumlah undi yang diterima, faktor individu ini banyak melonjakkan sokongan di kerusi masing-masing, tetapi malangnya tidak melimpahkan sokongan kepada lebih 40 kerusi Bersatu yang lain.

Beberapa faktor lain yang mempengaruhi kemenangan Bersatu yang perlu diberi perhatian adalah:

- i) Lima kerusi yang dimenangi oleh Bersatu mempunyai undi Melayu melebihi 70 peratus iaitu Parlimen Langkawi (90.4 peratus), Jerlun (91.2 peratus), Kubang Pasu (86.5 peratus), Titiwangsa (72 peratus) dan Kuala Pilah (77 peratus). Harus diingat bahawa Titiwangsa pada awalnya merupakan satu-satunya kerusi milik parti Amanah di Wilayah Persekutuan. Namun difahamkan bahawa semasa dalam proses rundingan pada 7 Januari 2018, Amanah dengan rela hati telah melepaskan kerusi Titiwangsa untuk memberi laluan kepada Bersatu memiliki kerusi majoriti di dalam PH¹⁹.

18 Syed Saddiq mencatat sejarah sebagai ahli Kabinet termuda yang dilantik oleh Perdana Menteri, Tun Mahathir. Beliau menjadi Menteri Belia dan Sukan semasa berumur 25 tahun.

19 Keputusan ini sangat mengecewakan jentera Amanah Wilayah Persekutuan kerana telah kehilangan satu-satunya kerusi mereka, sehingga satu perjumpaan bersama Presiden Amanah, Mohamad Sabu dan Pengurus Amanah Wilayah Persekutuan, Dr Hatta Ramli terpaksa diadakan pada 10 Januari 2020 untuk meredakan kekecewaan penggerak parti. Namun, ura-ura bahawa Wan Saiful Wan

- ii) Tujuh kerusi yang dimenangi oleh Bersatu mempunyai majoriti kurang daripada 10 peratus dari keseluruhan jumlah pengundi, dan tiga daripadanya mempunyai majoriti kurang daripada dua peratus, iaitu Parlimen Sungai Besar (Muslimin Yahaya), Kuala Pilah (Eddin Syazlee Shith), dan Tanjung Piai (Dr Mohamed Farid Rafiq)²⁰. Ketiga-tiga kerusi ini mempunyai peratusan undi Melayu kurang dari 70 peratus, memberi petanda bahawa peralihan undi Melayu di kerusi tersebut tidak cukup untuk memberi majoriti yang lebih besar kepada Bersatu. Ini kerana secara umumnya, apabila berlaku undi tiga penjuru antara Bersatu, Umno dan Pas, undi Melayu akan terbahagi kepada tiga dan baki 30 peratus (anggaran kasar) undi bukan Melayu telah menyumbang kepada kemenangan PH.
- iii) Beberapa kerusi yang dimenangi oleh Bersatu adalah hasil daripada sokongan kepada Pakatan Rakyat sejak sebelum PRU-14 lagi, terutama kerusi-kerusi yang sebelum ini ditandingi oleh PKR seperti Tambun (67 peratus undi Melayu), Kuala Pilah (77 peratus undi Melayu), Muar (67

Jan akan bertanding di kerusi Titiwangsa memberi sinar harapan kepada jentera Pemuda Amanah kerana beliau adalah antara tokoh yang istimewa dalam kalangan pemuda Pas (sebelum parti Amanah ditubuhkan) dan mempunyai hubungan yang rapat dengan bekas-bekas pelajar Malaysia di United Kingdom. Akhirnya, Bersatu telah meletakkan Ketua Srikandi partinya, Rina Haron di kerusi Parlimen Titiwangsa yang pada waktu itu dianggap sebagai kerusi selamat untuk Bersatu.

20 Selepas kematian Dr Mohamed Farid Rafiq pada 21 September 2019, pilihan raya kecil Parlimen Tanjung Piai telah menyaksikan kekalahan besar parti Bersatu yang pada waktu itu menggunakan logo Pakatan Harapan. Calon MCA yang mewakili BN, Wee Jeck Seng telah mendapat majoriti yang besar iaitu 15,086 undi. Untuk rekod, kerusi ini hanya mempunyai peratus undi Melayu sebanyak 57 peratus. Kekalahan besar PH ini ditafsirkan sebagai peralihan undi Cina kepada BN akibat protes kepada prestasi kerajaan PH dan Tun Mahathir sendiri. Buat pertama kali dalam sejarah, Pas telah berkempen dan mengarahkan penyokongnya untuk mengundi MCA, berbanding calon Melayu-Islam dari parti Berjasa yang merupakan sekutu Pas dalam Gagasan Sejahtera.

peratus undi Melayu), Sri Gading (65 peratus undi Melayu), dan kerusi DAP seperti Alor Gajah (61 peratus undi Melayu) dan Tanjung Piai (57 peratus undi Melayu). Malah bagi pihak BN, kerusi-kerusi campuran ini diwakili oleh calon MCA dan Gerakan. Formula PH untuk meletakkan calon Bersatu telah berjaya mencetuskan peralihan undi Melayu dan memenangkan PH.

Daripada 52 kerusi yang ditandingi oleh Bersatu, 39 kerusi telah mengalami kekalahan sama ada dengan majoriti yang kecil mahupun majoriti yang terlalu besar. Bersatu (dalam konteks ini, PH juga secara keseluruhan patut dipertanggungjawabkan) tidak berjaya melawan arus Umno dan kubu kuat Pas terutama di Kedah, Kelantan dan Terengganu. Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i) Faktor pertandingan tiga penjuru antara tiga parti terbesar Melayu amat mengganggu Bersatu. Walaupun berlaku penurunan undi yang ketara kepada calon BN di 49 kerusi Parlimen sehingga ada yang mengalami defisit antara 10,000 hingga 11,000 undi berbanding semasa PRU-13, dalam masa yang sama data menunjukkan turut berlaku defisit undi kepada calon Bersatu (yang menggunakan logo PKR dalam PRU-14). Keadaan ini amat jelas berlaku di Kedah, Kelantan, dan Terengganu yang menjadi kubu kuat Pas dan Umno, menyebabkan PH terutamanya parti Bersatu dan Amanah sukar untuk menjadi pilihan alternatif kepada Umno dan Pas. Ini kerana sebahagian besar undi orang Melayu telah beralih daripada Umno-BN kepada Pas sebagai pihak ketiga. Sememangnya kerusi-kerusi ini ditandingi oleh Pas yang

- mewakili Pakatan Harapan dalam PRU-12 dan PRU-13, namun kehadiran Bersatu dalam gabungan PH nampaknya tidak berjaya untuk mengalah undi Melayu yang secukupnya untuk memenangkan calon PH.
- ii) Bersatu kalah di 35 kerusi Parlimen yang mempunyai majoriti undi Melayu melebihi 70 peratus.
 - iii) Terdapat lapan kerusi di mana Bersatu mengalami kekalahan dengan majoriti yang sangat tipis iaitu majoriti di bawah tiga peratus. Bersatu hampir memenangi kerusi Parlimen Jerai, Baling, Pasir Putih, Tasek Gelugor, Bagan Serai, Tapah, Jempol, dan Pontian. Perlu diingati bahawa keputusan ini adalah hasil pertandingan tiga penjuru. Percaturan yang lebih sukar lagi misalnya berlaku di Parlimen Tapah yang hanya mempunyai peratus undi Melayu sebanyak 47 peratus. Calon Bersatu kalah kepada calon MIC yang mewakili BN dengan majoriti 614 undi kerana terpaksa berebut undi Melayu dengan calon Pas yang mendapat 4,616 undi. Begitu juga di kerusi Tasek Gelugor di mana Bersatu kalah dengan majoriti sekecil 81 undi, dalam masa yang sama sebahagian besar undi Melayu telah beralih kepada calon Pas yang mendapat 14,972 undi. Jika Umno dan Pas bergabung sebagai satu koalasi, lapan kerusi ini kemungkinan besar akan bertukar menjadi keranda Bersatu yang siap dipaku.

PERCATURAN BERANI BERSATU

Bersatu memasuki pilihan raya umum dengan pelbagaikekangan sebagai sebuah parti yang belum pun mencapai usia dua tahun. Antaranya Bersatu pada waktu itu bergelut dengan keterbatasan

masa untuk menegaskan identitinya sebagai parti teras Melayu yang ditubuhkan bagi menggantikan Umno (Bersatu ditubuhkan pada 7 September 2016). Enam bulan kemudian, mereka menyertai PH dan diterima oleh Majlis Presiden secara rasmi pada 20 Mac 2017. Belum pun sempat menyusun kedudukannya, Bersatu diancam dari segenap sudut oleh kerajaan Najib dan akhirnya terpaksa dibubarkan pada 5 April 2018. Dalam PRU pertamanya seawal 9 Mei 2018, Bersatu terpaksa melupakan identitinya sendiri dan menggunakan logo PKR sebagai salah satu strategi PH dalam PRU-14. Jika diteliti pada garis masa, kesemua peristiwa-peristiwa penting seputar parti Bersatu ini hanya berlaku dalam masa kurang dari 20 bulan, iaitu satu tempoh yang amat singkat untuk sesebuah parti mengukuhkan akar umbinya.

Keputusan yang dibuat oleh rakyat dalam PRU-14 ini telah meninggalkan rasa janggal kepada Bersatu, apabila sebuah parti kecil yang bercita-cita besar dengan nisbah kerusi terbanyak dalam gabungan PH, hanya memenangi jumlah kerusi kedua terkecil selepas Amanah (11 kerusi). Buat pertama kalinya dalam mana-mana gabungan kerajaan, seorang Perdana Menteri datang dari parti gabungan terkecil. Keadaan ini sudah tentu menyebabkan Tun Mahathir berasa tidak selesa kerana suara partinya dalam kerajaan tidak sebesar PKR dan DAP. Sebagai sebuah parti baru, Bersatu terpaksa menelan realiti pasca PRU-14 seperti berikut:

- i) Gagal menjadi parti majoriti dalam gabungan PH dan kerajaan Persekutuan kerana hanya memenangi 25 peratus dari kerusi yang ditandingi berbanding PKR (82 peratus), DAP (94 peratus), Amanah (41 peratus). Manakala Perdana Menteri adalah dari parti Bersatu, ia dilihat seolah-olah

diikat oleh PKR dan DAP yang mempunyai majoriti dalam gabungan PH.

- ii) Bersatu belum dilihat sebagai parti alternatif yang sebenar kepada Umno. Meskipun Umno telah mengalami kekalahan yang pertama dalam sejarahnya, ahli akar umbi Umno yang dikatakan berjumlah kira-kira 3.2 juta orang dengan 191 Bahagian Umno di seluruh negara nampaknya masih kukuh jika dibandingkan dengan jumlah keahlian Bersatu.
- iii) Bersatu kekurangan tokoh politik di peringkat nasional, ikon masyarakat Melayu, dan juga *crowd puller* dalam mana-mana acara politik. Semasa dalam kempen PRU-14, tokoh-tokoh yang turun padang bagi pihak Bersatu hanyalah mereka yang sudah lebih awal ‘pencen’ dalam Umno, antaranya Tan Sri Rais Yatim, Rafidah Aziz, Tun Daim Zainuddin, Tan Sri Abdul Rashid (bekas Pengerusi SPR), Kamarudin Md Nor (veteran Umno Kelantan), Sanusi Junid (meninggal dunia sebelum berlangsungnya PRU-14) dan beberapa tokoh lain di peringkat negeri. Bersatu dilihat hanya bergantung kepada populariti Tun Mahathir, Muhyiddin Yassin, dan Mukhriz Mahathir semata-mata.
- iv) Umur Tun Mahathir pada waktu itu sudah mencecah 92 tahun dan diakui sendiri oleh empunya badan bahawa beliau “tidak mempunyai cukup masa”. Justeru, Bersatu amat memerlukan sokongan pemimpin-pemimpin pelapis yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat.
- v) Sebagai parti teras Melayu, Bersatu terpaksa bekerja keras untuk menangkis persepsi bahawa setiap keputusan PH dan Tun Mahathir seolah-olah dipengaruhi oleh DAP dan kepentingan kaum Cina, sebagaimana yang dipropagandakan oleh Umno dan Pas.

Justeru, Tun Mahathir dan parti Bersatu perlu melakukan sesuatu untuk mengubah naratif ini, meskipun terpaksa melalui jalan pintas tanpa menunggu PRU seterusnya. Strategi untuk memperkuatkan suara wakil rakyat Melayu dalam gabungan PH adalah sangat perlu bagi memperbaiki imej Bersatu di mata majoriti orang Melayu. Pengaruh Umno perlu dihilangkan dengan apa cara sekalipun agar Bersatu mendapat rentak nafas panjangnya. Dalam masa yang sama, keseimbangan kuasa (*balance of power*) dan kuasa tawar-menawar (*leverage*) di antara parti-parti komponen PH sangat diperlukan oleh Tun Mahathir bagi mengukuhkan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri. Bukan itu sahaja, dua faktor ini amat penting dalam percaturan Tun Mahathir untuk membeli masa dalam proses transisi jawatan Perdana Menteri kepada Anwar, atau apa yang disebut dalam perjanjian Muafakat Pakatan Harapan 2018 sebagai “menyempurnakan legasi misi tertangguh”. Tun Mahathir memerlukan suara majoriti yang lebih kuat, terutama dalam kalangan Ahli Parlimen Bersatu bagi menghadapi intrik politik (*political intrigue*) dalam gabungan PH.

Dan sebagaimana yang telah menjadi sejarah, berlakulah aksi lompat-melompat Ahli Parlimen Umno ke dalam parti Bersatu.

Pertemuan demi pertemuan dan sesi pujuk-memujuk telah diatur sebaik sahaja selesai PRU-14. Banyak pemimpin Umno di pelbagai peringkat, dari akar umbi cawangan, bahagian, negeri, sehingga peringkat pusat mula menyeberang kepada Bersatu, termasuk beberapa orang Ahli Parlimen yang pada awalnya merupakan pemimpin totok Umno.

Tindakan Bersatu ini menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan pemimpin PH yang lain, terutama mereka yang telah berpuluhan tahun melawan hegemoni Umno tetapi akhirnya terpaksa menerima semula muka-muka ini. Parti-parti PH juga akan teruji


dengan prinsipnya yang menentang budaya lompat parti dan mengkhianati mandat rakyat dalam PRU lepas. Menerima ahli politik lawan bermakna mengkhianati calon-calon parti sendiri yang menerima kekalahan, dan meremehkan pengorbanan ahli-ahli parti yang berkorban tenaga dan wang ringgit untuk memenangkan calon mereka dalam PRU yang lalu. Selain itu, PH terdedah kepada risiko mengimport budaya kotor Umno yang telah ditolak oleh rakyat. Namun, sebagai orang yang telah lama bergelumang dalam realpolitik, Tun Mahathir bijak menyusun helah politiknya. Ahli Parlimen Umno yang mahu melompat kepada Bersatu akan diminta keluar dari Umno dan mengisyiharkan diri mereka sebagai ahli Parlimen bebas untuk satu tempoh yang tidak ditetapkan. Kemudian barulah mereka menyertai Bersatu. Helah teknikal ini akhirnya dijadikan hujah bahawa mereka yang menyertai Bersatu dan PH adalah dari kalangan wakil rakyat bebas.

Berikut adalah Ahli Parlimen Umno yang telah mengisyiharkan keluar dari Umno dan menyertai PH seawal bulan Jun 2018, sebulan selepas BN tersungkur dalam PRU-14:

- i) Dr Noor Azmi Ghazali (Bagan Serai) menjadi Ahli Parlimen Bebas pada 24 Jun 2018. Beliau hanya menyertai Bersatu lima bulan kemudian iaitu pada 28 November 2018.
- ii) Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang) menjadi Ahli Parlimen Bebas pada 27 Jun 2018. Beliau kekal menjadi Bebas, tetapi menyokong kerajaan PH.
- iii) Mas Ermieyati Samsudin (Masjid Tanah) menjadi Ahli Parlimen Bebas pada 1 Julai 2018 dan menyertai Bersatu tujuh bulan kemudian iaitu pada 12 Februari 2019.

- iv) Mustapa Mohamed (Jeli) menjadi Ahli Parlimen Bebas pada 18 September 2018 dan menyertai Bersatu sebulan kemudian iaitu pada 26 Oktober 2018.
- v) Lima Ahli Parlimen Umno Sabah iaitu Abdul Rahim Bakri (Kudat), Azizah Mohd Dun (Beaufort), Yamani Hafez Musa (Sipitang), Dr Ronald Kiandee (Beluran), Zakaria Mohd Edris (Libaran) telah mengisyiharkan diri mereka sebagai Ahli Parlimen Bebas pada 18 September 2018, kemudian empat daripada mereka disahkan menyertai Bersatu pada 15 Mac 2019. Yamani Hafez Musa yang merupakan anak kepada bekas Ketua Menteri Sabah, Musa Aman hanya disahkan menyertai Bersatu pada 17 September 2019.
- vi) Anifah Aman (Kimanis) mengisyiharkan keluar dari Umno pada 19 September 2018 dan kekal menjadi Ahli Parlimen Bebas yang menyokong Tun Mahathir dan kerajaan PH²¹.
- vii) Rozman Isli (Labuan) mengisyiharkan keluar dari Umno dan terus menyertai parti Warisan pada 26 Oktober 2018
- viii) Enam orang Ahli Parlimen Umno dari Semenanjung iaitu Hamzah Zainudin (Larut), Rosol Wahid (Hulu Terengganu), Dr Abd. Latiff Ahmad (Mersing), Shabudin Yahaya (Tasek Gelugor), Mohamad Fasiah Mohd Fakieh (Sabak Bernam), dan Ikmal Hisham Abdul Aziz (Tanah Merah) telah menjadi Ahli Parlimen Bebas sejak 14 Disember 2018 dan menyertai Bersatu dua bulan kemudian iaitu pada 12 Februari 2019.

21 Selepas kerajaan PH dijatuhkan, Anifah Aman telah menubuhkan satu gabungan politik baru yang dinamakan sebagai Parti Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan) yang menggabungkan empat parti tempatan iaitu Parti Cinta Sabah, Parti Anak Negeri Sabah, Parti Gagasan Rakyat Sabah, dan Parti Hak Sabah. Parti gabungan yang diketuai oleh Anifah Aman ini menganggap diri mereka sebagai blok pembangkang yang akan berhadapan dengan parti Warisan dan PH.



Rajah di atas menunjukkan garis masa ahli-ahli Parlimen bebas sebelum menyertai parti Bersatu.

Aksi melompat Ahli Parlimen Umno ini berlaku dalam tiga fasa; pertama sebelum berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno (PAU) 2018, kedua selepas PAU 2018, dan ketiga ialah pada akhir tahun 2018, dipercayai ekoran kemenangan Zahid Hamidi sebagai Presiden Umno dan tiada pembaharuan dilaksanakan dalam Umno selepas PAU 2018. Krisis kepercayaan kepada barisan kepimpinan Umno ini memaksa Zahid Hamidi direhatkan sementara dari jawatannya. BN pada waktu itu berada pada titik terendah dalam sejarahnya apabila Umno bergolak sehingga menyaksikan pertandingan tiga penjuru untuk jawatan Presiden parti antara Zahid Hamidi, Tengku Razaleigh, dan Khairy Jamaluddin, BN kehilangan deposit tetapnya di Sarawak yang membentuk Gabungan Parti Sarawak (GPS), Umno Sabah yang

hampir runtuh, dan sebahagian besar ahli Parlimen mereka telah dan sedang diintai oleh Bersatu.

Walau bagaimanapun, adakah penyeberangan wakil rakyat ini menjadikan kedudukan Bersatu semakin kukuh?

Daripada 13 orang Ahli Parlimen Umno yang melompat kepada Bersatu, lapan daripadanya adalah kerusi yang sama ditandingi oleh Bersatu iaitu Parlimen Jeli, Hulu Terengganu, Tasek Gelugor, Larut, Bagan Serai, Sabak Bernam, Masjid Tanah, dan Mersing. Kerusi-kerusi ini adalah kerusi luar bandar dan sangat berisiko kepada masa depan Bersatu sendiri kerana di kawasan tersebut, asas sokongan kepada PH dalam PRU-14 adalah amat rendah. Di Parlimen Jeli, Machang, Hulu Terengganu, Larut, dan Bagan Serai misalnya, saingan terbesar kepada Umno (BN) semasa PRU-14 adalah daripada Pas. Maksudnya untuk politik nafas panjang, sokongan akar umbi di kawasan tersebut hanya cenderung kepada parti Umno dan Pas walaupun Ahli Parlimen Umno telah beralih kepada Bersatu, kecuali berlaku perkara-perkara luar biasa yang boleh mengubah *status quo* masyarakat setempat. Lagipula di Sabah, tiga kerusi Umno yang melompat kepada Bersatu adalah juga merupakan kubu kuat Warisan yang menjadi sekutu PH. Asas sokongan akar umbi kepada parti Warisan boleh dilihat melalui peratus undi kekalahan bagi calon parti Warisan. Di Kudat, calon Warisan kalah dengan majoriti tipis iaitu 3.7 peratus, Sipitang (3.4 peratus) dan Libaran (1.9 peratus), menyebabkan konflik perebutan kerusi antara Bersatu (wakil rakyat Umno yang melompat) dan Warisan (calon asal yang menyebelahi PH) mungkin tercetus dalam pilihan raya akan datang.

Yang paling menghairankan adalah bagaimana Bersatu boleh menerima kemasukan Ahli Parlimen Umno dari Tasek Gelugor sedangkan kerusi tersebut ditandingi oleh Setiausaha Agung

Bersatu sendiri, Marzuki Yahya yang hanya kalah dengan majoriti 0.2 peratus. Adakah Bersatu lebih mementingkan kepentingan jangka pendek percaturan politiknya berbanding permainan nafas panjang?

Percaturan bahaya yang disusun oleh Tun Mahathir ini mungkin berasaskan kepada kepercayaan bahawa pengaruhnya masih berbisa dan dapat memandu semua percaturan politik, bagi mengukuhkan kedudukan Bersatu dalam PH dan memastikan beliau memiliki sokongan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat. Risiko yang tinggi pasti akan menghasilkan pulangan yang tinggi. Sebagai seorang Perdana Menteri yang memiliki kuasa prerogatif dalam bidang tertentu, beliau sudah tentu mempunyai cukup ‘peralatan’ dan pengaruh untuk memastikan semuanya tersusun seperti yang dirancang.²²

Akan hilangkah pengaruh Umno dalam kalangan orang Melayu dan adakah rancangan untuk mengharamkan Umno diteruskan?

HARI-HARI TERAKHIR UMNO

Desas-desus bahawa Tun Mahathir mahu mengharamkan Umno bukanlah satu perkara baru kerana ia telah diperkatakan sebaik sahaja kerajaan PH dibentuk pada bulan Mei 2018. Bahkan, sebelum PRU-14 lagi, Umno telah bergelut dengan

22 Pasca Langkah Sheraton menyaksikan bahawa percaturan Tun Mahathir ini telah memakan diri sendiri apabila Muhyiddin sebagai orang kanannya telah mengkhianati dirinya, dan kesemua Ahli Parlimen Umno yang meloloskan kepada Bersatu turut meninggalkan Tun Mahathir. Malah Tun Mahathir dan Mukhriz Mahathir telah dibuang dari parti Bersatu, sewaktu Hamzah Zainuddin yang merupakan bekas Ahli Parlimen Umno diangkat menjadi Setiausaha Agung Bersatu.

perlembagaannya sendiri apabila Najib terpaksa menangguhan pemilihan parti yang sepatutnya berlangsung pada tahun 2016. Penangguhan selama 18 bulan itu dipercayai kerana faktor ketidaktentuan tarikh pilihan raya umum dan dalam masa yang sama kritikan terhadap Najib sebagai Presiden Umno semakin kuat berkumandang akibat skandal 1MDB yang melanda beliau. Menjelang awal tahun 2018, Umno sekali lagi menangguhan pemilihannya kerana mandat Dewan Rakyat hampir mencapai tempoh lima tahun. Ketika itu, ramai yang beranggapan bahawa Umno telah melanggar perlembagaannya sendiri dan implikasinya adalah kesemua cawangan Umno tidak mempunyai keabsahan di sisi undang-undang sejak 1 Mac 2018. Kesan domino menyebabkan bahagian-bahagian Umno yang dibentuk oleh cawangan-cawangan juga dianggap tidak sah, jawatan Presiden dan Majlis Tertinggi (MT) parti juga turut terbatal. Malah, penggunaan logo parti Umno untuk calon-calon pilihan raya juga dikatakan mungkin tidak sah kerana watikahnya ditandatangani oleh seorang Presiden parti yang tidak sah. Namun, sebagai kerajaan yang sedang berkuasa, ia bukanlah satu masalah besar. Umno malah mendakwa penangguhan tersebut adalah sah kerana telah diluluskan oleh MT dan ROS. Rafidah Aziz, bekas anggota MT Umno secara panjang lebar telah mempersoalkan kuasa MT Umno dan ROS, termasuk peruntukkan Seksyen 13A (4) dalam Akta Pertubuhan 1966 yang berkait dengan bidang kuasa ROS. Penulis tidak berniat untuk memanjangkan perkara ini di sini. Namun ternyata status organisasi Umno ini meletakkan pemimpinnya benar-benar dalam keadaan terdesak, apatah lagi apabila kalah secara mengejut kepada PH.

Selepas PRU-14, pergolakan kepimpinan Umno memaksa Najib meletakkan jawatan dan Zahid Hamidi yang pada waktu

itu merupakan Timbalan Presiden Umno dipersetujui untuk memangku jawatan Presiden. Belum pun sampai sebulan Umno jatuh tersungkur, Zahid dengan berbaju batik biru telah datang mengadap Tun Mahathir pada 7 Jun 2018 di Pejabat Perdana Menteri. Tindakan Zahid ini dikritik keras oleh ramai pemimpin dan ahli Umno kerana dilihat sebagai pemimpin yang lemah sehingga terpaksa melutut kepada ancaman Tun Mahathir.

Apakah ancaman Tun Mahathir kepada Umno?

Majlis mengadap Tun Mahathir buat kali kedua berlaku sekitar akhir bulan September 2018, di mana Zahid difahamkan turut membawa Timbalan Presiden Umno, Tok Mat dan tiga orang Naib Presiden Umno iaitu Ismail Sabri, Khaled Nordin dan Mahdzir Khalid. Dikatakan bahawa dalam pertemuan inilah, Tun Mahathir telah meminta Zahid membubarkan Umno kerana menurut beliau, hala tuju dan prinsip perjuangan Umno sudah berkubur. Beliau juga memberi mesej yang jelas agar Ahli-ahli Parlimen Umno meninggalkan Umno dan menyertai Bersatu²³. Rentetan daripada ancaman ini, Umno telah menghantar delegasi kedua yang diketuai oleh Tok Mat untuk mengadap Tun Mahathir di kediaman beliau pada 22 Oktober 2018. Delegasi kali ini turut melibatkan beberapa orang anggota MT Umno, antaranya Hamzah Zainuddin (selepas itu beliau keluar dari Umno dan menyertai Bersatu), Tengku Adnan Mansor, Shahidan Kasim, dan Noh Omar. Menurut Tok Mat sendiri, pertemuan itu dibuat bertujuan untuk memujuk Tun Mahathir agar tidak meneruskan usahanya untuk mengharamkan Umno.

²³ Perkara ini dimaklumkan oleh Zahid Hamidi pada 27 Oktober 2018, dalam satu sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-72 di PWTC. Perkara ini turut disahkan oleh Tun Mahathir dua minggu kemudian. Rujuk laporan BH Online pada 9 November bertajuk *Saya suruh Zahid bubar Umno – Dr Mahathir*.



Delegasi Umno yang diketuai oleh Tok Mat (Timbalan Presiden Umno) berkunjung ke kediaman Tun Mahathir.

Kebimbangan Umno ini diburukkan lagi dengan pengurusan organisasi yang lemah. Sebagai Presiden Umno, Zahid sendiri sejak bulan Oktober 2018 pernah menyuarakan secara terbuka bahawa Umno dalam keadaan tersebut dan mungkin akan diharamkan atas beberapa faktor. Antaranya ialah ROS telah menghantar surat tunjuk sebab kepada Umno berikutan kegagalan Umno untuk melengkapkan Borang 9 bagi semua cawangan yang berdaftar. Umno mempunyai 22,156 cawangan²⁴ di seluruh negara, namun hanya sekitar 8,000 cawangan sahaja yang menyerahkan borang tersebut kepada Bahagian Umno dan Umno Pusat. Borang 9 (Peraturan 10) di bawah Akta Pertubuhan 1966 ialah borang perakuan yang perlu dikemukakan oleh setiap peringkat organisasi

24 Sehingga 5 Disember 2019, Setiausaha Agung Umno Annuar Musa telah mengesahkan bahawa jumlah ahli Umno adalah seramai 3,292,667 orang dan jumlah cawangan Umno adalah 22,156 buah.

bagi sesuatu pertubuhan, selepas mengadakan mesyuarat tahunan masing-masing. Borang ini perlu disertakan bukti senarai organisasi terkini dan minit mesyuarat rasmi. Selain itu, Umno juga sedang mengalami masalah kewangan untuk membiayai aktiviti dan pengurusan parti disebabkan oleh tempias siasatan 1MDB di mana akaun Umno telah dibekukan kerana sedang disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA).

Dalam satu rakaman audio yang didedahkan oleh Lokman Adam²⁵, Zahid telah mengakui kedudukan terkini Umno yang sangat kritikal. Dipercayai bahawa kerisauan beliau ini dikongsikan selepas dua kali pertemuan dibuat antara beliau dengan Tun Mahathir. Transkrip klip rakaman audio tersebut adalah seperti berikut:

ZAHID HAMIDI: ...bagaimana pula dengan nasib bossku (dipercayai merujuk kepada Najib Razak)? Adakah lebih mudah untuk kita menyelesaikan masalah bossku bila kita bersama-sama dengan Pas dalam...dalam...dalam satu...satu organisasi yang kita boleh membuat keputusan. Apa yang saya lakukan, keutamaan saya ialah menyelamatkan Umno dahulu. Telah ada di atas meja seseorang yang berkuasa untuk mengharamkan Umno. Saya tidak mahu menyebut di kalangan [kabur] atau di mana-mana bahawa saya *appeal*, bukan melalui pintu belakang, tetapi networking yang sedia ada. Supaya Umno tidak diharamkan. Kalau diharamkan, ada di kalangan kita mengatakan, oh kita ada organisasi lain yang kita boleh

²⁵ Pendedahan rakaman ini dibuat agak lewat iaitu pada 3 Februari 2020. Untuk penerangan lanjut, sila rujuk nota kaki 61.

bergerak. Kita ada, ada Pas. Ada di kalangan ahli-ahli Parlimen pun kata, kita nak masuk Pas. Eh Pas dah masuk sanalah.

Beberapa bulan berlalu. Isu pengharaman Umno menjadi sejuk seketika. Dalam tempoh yang sama, berbondong-bondong Ahli Parlimen Umno mengisyiharkan diri keluar dari Umno dan menyertai Bersatu. Malangnya, Umno pada waktu itu masih memiliki sekitar 40 kerusi dan Bersatu hanya memiliki sekitar 25 kerusi.

Isu ini mendapat perhatian semula apabila pada 24 Jun 2019, Pemuda PH telah menghantar satu memorandum kepada ROS supaya mengambil tindakan segera ke atas Umno. Yang menghairankan adalah, respon daripada ROS menyatakan bahawa mereka masih sedang meneliti memorandum tersebut, tidak lebih dari itu. Tiada sebarang isyarat bahawa tindakan akan di ambil. Seolah-olah kaki dan tangan ROS sedang ‘diikat’ oleh seseorang. Dan seperti yang kita semua tahu, isu ini kemudiannya berlalu begitu sahaja dan Umno telah mengambil kesempatan dalam tempoh ini untuk mengukuhkan blok pembangkang dengan memeterai perjanjian bersama Pas melalui gabungan Muafakat Nasional.

Persoalannya adalah kenapa semasa Tun Mahathir dan Muhyiddin (sebagai Menteri Dalam Negeri) sedang berkuasa, mereka tidak mengambil kesempatan untuk meletakkan titik noktah kepada Umno? Walhal tiada lagi sesiapa yang lebih mahu melenyapkan pengaruh Umno berbanding Tun Mahathir dan Bersatu.

Adakah pengaruh mereka sudah hilang untuk menarik lebih ramai sokongan dari Ahli Parlimen Umno?

Adakah pertuduhan kes ke atas Umno tidak kukuh? Atau apakah ada percaturan lain di sebaliknya?

Difahamkan bahawa pada awalnya Tun Mahathir telah meminta Muhyiddin sebagai Menteri Dalam Negeri untuk mengharamkan Umno, dan Muhyiddin telah pun bersetuju untuk meneruskannya. Fail-fail berkaitan telah disiapkan dan hanya menunggu masa sahaja untuk disahkan. Apabila Anwar mendapat maklumat berkenaan rancangan Tun Mahathir dan Muhyiddin ini, beliau telah segera berjumpa dengan Muhyiddin dan membantah niat tersebut. Menurut Anwar, mengharamkan parti Umno yang merupakan sebahagian legasi perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu akan menimbulkan perasaan yang tidak selesa kepada orang-orang Melayu dan Raja-raja Melayu. Muhyiddin bersetuju dengan hujah Anwar dan keputusan untuk mengharamkan Umno telah ditarik balik²⁶. Namun, tidak dapat dipastikan bilakah rundingan ini berlaku. Jika diambil kira garis masa pengakuan Nazri Aziz yang bertemu dengan Anwar untuk meminta beliau campur tangan dalam isu pengharaman Umno, ia mungkin berlaku sejak Julai 2018 lagi iaitu selepas Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen ke-14. Justeru, kita boleh memahami apakah sebab kenapa Umno tidak diharamkan sehingga ke hari ini.

Antara bulan September 2019 hingga Februari 2020, ‘kad-kad’ lain telah mula dikeluarkan. Zahid yang berdepan dengan 47 pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram telah disibukkan dengan jadual perbicaraan di mahkamah. Wajah beliau yang saban hari terpaksa naik turun ke mahkamah memenuhi dada-dada akhbar, sehingga memberi gambaran yang amat buruk

26 Perkara ini dicatat oleh Shamsul Iskandar Mohd Akin di laman Facebook beliau pada 8 Mac 2020, di bawah tajuk *Tinta Laksamana: Masih Ingatkah Muhyiddin Pada Nasihat dan Pengorbanan Anwar*.

kepada Umno. Malangnya, bilangan Ahli Parlimen Bersatu masih kekal statik pada jumlah 25 kerusi. Tiada penyeberangan baru berlaku. Lebih pahit untuk ditelan ialah peristiwa kekalahan calon Bersatu di PRK Tanjung Piai pada pertengahan November 2019 dengan majoriti yang sangat besar, seperti yang disifatkan oleh Muhyiddin sebagai “*worse than a tsunami*”²⁷.

Kemuncak kepada ‘permainan’ ini menurut telahan Rafizi Ramli adalah apabila mahkamah menjatuhkan hukuman penjara ke atas Najib dan Zahid berdasarkan kes masing-masing, akan wujud satu keadaan hampagas (*vacuum*) dalam kepimpinan Umno²⁸. Tiang seri Umno akan runtuh dan Umno akan mula kehilangan arah dalam mengukuhkan kepimpinan partinya. Pada waktu itu, Bersatu akan melancarkan usaha menarik lebih ramai Ahli Parlimen Umno untuk melompat, seterusnya mengambil alih peranan sebagai parti Melayu terbesar dan memiliki nisbah Ahli Parlimen tertinggi berbanding PKR, DAP dan Amanah. Apabila kedudukan Bersatu semakin kukuh, Tun Mahathir akan mempunyai lebih kuasa tawar-menawar untuk mengendurkan desakan demi desakan dari penyokong Anwar.

Usaha menarik sokongan Ahli Parlimen Umno seolah-olah menemui jalan buntu. Sehingga menjelang mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari 2020, tidak semena-mena Bersatu telah melontarkan satu bom jangka sehingga menjadikan pertemuan pemimpin PH pada malam itu sebagai ‘Mesyuarat Terakhir’.

27 Seperti yang direkodkan oleh Liew Chin Tong dalam artikel beliau di bawah tajuk *The strange case of Muhyiddin Yassin (Part II)* pada 15 Mei 2020. Rujuk pautan di: <https://www.liewchintong.com/2020/05/15/the-strange-case-of-muhyiddin-yassin-part-ii>

28 Rafizi menjelaskan percaturan ini dalam ucapannya di *Regional Outlook Forum 2020, Session 5: Beyond the Horizon: Pakatan Harapan's Succession Plans and Economic Challenges* pada 9 Januari 2020.

MESYUARAT TERAKHIR MAJLIS PRESIDEN PAKATAN HARAPAN

Mesyuarat terakhir Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) ini berlangsung pada malam 21 Februari 2020, bertempat di bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Tun Mahathir in merupakan mesyuarat bulanan yang diadakan pada hari Jumaat terakhir setiap bulan, sesuai dengan kekosongan jadual Perdana Menteri waktu itu. Mesyuarat terakhir ini telah dihadiri oleh seramai 24 orang pemimpin tertinggi setiap parti²⁹. Difahamkan bahawa pada petang sebelum berlangsungnya mesyuarat penuh Majlis Presiden, telah berlangsung satu mesyuarat pemimpin utama Pakatan Harapan yang dikenali sebagai *Top Six*. Majlis *Top Six* ini terdiri daripada Tun Mahathir sebagai Penggerusi PH dan Penggerusi Bersatu, Anwar Ibrahim (Ketua Umum PH dan Presiden Keadilan), Dr Wan Azizah (Presiden PH), Mohamed Sabu (Presiden Amanah), Lim Guan Eng (Setiausaha Agung DAP) dan Muhyiddin Yassin (Presiden Bersatu).

Berdasarkan suara dalam rakaman mesyuarat ini dan sesi bergambar semasa sidang media selepas mesyuarat berakhir, penulis

29 Disahkan oleh YB Saifuddin Nasution semasa berucap dalam majlis Jelajah Pertahan Mandat Rakyat Negeri Kedah pada malam 8 Mac 2020.

beranggapan senarai kehadiran mengikut parti adalah seperti berikut:

PKR diwakili oleh Anwar Ibrahim, Dr Wan Azizah, Saifuddin Nasution, Azmin Ali, Zuraida Kamaruddin, Tian Chua, Dr Xavier Jayakumar, dan Saifuddin Abdullah. Parti Amanah diwakili oleh Mohamad Sabu, Salahuddin Ayub, Khalid Samad, Dr Hatta Ramli, dan Husam Musa. Parti DAP diwakili oleh Lim Guan Eng, M Kulasegaran, Liew Chin Tong, Gobind Singh, dan Chong Chien Jen. Manakala parti Bersatu diwakili oleh Tun Mahathir, Muhyiddin Yassin, Dr Radzi Jidin, Syed Saddiq, Mukhriz Mahathir, Marzuki Yahya, dan Rina Haron.

Transkrip berikut adalah berdasarkan rakaman audio yang ditularkan di laman Youtube. Klip audio ini hanya bermula selepas Tun Mahathir sebagai penggerusi mesyuarat memulakan kata-kata aluan beliau.

TUN MAHATHIR: ...itu jugak akan kita bincang bersama. Tapi perkara pertama ialah perkara politik. Yang mana kedudukan Pakatan Harapan sebagai kerajaan ini dikatakan tidak stabil. Bahkan ada yang bercakap berkenaan dengan *one term government*. Sama ada betul atau pun tak betul itu terpulang kepada kita. Kalau kita ditolak oleh rakyat, dia jadi *one term* lah. Sebaliknya kalau kita mampu dan berjaya menangani ataupun menang sokongan daripada rakyat, kita kekal. Tak jadi *one term*. Boleh jadi *two terms* ataupun *14 terms* ka apa ka, boleh jadi jugak. Tapi waktu itu saya bagi jaminan saya tak akan jadi aa.. Perdana Menteri. Ok.

ANWAR IBRAHIM: *Assalamualaikum warahmatullah*, Tun. Erm...[cabur] tadi kita bincang, kita putuskan supaya

dikemukakan kepada majlis. Dan pada pandangan kita selari dengan apa yang Tun umumkan, kita bersetuju. Supaya cuba dielakkan daripada terus menjadi bahasan, walaupun kita tidak boleh halang percubaan-percubaan dalaman. Kita bincang jugak tadi, untuk ganggu-gugat atau sabotaj, itu soal lain. Tapi dari segi keputusan, saya dah bincang dengan pimpinan majlis tadi, saya cenderung untuk mengusulkan supaya kita tidak lagi melayani apa-apa tuntutan menyegerakan peralihan, tetapi bersetuju dengan apa yang Tun jugak umumkan kepada umum, iaitu supaya peralihan itu berlaku hanya selepas sidang APEC³⁰ yang akan datang. Jadi, tetapi majlis juga harus mengambil keputusan supaya memberi teguran yang tegas supaya mana-mana pihak yang cuba ganggu-gugat atau sabotaj, ataupun menggesa mendesak berbeda daripada keputusan kita, dari segi Majlis Presiden atau Majlis Pakatan Harapan ini, harus kita bagi teguran. Tapi keputusan yang saya cadangkan ialah supaya memberi sokongan kepada Tun untuk mengendali, mengemudi kerajaan dan meneruskan sehingga persidangan APEC. Dan untuk tarikh itu kita serah kepada kebijaksanaan Tun sendiri.

MOHAMAD SABU: Ya, kita bincang tadi lebih kurang begitu secara umum. Cuma kita...yang paling penting kita kena

30 Malaysia dipilih menjadi tuan rumah kali kedua kepada persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) pada bulan November 2020, selepas kali pertama menjadi tuan rumah pada tahun 1998 semasa Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri ke-4. Persidangan ini akan disertai oleh gergasi ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat, China, Jepun, Korea Selatan, Rusia dan lain-lain, dan akan melibatkan seramai kira-kira 16,000 delegasi dari serata dunia. Persidangan ini dilihat penting kepada Tun Mahathir secara peribadi, kerana peristiwa bersejarah ini boleh dianggap sebagai puncak kecemerlangan dalam karier politik beliau, dan ucapan beliau dijangka akan mendapat perhatian para pemimpin dari seluruh dunia.

selamatkan Pakatan Harapan. Sebab sekarang ini saya sendiri pun naik cemburu, pembangkang lebih sayang Perdana Menteri daripada kita. Dilihat begitu. Sedangkan saya daripada bekas Pas yang lama, saya berhak nak bercakap hal Pas. Dulu masa Dollah Badawi (Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri ke-5) jadi Perdana Menteri, DAP pembangkang. Tak ada Cina kuasai kerajaan. Masa itu Presiden Pas, Haji Hadi Awang berusaha untuk membuat *unity government*. Di antaranya untuk mengetepikan DAP dan Keadilan. Kemudian tak jadi, digagalkan oleh Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz. Kemudian datang Najib jadi Perdana Menteri, dia berusaha berkawan dengan Najib sehingga pilihan raya yang lepas, Pas dapat pembiayaan wang yang berjuta daripada Umno untuk bertanding tiga penjuru, dengan harapan mereka boleh ambil alih kuasa. Kemudian Tun naik jadi Perdana Menteri, dia beralih kasih kepada Tun, dengan memuja Tun dengan berbagai cara. Bagi saya tidak ada lain mereka ini hanya untuk masuk kerajaan melalui pintu belakang. Sebab itu kita kena jaga dan perpaduan kita adalah, bukan soal individu kita setuju dengan Tun atau Anwar dan sebagainya.

Soalnya kita hormat kepada persetujuan kita pada 7 Januari tahun 2018³¹ dan kita bertarung bersama dalam hal ini, dan

31 Pada malam 7 Januari 2018, parti-parti komponen PH yang terdiri daripada PKR, DAP, Amanah dan Bersatu telah memeterai satu perjanjian yang menetapkan tiga perkara utama; pertama berkaitan calon Perdana Menteri ke-7, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri ke-8, kedua agihan kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia, dan ketiga merujuk kepada agenda reformasi yang didukung bersama. Rujuk catatan Rafizi Ramli yang bertajuk *Muafakat Pakatan Harapan: Catatan Perunding* di laman web www.rafiziramli.com, bertarikh 8 Januari 2018.

soal *transition* ini perlu kerana ini kehendak umum, kehendak rakyat dan kita mahu jugak Tun meninggalkan jawatan dan sebagainya satu legasi yang cukup hebat. Terutama kejayaan APEC yang kita akan sokong bersama, ini yang kita perlu lihat dari sudut. Soal pembangkang ini, saya nampak mereka lebih nak selamatkan diri mereka dari kes-kes mahkamah yang begitu banyak. Sebab itu mereka nak bersama dengan kerajaan. Jadi kita haraplah dengan keputusan hari ini kita dapat redakan, kita dapat bekerja, kita dapat bersama dengan Tun yang namanya sudah harum di peringkat antarabangsa, lebih harum sekarang, dan kita transisi yang begitu baik maka menyebabkan kerajaan ini akan lebih, dan ekonomi yang sedang berkembang sekarang ini. Ya lah, corona virus ada masalah seluruh dunia, bukan kita saja. Tapi kita yakin selepas corona virus ini berkurangan, kita akan paculah ekonomi dan kita akan buat kerja yang baik terutama pada pilihan raya yang akan datang. Soal Melayu kurang sokong kita, kita pun belum turun ke gelanggang untuk berdepan dengan orang Melayu. Setahun setengah, sebab Menteri-menteri yang ada ni Menteri yang tak berpengalaman, terpaksa tumpu di *office* begitu banyak. Saya yakin tahun yang kedua kita akan boleh turun ke gelanggang untuk mendapat sokongan semua rakyat Melayu. Terima kasih.

MUHYIDDIN YASSIN: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Amat Berhormat Tun, dan rakan-rakan sekalian. Dalam perbincangan awal tadi yang dibuat oleh *Top Six*, saya daripada Bersatu ni senang aja. Iaitu Presiden kami ataupun Penggerusi kami ialah Perdana Menteri, jelas kedudukan beliau pastinya kekal sebagai Perdana Menteri.

Dan sebab itu apa yang telah berlaku selama ini yang kita tidak berapa senang ialah desakan-desakan yang tidak berhenti-henti. Saya kira bukan pertama kali di sini yang kita bincangkan, sebelum ini pun ada jugak dibangkitkan saya kira oleh rakan-rakan saya dari Bersatu pun telah menyuarakan. *Let Tun runs the government, as what has been agreed upon dalam earlier discussion.* Selepas Tun adalah Dato' Seri Anwar, tetapi bila dah dibangkitkan kerap begitu, jadi timbul berbagai-bagai reaksi. Sama ada bukan di kalangan kita tetapi lebih banyak di peringkat bawah dan lain-lain lagi yang telah, orang kata menyentuh hal-hal sebegini, kalau boleh nak diawalkan lagi, kalau boleh bulan lima, lepas itu ada pulak pandangan yang terkini adalah selepas APEC. Jadi apa yang saya rasa tidak berapa adil kepada Perdana Menteri ialah kerana desakan-desakan yang berterusan. Saya pernah berbual dengan Dato' Seri Anwar petang ini, elok ditenteramkan keadaan. Banyak blog-blog yang keluar pun begitu jugak. Tak habis-habis. Shaharuddin.com. *is all the [kabur]* tak berhenti-henti dengan desakan-desakan. Hari ni pun saya baca yang terkini yang telah keluar.

Jadi bagi saya senang saja, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih kekal sebagai Perdana Menteri sampai suatu masa yang sesuai. Tetapi apapun kita faham ini soal-soal jawatan, kenyataan kita sendiri adalah kenyataan politik dalam Majlis Presiden. Tapi apapun macam biasa yang kita tahu, ia bersandar kepada Perlembagaan. *That is the reality.* Bermakna kita tak boleh melepassi ataupun mengatasi soal-soal yang ada kaitan dengan Perlembagaan Malaysia dan sebagainya. Kena dapat sokongan majoriti, dipersetujui oleh

Agong. Itu perkara-perkara yang saya fikir sudah pun umum mengetahuinya. Jadi yang penting bagi kami ialah supaya hentikan desakan itu. Tadi telah dikatakan kalau sudah sampai masa Tun Perdana Menteri dah buat keputusan. Kami di sini dari Bersatu memang *for as long as you can serve*. Itu yang penting bagi kita. Dan saya fikir Perdana Menteri masih berupaya dan mampu, tetapi kenapa nak didesakkan begitu. Walapun sudah ada sedikit perjanjian sebelum ini untuk peralihan itu dilakukan. Apabila gesaan itu dibuat, maka tak berlaku, timbul soal tanggapan bahawa tak stabil, apa nama ni... pelabur tidak yakin tentang keadaan Malaysia apabila ekonomi masih lembap. Hal-hal sebegini yang sedikit mengganggu kedudukan kita. Jadi ringkasnya saya ingin menyatakan apa yang Yang Amat Berhormat Tun nyatakan sebagai Pengerusi Pakatan Harapan dan jugak Pengerusi parti Bersatu, ya saya *endorse* itu, dan saya serahkan kepada rakan-rakan lain untuk, mungkin menyambunglah. Terima kasih.

LIM GUAN ENG: Terima kasih, Tun. Tadi tu kita adakan itu perbincangan, saya rasa secara umumnya kita...setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Tun sebelum ini. Bahawa beliau akan lepaskan jawatan selepas APEC. Saya pun rasa kalau boleh kita ada konsensus. Dan itu tanggapan saya, masa itu ialah bahawa selepas APEC tentang perkara-perkara lain, mungkin diputuskan oleh Tun dengan Dato' Seri Anwar. So dalam perkara ini, ini yang pertama. Kedua ialah tentang perlunya kita menolak sama sekali peranan daripada pihak tertentu bahawa kerajaan PH tak stabil, dan bahawa ia akan digantikan oleh satu gabungan baru, baik dinamakan Pakatan Nasional ataupun apa-apa nama, perlu menggantikan

Pakatan Harapan. Kita tahu ini memang tidak berlaku. Tapi oleh kerana ia sudah dipercayai oleh sebahagian rakyat, adalah perlu kita untuk menangkis ataupun menolak sama sekali pandangan sedemikian. Kerana suka tak suka ia boleh menggugat kestabilan kerajaan. *So* saya rasa itu satu perkara yang harus juga ditekankan supaya kita tidak terperangkap dalam permainan politik pembangkang. Biasanya kerajaan yang tentukan itu agenda. Tapi nampaknya dengan Pakatan Nasional dan sebagainya, ia ditentukan pula oleh pihak parti pembangkang.

Saya lihat dari sudut ini kita kena tegas supaya Pakatan Harapan adalah kerajaan dan bukanlah seperti yang diuar-uarkan oleh pembangkang bahawa mereka yang ini yang itu, saya rasa ia amat *destabilizing*. Dan untuk perkara ketiga ialah perlunya kita menunjukkan perpaduan kita dengan mengadakan satu sesi penerangan kepada rakyat, dan dasar-dasar dan juga apa yang dibuat oleh pihak kerajaan. Kerana sekiranya kita hanya menjawab dengan surat khabar, ia tidak mencukupi. Lebih baik kalau kita adakan satu *roadshow* secara bersama, seperti apa yang dilakukan sebelum ini, untuk memulangkan itu keyakinan rakyat bahawa memang Pakatan Harapan *is here to stay*. Terima kasih.

SYED SADDIQ: Tun boleh saya komen, Tun. Saya dah lama menunggu Tun untuk komen. Saya lama menunggu sebab selama ini saya mengambil ketetapan kalau nak bergaduh, bergaduh dalam Majlis Presiden. Saya rasa apa yang dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat *Top Six* tak ada beza Tun. Dengan apa yang telah diputuskan dalam setiap

mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan. Saya mohon semak semula minit mesyuarat, selepas setiap kekalahan kita bincangkan perkara sama. Kita akan tekankan, jangan biarkan sesiapa mempertikaikan, menyerang Tun, suruh letak jawatan, tapi selepas itu benda sama berlaku. *Next Majlis Presiden, benda sama dibincangkan. Benda sama berulang lagi.* Majlis Presiden ini kita nak bincangkan benda sama lagi. Tun, *just last week*, Bendahari PKR ini bukan *blogger*, kata kalau Tun tak letak jawatan bulan Mei, *he will go on the streets*. Bendahari! Sebelum ini Ketua Pemuda, berapa banyak MP sebelum ini, ketua whip!

I'm tired of discussing the same thing over and over again. Making the same decision, same problem happening, and we get back to Majlis Presiden and expect me to agree to the same thing. Padahal kita dah bincangkan dan putuskan di sini. Keluar benda sama akan berlaku. Saya rasa *status quo* kalau tidak ada tindakan tegas *is not tenable*. Saya ingat pada dua mesyuarat lepas saya dah tekankan *again in private*, tak pernah sekali pun *I went it open. In private*, saya tekankan kalau orang boleh serang Tun, and *this is Bendahari PKR call Tun again a dictator³²*, di hadapan beberapa Ahli Parlimen yang lain. *Can I do the same thing? It is unfair. To me Tun*, saya tidak bersetuju dengan cadangan untuk usulkan perkara yang sama dibincangkan berkali-kali, *in the reality what you are proposing here is worst*. Kerana menunjukkan desakan *after* desakan, kita berganjak

32 Pada 16 Februari 2020, YB William Leong, Ahli Parlimen Selayang yang juga Bendahari PKR telah mengeluarkan kenyataan bahawa sudah tiba masanya untuk Pelan B dilaksanakan bagi memastikan proses transisi jawatan Perdana Menteri dapat dilaksanakan. Menurut beliau, Tun Mahathir tidak pernah mengubah pendekatan ‘diktator’ beliau walaupun rakyat telah memberi peluang kedua kepada dirinya.

sedikit demi sedikit, berganjak, berganjak, berganjak. *And now you say after APEC. Tun you will be a lame duck Prime Minister if this after APEC. When you want to step down, if it's tomorrow you step down. If you want to step down after APEC, you just step down. If it's next week, you just step down.*

The point is when you decide on a particular time frame of stepping down, no one will listen to the Prime Minister anymore. No reform will mean anything. Tun you have had the experience of announcing that you step down in our group, you shared a story with me of what happened to all your policies then when everyone knew you are going to step down at a particular date. Saya tidak bersetuju dengan cara ini kerana kita dah dikhianati banyak kali. And let's face it lah. Kalau ada yang kata, oh no this is tenable, jangan risau takde masalah. I'm tired doing the same thing over and over again. Lepas tu setiap kali kena serang, Tun akan kata jangan balas jangan balas jangan balas. I mean this is top leaders attacking! It's not bukan Ahli Parlimen atau cyber troops, these are top leaders. Saya tidak bersetuju dengan usul ini if anything that what should come out from today, is that I give full support to the Prime Minister without ever shackling him on the date of transition. I dare enough to push that because everytime we discuss here, we make a decision, when we go out we get backstab. And that's the reality of things, which I will never accept.

DR RADZI JIDIN: Tun, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dalam ramai-ramai ini Tun, saya rasa sayalah so called paling junior lah dalam politik. Semua ni orang politik lama. Apa saya tengok malam ini Tun, saya agak sedih

sikit. Cukuplah main wayang. *Come on guys*, cukuplah main wayang. *You all ni, senior politician*, wayang yang dok hentam suruh Tun letak jawatan, orang yang sama datang pada hari ini kata tak perlu. *This is...and you pushing people outside*, duduk keluar, bagi orang lain bercakap, ya kita dalam ni tak perlu letak jawatan Tun, kekal Tun. Dekat luar hari-hari. *I left my job, Tun*. Saya dulu 20 tahun (di) Australia. *I left my job because I wanted to serve my country. It's not getting into all this stupid politics, I'm sorry. We talking about investment*. Saya kerja siang malam, Tun. Siang malam! *Talk to capital market participants*. Apa dia kata, *until when? Until when we going to get, we going to settle down*. Sampai bila duduk macam ni, nak melabur? *Do you think the investors should come, in the situation where, yang ni cakap macam gini yang ni cakap macam gini, come on that's stupid Tun*.

Apa yang berlaku, saya rasa *we have to be honest to ourselves*. Cukuplah main wayang, *please Tun. I'm getting very tired of this*. Dekat luar berdegar-degar kita akan buat keputusan dalam mesyuarat *PH Presidential Council* dan sebagainya. Dan kita takde apa-apa kita bagi sokongan pada Tun, kekal. Keluar pulak, buat benda yang sama, sampai bila? *Now, February. APEC, end of the year*. Kita *lose out the time frame Tun, so valuable where the global economic condition, the crisis, corona virus, kita punya GDP pun turun, yet we are still talking about peralihan kuasa over and over again*. *I thought nothing to lose here, as I said, I come back to serve my country but not getting into this*. Saya setuju dengan Saddiq, *let Tun serve*. Berapa lama Tun nak *serve, go ahead Tun*. Dalam perjanjian tersebut, disebutkan bahawa peralihan kuasa berlaku tidak disebut

tempoh. Bila Tun sebut lepas APEC pun tak selesai jugak lagi. Nak Mei, nak ni nak ni, *until when! No, stop playing this wayang. Don't lie to ourselves*, yea.. kita tak ada berlaku, kita tak boleh *control* orang-orang kita dan sebagainya. *You are all politicians! We all know this. I'm very very sad.* Kerja siang malam, hah...untuk betulkan negara. Yet, peralihan kuasa. Bangun pagi, peralihan kuasa. Nak tidur malam, peralihan kuasa. Kita menang, rakyat bagi kita peluang untuk menang, untuk mentadbir negara bukan untuk bercakap peralihan kuasa!

Please, YB Guan Eng kata itu perspsi bahawa kerajaan tidak stabil, ini hanya perspsi. It's not perspsi, YB. You talk to capital market participants, you are going to see that. They are not that stupid, they are market analyst, they understand scenario. You have to put a fullstop to this. You see kat luar, berapa ramai wartawan penuh kat luar, berapa ramai orang penuh kat luar, you don't think that the market don't look into this? Saya personally bila bercakap peralihan kuasa, mesyuarat Majlis Presiden, ya.. dekat media bising akan ditentukan pada mesyuarat Majlis Presiden dan sebagainya, apa kita ni? Kita ni kerajaan untuk bertukar Prime Minister ke kerajaan untuk memerintah, untuk menstabilkan ekonomi negara dalam keadaan ekonomi negara yang tenat? Kita tak bercakap, malam ini sepatutnya bercakap apa yang ada dalam pakej ransangan ekonomi dan dasar negara. Apa yang kita perlu buat untuk memastikan bahawa dalam keadaan ekonomi global, corona virus dan sebagainya, ekonomi Malaysia terus bertahan. Ini dasar yang dibincangkan. Masuk Majlis Presiden, bincang peralihan kuasa. Sampai ke sini, takde apa, kami sokong Tun hingga

selepas APEC. Keluar Majlis Presiden bising bising bising, tunggu Majlis Presiden selanjutnya akan dibincangkan.

Be honest to ourselves. Be honest to ourselves. When this is going to end? Tun, I enquote what Saddiq said, he said—as long as you want Tun, you continue whatever you want to do, then we work as a government where rakyat pilih kita untuk memerintah, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih baik. Bukan untuk bercakap peralihan kuasa, hari hari. Hari hari. Dah nak masuk dua tahun. Sekian, terima kasih.

KHALID SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Erm...saya setuju dengan apa yang Tun sebut tadi. Majlis Presiden yang menentukan Tun menjadi Perdana Menteri. Majlis Presiden yang akan tentukan, kita bincang bersama, bila masa untuk melakukan peralihan kuasa. Semua perbincangan kat luar, mainan politik kat luar, *does not have any bearing on our decision.* Dulu bila kita *decide* Tun jadi Perdana Menteri, *we decided.* Tak kisahlah apa orang kat luar cakap, nak kan Anwar jadi Perdana Menteri ke, nakkan Azmin jadi Perdana Menteri ke, nakkan [kabur] jadi Perdana Menteri ke, itu hak orang luar. *We are the Presidential Council, we decide.* Betul sekarang ni *its unstable.* Dari segi takdenya satu kata putus. *We don't have to declare* kata putus itu. *If we should decide, but we agree this is what needs to be done to stabilize.* Nombor satu, *we agree on the issue of* peralihan kuasa. *It has to be done.*

Tun himself has said its after APEC, we agree. And when we tell that we have agree, then we tell everyone outside there, you

TUN MAHATHIR: Kita sudah berbincang panjang lebar berkenaan masa depan parti. Dan akhirnya saya tak payahlah ulang apa yang diperkatakan, terdapat dua pendapat. Tetapi akhirnya dan ini saya berasa bangga, akhirnya semuanya diserah kepada saya. Apa yang saya kata, mereka akan turut. Dan saya telah kata bahawa peralihan akan berlaku lepas APEC. *No time, no date, no nothing.* Only lepas APEC. Terpulang kepada saya, sama ada saya nak lepas atau tak lepas. Itulah kepercayaan yang ditunjuk oleh parti kepada saya, *alhamdulillah*.

WARTAWAN: *The agreement for Anwar to be 8th Prime Minister is held?*

TUN MAHATHIR: *That doesn't arise. The position is for me to make the decision after APEC.*

WARTAWAN: *Tun, is this decision unanimous?*

TUN MAHATHIR: *Unanimous, yes. Both sides of the floor. The opposition and government sides.* [hadirin ketawa]

WARTAWAN: Rombak kabinet tak ada bincang?

TUN MAHATHIR: Takdak apa. Takde cakap pasal perubahan kabinet, takde cakap pasal... Cuma nak tentukan masa, dan masa itu terpulang kepada saya.

WARTAWAN: Nak tanya kepada Dato' Seri Anwar. Sebagai calon bakal perdana Menteri, *so* adakah anda berpuas hati dengan keputusan?

ANWAR IBRAHIM: Pendirian kita jelas. Tidak ada keraguan, komitmen kita untuk mempastikan Tun Mahathir selaku Perdana Menteri dapat menjalankan tugas dengan dukungan yang penuh, ini tidak ada soal. Kemudian dalam perbincangan tentang yang berikutnya, kita serah. Saya sendiri cadang, supaya Tun Mahathir diberikan ruang mentadbir. Kemudian bila dia tetapkan masa yang sesuai, ya itu barulah... Jadi sementara itu, saya kena sabar.

WARTAWAN: Tadi kita ada dengar cadangan dalam *meeting* tadi, untuk supaya sokong Tun memenuhi penggal untuk menjadi Perdana Menteri. *So...*

TUN MAHATHIR: Itu bukan keputusan. Keputusan saya tentukan bila saya akan letak jawatan.

WARTAWAN: *Tun, why the date cannot be decided today?*

TUN MAHATHIR: *Because the position is not clear. Not clear. There are some who say we are already dealing with this successfully. But some are still feel that we are not reducing, the incident (COVID-19) much. And now we see Korea is affected.*

WARTAWAN: Kalau selepas APEC, Tun kata terpulang kepada Tun, adakah ini bermakna walaupun selepas APEC, Tun kata saya tak nak lepaskan lagi jawatan, jadi takkan lepas juga jawatan?

TUN MAHATHIR: Terpulang kepada saya. *They give full confidence in me.*

“TERPULANG KEPADA SAYA
THEY GIVE FULL CONFIDENCE
IN ME”

Tun Dr Mahathir bin Mohamad

LANGKAH SHERATON

Sehari selepas mesyuarat Majlis Presiden PH, para penyokong PH masih tertanya-tanya apakah sebenarnya yang berlaku dalam mesyuarat tersebut. Tidak banyak maklumat yang disampaikan melalui sidang media pada lewat malam 21 Februari 2020, selain daripada keputusan akhir telah diserahkan sepenuhnya kepada Tun Mahathir.

Tiada apa-apa yang berlaku pada hari Sabtu (22 Februari 2020). Ramai yang menganggap bahawa polemik peralihan kuasa telah reda dan kerajaan PH kembali stabil. Walau bagaimanapun, ada juga yang mempersoalkan kenapa Azmin dan Zuraida yang turut hadir dalam mesyuarat Majlis Presiden, tidak muncul dalam sidang media pada malam itu. Spekulasi yang bertiup mengatakan bahawa mesyuarat dan keputusan yang diambil pada malam itu tidak berlaku sebagaimana yang Azmin mahukan.

Pada pagi 23 Februari 2020, parti Bersatu telah mengadakan mesyuarat Majlis Kepimpinan Tertinggi (MPT) di ibu pejabatnya di Menara Yayasan Selangor yang terletak berdekatan dengan Hotel Sheraton, Petaling Jaya. Dalam mesyuarat tersebut, desakan demi desakan dibuat agar Bersatu keluar dari PH, termasuk dari Setiausaha Politik Tun Mahathir sendiri iaitu Zahid Md Arip, sehingga menyebabkan Tun Mahathir terkejut kerana majoriti

ahli MPT mempercayai hujah setiausaha politiknya berbanding dirinya sendiri³⁹. Cadangan agar Bersatu membuat keputusan untuk keluar daripada Pakatan Harapan dibuat atas beberapa sebab, antaranya adalah dakwaan bahawa pengaruh DAP dalam PH telah membuatkan sokongan orang Melayu terhadap parti Bersatu merosot teruk, sehingga calon Bersatu mengalami kekalahan besar dalam pilihan raya kecil Parlimen Tanjung Piai. Walau bagaimanapun, Tun Mahathir menyatakan bahawa Bersatu mesti terus bersama dengan PH. Selain itu, mesyuarat juga mencadangkan agar beliau tidak menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Anwar. Sebaliknya, Tun Mahathir menegaskan bahawa beliau akan memenuhi janji yang dibuat bersama PH⁴⁰. Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini selari dengan satu potongan rakaman audio yang ditularkan pada 19 Mei 2020, yang didakwa sebagai rakaman suara Tun Mahathir semasa dalam mesyuarat tersebut. Transkrip rakaman tersebut adalah seperti berikut:

TUN MAHATHIR: Jadi saya nak balik kepada keputusan, tadi kita dah bincang banyak. Saya ingat semua apa yang duk ulang-ulang dah. Tadi ada satu cadangan iaitu kita keluar daripada Pakatan Harapan. Satu cadangan lagi yang datang daripada saya ialah kita tunggu fikir dengan mendalam. [Celahan dari

39 Rujuk penjelasan Khalid Samad dalam artikel bertajuk *Tun dan PH: Sahabat atau musuh* yang disiarkan oleh www.malaysiakini.com pada 6 April 2020. Satu salinan surat yang ditandatangani oleh Tun Mahathir bertarikh 24 Februari 2020 telah ditularkan di media sosial, menyatakan bahawa pelantikan Zahid Md Arip sebagai Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri telah ditamatkan.

40 Ringkasan ini dimaklumkan oleh Saifuddin Nasution semasa berucap dalam majlis Jelajah Pertahan Mandat Rakyat Negeri Kedah pada malam 8 Mac 2020.

ahli mesyuarat: Tun, Tun, Tun...] atau patut ikut yang lain. Jadi saya nak tahu, sama ada kita nak kata keluar sekarang ini, ataupun kita nak bagi masa sedikit, kerana pada saya, *the support from Umno* ini *is so fickle*. Kalau bagi masa sikit saja dia nanti suka kat saya. [Celahan: Tun, Tun...]. Jadi tak ada kelainan, tak ada kelainan. Cumanya, saya pun tak suka kepada DAP, tak suka kepada Anwar, yang lain pun semua macam itu. Tapi semua itu soal masa aja. Nak kita tentukan masa ataupun kita ambik tindakan hari ini, ok hari ni. [Celahan: Hari ni, hari ni...], hari ini kita keluar daripada Pakatan Harapan [bunyi tepukan tangan dan ketukan meja].

Menurut Tun Mahathir selepas rakaman ini tular di media sosial, rakaman tersebut telah disunting dan berniat jahat, dan mencabar sesiapa yang mempunyai rakaman itu untuk mendedahkan sepenuhnya agar kenyataan beliau dalam mesyuarat itu dapat difahami dari konteks yang betul. Penulis juga berpendapat bahawa pada waktu itu, kenyataan Tun Mahathir itu bukanlah keputusan akhir mesyuarat dan beliau hanya merumuskan dua cadangan yang dikemukakan, iaitu Bersatu keluar daripada PH pada hari tersebut atau memberi Tun Mahathir sedikit masa untuk membuat keputusan.

Secara asasnya, majoriti ahli MPT Bersatu menyokong dan mendesak Tun Mahathir agar Bersatu meninggalkan PH dan membentuk kerajaan gabungan yang baru. Hanya satu perkara yang tidak dapat diterima oleh Tun Mahathir pada waktu itu

iaitu untuk menerima Umno secara *en bloc*⁴¹, sebagaimana syarat yang ditetapkan oleh Presiden Umno kepada Bersatu⁴². Hal ini bertentangan dengan prinsip Tun Mahathir yang hanya mahukan Ahli Parlimen Umno keluar parti dan menyertai Bersatu atau parti-parti PH yang lain.

Desakan demi desakan yang dibuat kepada Tun Mahathir agar keputusan untuk Bersatu keluar dari PH dibuat segera telah menyebabkan Tun Mahathir tidak dapat menahan perasaan beliau kerana dipaksa melanggar prinsipnya sendiri. Dalam satu lagi potongan rakaman audio yang pertama sekali ditularkan sejak 14 Mei 2020, Tun Mahathir memohon ahli MPT Bersatu untuk memberikannya lebih masa untuk membuat keputusan penting itu. Transkrip rakaman tersebut adalah seperti berikut:

TUN MAHATHIR: Tolonglah jangan paksa [suara sebak], jangan paksa saya buat sesuatu yang bertentangan dengan prinsip saya. Saya janji saya tunai, saya janji nak letak jawatan saya akan letak jawatan. Tapi kalau saya janji nak letak jawatan, saya tak dibenar meletak jawatan, itu salah saya pasai keputusan itu ada pada diri saya. Tak ada siapa yang boleh kata jangan letak jawatan. Kalau saya dah buat keputusan nak letak jawatan, saya akan letak jawatan. Lepas itu, apa yang saya sebut tadi boleh berlaku. Kena pilih baru, kena tentukan orang itu dapat majoriti dan sebagainya⁴³.

41 Menerima secara keseluruhan dalam satu-satu masa.

42 Perkara ini yang dijelaskan oleh Dr Muhammad Faiz Na'aman, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu dalam satu kenyataan bertarikh 12 Mac 2020. Sila rujuk artikel bertajuk *Kronologi terperinci krisis politik Pakatan Harapan-Bersatu* di laman <https://malaysiadateline.com>.

43 Pendapat Tun Mahathir dalam hal ini adalah konsisten, di mana Anwar perlu

Dan kalau nak saya balik pun, saya balik. Itulah cerita pada hari ini. Sebab itu, hari ini akan diadakan mesyuarat dengan pihak-pihak mereka yang sokong saya daripada parti lawan ini, akan jumpa dengan saya dan inilah jugak cerita yang saya akan sampaikan. Dan dengan itu perancangan untuk mengadap Duli Yang Maha Mulia untuk menyatakan bahawa saya dapat sokongan daripada...daripada majoriti tak perlu dibuatlah, kerana saya dah dapat dah sokongan. Saya belum, apa nama...letak jawatan. Itulah perkara yang sebenarnya. *Sorry I am so emotional about it, but umm... [menahan sebak]* saya sedar saya takda banyak masa dah. Itulah pendapat saya.

Dua perkara pokok yang ditegaskan oleh Tun Mahathir dalam mesyuarat tersebut adalah; pertama, beliau tidak mahu menerima Umno secara *en bloc* kerana ia sudah menjadi parti yang korup, sebaliknya boleh mempertimbangkan Ahli-ahli Parlimen Umno yang melompat secara perseorangan kepada Bersatu; kedua, beliau perlu memenuhi janjinya untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Anwar. Pendirian Tun Mahathir pada pagi itu telah membingungkan ahli mesyuarat MPT Bersatu kerana sejak dari awal lagi, Tun Mahathir telah berulang kali ‘membuang’ Anwar dalam percaturan kuasanya. Ini dibuktikan oleh siri rundingan

mencari sendiri sokongan majoriti Ahli Parlimen, termasuk dari parti Bersatu dan penyokong-penyokong Azmin Ali dalam PKR bagi mengangkat dirinya sebagai Perdana Menteri ke-8. Pendirian ini memberi gambaran bahawa semangat gabungan Pakatan Harapan dalam proses transisi adalah tidak terpakai dan legitimasi Majlis Presiden PH untuk membuat apa-apa keputusan besar juga tidak akan dihormati. Kerana akhirnya, jika Ahli Parlimen Bersatu dan kumpulan Azmin tidak boleh menerima pencalonan Anwar sebagai Perdana Menteri, Anwar tetap tidak akan menikmati sokongan majoriti Ahli Parlimen dari PH sendiri.

pintu belakang yang direstui oleh beliau sendiri bagi membentuk kerajaan baru tanpa PKR dan DAP. Namun, fikiran Tun Mahathir telah berubah secara tiba-tiba⁴⁴.

Tun Mahathir dilihat meninggalkan Menara Yayasan Selangor lebih awal berbanding ahli mesyuarat lain. Satu rakaman audio yang mirip dengan suara Presiden Bersatu, Muhyiddin Yassin telah ditularkan sejak 13 Mei 2020. Dalam rakaman tersebut, Muhyiddin dipercayai sedang membuat kesimpulan akhir mesyuarat MPT Bersatu pada pagi 23 Februari 2020 itu dengan menyatakan bahawa mesyuarat “memberi mandat penuh kepada Tun Mahathir” untuk memutuskan bilakah masa yang sesuai untuk Bersatu meninggalkan gabungan PH. Transkrip rakaman tersebut adalah seperti berikut:

MUHYIDDIN YASSIN: ...kalau nak cari sebab itulah. Yang lain pun kena gerak. Jadi langkah itu mungkin boleh *trigger*. Tapi kita harap Tun akan buat rombakan kabinet dalam tempoh sebelum Parlimen bersidang, tempoh dalam seminggu ini selesaikan semua sekali. Dan ini kalau itu mungkin kita boleh tunggulah bila Tun jumpa dengan ketua-ketua parti, *ok we wait for one week for whatever it is. Then, then we will be more sober*, hari ni *a bit emotional*. Dan kita fikirkan soal yang paling besar dalam sejarah kita, iaitu *out of PH moving to the coalition, but we still be in the government. Government led by Bersatu. That is important*. So kalau mungkin wajar, munasabah dan nak hari ni kalau boleh

⁴⁴ Pekara ini disahkan oleh Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Wan Saiful Wan Jan Rujuk dalam eseи beliau bertajuk *Why Did Bersatu Leave Pakatan Harapan?*, di bawah siri *Trends in Southeast Asia* yang diterbitkan oleh ISEAS - Yusof Ishak Institute, Singapore.

kita tamatkan mesyuarat kita pada dasar, lepas itu kita bagi mandat penuh pada Tun [Ahli mesyuarat berkata “Setuju..!” sambal menepuk meja].

Hasil daripada mesyuarat ini, secara dasarnya Bersatu telah memutuskan untuk keluar daripada Pakatan Harapan, selepas hampir 2 tahun 11 bulan menyertai gabungan ini sejak 14 Mac 2017.⁴⁵



Ketua-ketua parti pembangkang berhimpun di kediaman Tun Mahathir pada 23 Februari 2020.

⁴⁵ Keputusan mesyuarat pada malam tersebut telah menimbulkan polemik dalam kalangan pemimpin Bersatu. Menurut kenyataan bekas Setiausaha Agung Bersatu, Marzuki Yahya pada 7 Mei 2020, mesyuarat MPT Bersatu pada 23 Februari 2020 belum membuat keputusan rasmi untuk Bersatu meninggalkan Pakatan Harapan. Sebaliknya, Ketua Penerangan Bersatu, Dr Radzi Jidin pada 9 Mei 2020 menyatakan bahawa keputusan untuk Bersatu keluar dari PH dan membentuk gabungan dengan parti-parti di luar PH telah dimuktamadkan dalam mesyuarat Biro Politik Bersatu pada 21 Februari 2020 dan mesyuarat MPT Bersatu pada 23 Februari 2020. Tambahan lagi, Tun Mahathir dalam teks ucapan beliau sebagai Perdana Menteri Interim pada 26 Februari 2020 telah menyatakan bahawa “...parti saya Bersatu memutuskan untuk keluar dari Pakatan”.

Selepas Tun Mahathir kembali ke kediamannya di The Mines Seri Kembangan, lima orang ketua parti-parti politik telah hadir ke kediaman beliau bagi menunjukkan surat perakuan sumpah (SD) yang memberi sokongan kepada Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri untuk sebuah gabungan baru. Mereka adalah Muhyiddin Yassin (Bersatu), Abdul Hadi Awang (Pas), Zahid Hamidi (Umno), Shafie Apdal (Warisan), dan Abang Johari Openg (GPS). Turut sama dapat pertemuan tersebut ialah Azmin Ali yang mewakili serpihan PKR dan Fadillah Yusof, Ketua Whip GPS. Difahamkan bahawa mereka berjaya mengumpul sejumlah 133 SD untuk membentuk kerajaan di bawah Perikatan Nasional.⁴⁶

PEMIMPIN PARTI TIBA DI KUALA LUMPUR

Tidak jauh dari Menara Yayasan Selangor di mana berlangsungnya mesyuarat MPT Bersatu, Azmin bersama beberapa Ahli Parlimen PKR yang menyokongnya telah mengadakan mesyuarat di Hotel Sheraton Petaling Jaya sejak pukul 8.00 pagi. Antara yang turut kelihatan di hotel tersebut ialah Naib Presiden PKR Zuraida Kamaruddin, Saifuddin Abdullah, dan Mohd Rashid Hasnon. Turut kelihatan hadir ke pertemuan bersama Azmin adalah Hamzah

⁴⁶ Sekeping gambar yang menunjukkan pertemuan antara pemimpin Umno, Bersatu, Pas, Warisan, dan GPS di kediaman Tun Mahathir di The Mines, Sri Kembangan telah dimuat naik oleh pemilik Facebook bernama Herman Haassan pada 30 Mei 2020. Ia memberi gambaran bahawa percaturan untuk mempersembahkan SD kepada YDP Agong pada 23 Februari 2020 dan peristiwa Langkah Sheraton pada malamnya telah berada dalam pengetahuan Tun Mahathir sejak dari awal. Menurut salah seorang ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu Akhramsyah Sanusi, pertemuan tersebut telah diatur oleh Muhyiddin tanpa pengetahuan Tun Mahathir sendiri, setelah gagal meyakinkan Tun Mahathir untuk keluar dari PH dan membentuk gabungan baru Perikatan Nasional.

Zainuddin, Ahli Parlimen Umno yang telah menyertai Bersatu sejak Februari 2019.

Dalam masa yang sama, pemimpin utama Umno dan Pas sedang menganjurkan program pemukiman (*retreat*) bersama di Institut Latihan Memperkasa Ummah (ILMU) di Janda Baik sejak 22 Februari. Pemukiman selama dua hari satu malam itu bertujuan untuk membincangkan hala tuju dan strategi gabungan baru Muafakat Nasional bagi berhadapan dengan Pakatan Harapan dalam pilihan raya umum akan datang. Sebaik sahaja program di Janda Baik tamat, Majlis Kerja Tertinggi (MKT) Umno telah dipanggil untuk bermesyuarat khas di Ibu Pejabat Umno di PWTC pada pukul 4.00 petang bagi membincangkan perkembangan politik semasa.

Diberitakan bahawa pemimpin parti Warisan (Sabah) termasuk Shafie Apdal turut berada di Kuala Lumpur. Di Hotel Ritz Carlton, Pengurus Gabungan Parti Sarawak (GPS) Datuk Patinggi Abang Johari dilaporkan sedang bermesyuarat bersama beberapa orang Ahli Parlimen GPS, antaranya ialah Ketua Whip GPS, Fadillah Yusof, Richard Riot Jaem, dan Tiong King Sing. GPS ialah sebuah gabungan politik yang dibentuk selepas kekalahan BN dalam PRU-14 dan dianggotai oleh Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang memiliki 13 kerusi Parlimen, Parti Rakyat Sarawak (PRS) dengan tiga kerusi, Parti Demokratik Progresif (PDP) dengan dua kerusi, dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dengan satu kerusi.

Pas pula mengambil pendekatan ‘tunggu dan lihat’ dan tidak membuat sebarang mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat untuk membincangkan hala tuju yang akan diambil oleh parti.

Keberadaan semua pemimpin parti-parti pembangkang di Kuala Lumpur dan siri mesyuarat tergempar yang diadakan

menguatkan desas-desas akan berlakunya pertukaran kerajaan Persekutuan dalam masa terdekat. Malangnya rakyat Malaysia dibiarkan dalam keadaan tertanya-tanya, apabila kesemua ahli-ahli Parlimen pembangkang yang ditemui media enggan memberi sebarang ulasan apakah perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat masing-masing. Satu sidang media oleh Tun Mahathir dan Azmin dijangka akan berlangsung di Hotel Sheraton pada lewat petang atau malam tersebut sebaik sahaja berlaku pensejajaran politik antara parti-parti yang terlibat. Oleh sebab itu, ratusan wakil media tempatan dan antarabangsa telah berkumpul di Hotel Sheraton untuk melaporkan detik yang dikatakan bersejarah ini.

Sementara beberapa pemimpin parti politik telah tiba di Hotel Sheraton sekitar pukul 6.00 petang, dipercayai bahawa ketua-ketua parti telah menandatangani satu surat akuan bersumpah (*statutory declaration*) menyatakan sokongan kepada Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri dan menubuhkan gabungan baru yang akan menjatuhkan kerajaan Pakatan Harapan. Pada petang itu juga, enam pemimpin utama parti-parti yang cuba membentuk gabungan baru dilaporkan hadir ke Istana Negara di Bukit Damansara untuk mempersembahkan SD kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Antaranya ialah Muhyiddin Yassin (Presiden Bersatu), Ahmad Zahid Hamidi (Presiden Umno), Azmin Ali (mewakili serpihan PKR), Abang Johari Openg (Presiden GPS), Shafie Apdal (Presiden Warisan) dan Abdul Hadi Awang (Presiden Pas). Dalam perkiraan awal, Tun Mahathir dirancang untuk turut serta dalam rombongan mengadap YDP Agong, namun beliau tidak menyertai rombongan ke Istana Negara kerana dikatakan memerlukan lebih masa untuk membuat keputusan penting tersebut. Inilah satu-satunya titik yang menjadi perbezaan antara Tun Mahathir dan

Muhyiddin, iaitu Tun Mahathir tidak mampu untuk menerima Umno secara keseluruhan. Pertemuan itu berakhir sekitar pukul 7.30 malam apabila sekitar 29 buah kenderaan VIP berarak keluar dari perkarangan Istana Negara menuju ke Hotel Sheraton.

Keadaan di Hotel Sheraton semakin sesak dan mendebarkan. Orang ramai masih tertanya-tanya adakah kerajaan Pakatan Harapan akan terkubur pada malam itu? Beberapa pemimpin parti PKR, Amanah dan DAP mula memberi respon terhadap aksi pengkhianatan Azmin dan parti Bersatu sehingga menggugat kestabilan kerajaan PH. Yang menambah kekeliruan pemimpin PH dan kemarahan penyokong PH adalah reaksi Tun Mahathir yang dilihat seolah-olah turut terlibat dalam percaturan menjatuhkan kerajaan PH ini. Terdapat dua perkara kontra yang berlaku pada malam itu, di mana semakin ramai Ahli Parlimen dari parti Umno, Pas, Bersatu, Warisan, GPS, dan serpihan PKR tiba di Hotel Sheraton dan memasuki dewan tertutup, tetapi dalam masa yang sama media dimaklumkan bahawa Tun Mahathir enggan hadir ke perhimpunan di Hotel Sheraton dan tidak akan membuat sebarang sidang media pada malam itu.

Hakikatnya pada waktu itu, jumlah sebenar kerusi Ahli Parlimen yang akan membentuk gabungan baru ini masih kabur. Berdasarkan jumlah kerusi Parlimen yang dimiliki oleh setiap parti; Barisan Nasional dengan 42 kerusi (Umno 39 kerusi, MCA dua kerusi, MIC satu kerusi), Bersatu 25 kerusi⁴⁷, Pas 18 kerusi, PKR-Azmin 11 kerusi, GPS 19 kerusi dan Warisan sembilan kerusi,

⁴⁷ Kerusi Parlimen asal yang dimenangi oleh Bersatu dalam PRU-14 adalah sebanyak 13 kerusi, berbanding 52 kerusi yang ditandinginya. Bersatu mengukuhkan kedudukan mereka apabila menerima penyertaan 13 orang ahli Parlimen BN. Walau bagaimanapun, Bersatu kehilangan satu kerusi apabila kalah dalam pilihan raya kecil Parlimen Tanjung Piai akibat kematian mengejut penyandangnya, YB Dr Mohd Farid Md Rafik pada 21 September 2019.

menjadikan gabungan ini dapat membentuk kerajaan baru dengan majoriti mudah iaitu sebanyak 113 kerusi. Ini tidak termasuk Ahli Parlimen dari parti-parti lain di Sabah dan Sarawak yang dijangka akan turut menyokong kerajaan baru ini seperti STAR, PBRS, PBS, dan PSB yang masing-masing mempunyai satu kerusi.

Ketibaan tokoh-tokoh besar parti pembangkang di Hotel Sheraton mendapat liputan secara langsung oleh pelbagai media. Kelibat Maria Chin Abdullah (Petaling Jaya) di Hotel Sheraton pada petang itu paling mendapat perhatian netizen dengan pelbagai kritikan dan kecaman telah dilemparkan kepada beliau kerana dianggap telah menyertai kumpulan Azmin⁴⁸. Walau bagaimanapun, beliau kemudiannya telah menjelaskan bahawa kehadiran beliau ke Hotel Sheraton adalah bertujuan untuk menyatakan bantahan terhadap usaha menubuhkan kerajaan pintu belakang, sebelum meninggalkan lokasi tersebut.

Antara Ahli Parlimen dari BN yang tiba lebih awal adalah Ketua Pembangkang, Ismail Sabri (Bera), Tengku Adnan Mansor (Putrajaya), Shahidan Kassim (Arau), Azalina Othman Said (Pengerang), Ismail Muttalib (Maran), Mohd Shahar Abdullah (Paya Besar), Mastura Mohd Yazid (Kuala Kangsar), Ramli Md Noor (Cameron Highlands), Annuar Musa (Ketereh). Selain itu, turut sama hadir ialah Takiyuddin Hassan (Kota Bharu), Tuan Ibrahim Tuan Man (Kubang Kerian), Redzuan Mohd Yusof (Alor Gajah), Zuraida Kamaruddin (Ampang), Khairy Jamaludin (Rembau), Nik Mohd Zawawi (Pasir Puteh), M Saravanan (Tapah), Willie Mongin (Puncak Borneo), Edmund Santhara

⁴⁸ Maria Chin Abdullah terkenal sebagai aktivis rakyat yang memperjuangkan nilai demokrasi dan pilihan raya yang bebas dan adil. Beliau merupakan Penggerusi Bersih 2.0 untuk tempoh 2013-2018, sebelum meletakkan jawatan untuk bertanding sebagai calon bebas menggunakan logo PKR/PH di Parlimen Petaling Jaya.

Kumar (Segamat), dan lain-lain lagi. Beberapa media melaporkan bahawa gabungan baru ini telah mendapat sokongan daripada kira-kira 130 orang Ahli Parlimen, berdasarkan kehadiran ke Hotel Sheraton pada malam itu⁴⁹.

Antara presiden-presiden parti yang turut hadir ke Hotel Sheraton adalah Zahid Hamidi (Bagan Datoh – Presiden Umno), Abdul Hadi Awang (Marang – Presiden Pas), Azmin Ali (Gombak – PKR), dan Presiden MIC yang juga Presiden Dewan Negara, S.A. Vigneswaran. Muhyidin Yassin (Pagoh – Presiden Bersatu) tiba sekitar pukul 8.30 malam, kemudian disusuli oleh Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muar), Mustapa Mohamed (Jeli) dan Faizal Azumu (Tambun).



Rakaman suasana majlis makan malam di Hotel Sheraton.

49 Rujuk laporan mstar.com.my bertajuk *Semua 131 ahli Parlimen tersenyum selepas makan malam* dan laporan bharian.com.my bertajuk *Dr Mahathir dapat sokongan 130 kerusi Parlimen* – Sumber.

Di sebalik desas-desus kejatuhan kerajaan PH, di kediaman Anwar Ibrahim di Bukit Segambut, sedang berlangsung Majlis Zikir Nurul Anwar yang dianjurkan saban minggu. Beberapa orang pemimpin utama PKR juga mulai tiba di sana, antaranya ialah Saifuddin Nasution, Nik Nazmi, Abdullah Sani, Fahmi Fadzil dan Wong Chen. Semasa mengikuti kuliah yang disampaikan oleh Mufti Pulau Pinang Sahibus Samahah Dr Wan Salim bin Wan Mohd Noor, fokus Anwar kelihatan sedikit terganggu apabila kerap kali dilihat sedang berkomunikasi melalui telefon beliau. Dalam ucapan penutup, Anwar menyifatkan apa yang berlaku di Hotel Sheraton itu adalah satu pengkhianatan kepada perjanjian dan menjangkakan bahawa kejatuhan kerajaan PH mungkin akan berlaku dalam masa terdekat.

Rupa-rupanya perhimpunan Ahli-ahli Parlimen di Hotel Sheraton pada malam itu hanyalah sekadar majlis makan malam sahaja. Tiga sidang media yang dispekulasi sejak awal pagi tidak diteruskan; pertama di Menara Yayasan Selangor yang menempatkan ibu pejabat parti Bersatu, kedua di Hotel Sheraton Petaling Jaya pada pukul 3.00 petang, dan ketiga juga di hotel yang sama pada pukul 9.00 malam. Tiada apa-apa pengumuman besar yang diumumkan, termasuk apakah reaksi YDP Agong selepas dilaporkan menerima mengadap enam pemimpin parti di Istana Negara pada petang 23 Februari 2020⁵⁰. Perancangan untuk Tun Mahathir dan Azmin Ali mengadakan sidang media tergempar di Hotel Sheraton telah gagal ekoran daripada kegganan Tun Mahathir untuk turut hadir

50 Menurut penganalisis politik, Dr Muhamad Nadzri Mohamed Noor, YDP Agong tidak terus mengiktiraf gabungan baru ini, sebaliknya memerlukan lebih masa untuk berbincang dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk Tun Mahathir dan Anwar Ibrahim. Mereka dipanggil mengadap ke Istana Negara pada keesokan harinya, 24 Februari 2020. Lihat artikel yang disiarkan dalam Malaysiakini.com bertajuk *Cubaan Kudeta 232 dan kejatuhan kerajaan PH*.

bersama. Sebaliknya, ahli-ahli Parlimen yang hadir telah beransur meninggalkan dewan seorang demi seorang sejak pukul 9.45 malam kerana majlis yang sepatutnya menjadi kemuncak kepada percaturan ini kini bertukar menjadi hambar. Jika diteliti dengan lebih lanjut, kejadian di Hotel Sheraton pada malam 23 Februari 2020 adalah sebuah anti-klimaks dan tidak terlalu signifikan dalam percaturan untuk menjatuhkan kerajaan PH. Ia tidak lebih sekadar untuk *test the water*, mempamerkan kekuatan gabungan baru hasil dari penyertaan ahli-ahli Parlimen yang membelot dari PH, dan juga untuk melihat reaksi pimpinan PH dan orang awam. Seperti yang kita semua tahu, rakyat Malaysia tidak terlalu agresif dalam memberi reaksi terhadap mana-mana percaturan ahli politik walaupun ia ternyata boleh menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara. Ia tidak lebih sekadar mengulangi reaksi rakyat Malaysia semasa berlaku pertukaran kerajaan Persekutuan lewat 9 Mei 2018.

Berdasarkan satu lagi klip rakaman audio yang didedahkan pada 11 Jun 2020, Muhyiddin telah memberi gambaran lebih awal bahawa pengumuman penubuhan kerajaan PN sempena majlis makan malam di Hotel Sheraton tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang. Dipercayai bahawa ucapan Muhyiddin ini dibuat dalam mesyuarat MPT Bersatu yang sama, iaitu pada pagi 23 Februari 2020. Beliau juga mengakui bahawa YDP Agong telah berkali-kali dimaklumkan berkenaan perancangan untuk menjatuhkan kerajaan PH ini.

MUHYIDDIN YASSIN: Jadi oleh sebab itu, bila saya dah maklumkan semua presiden-presiden, semua Ahli Parlimen dikumpulkan [kabur] pasal *this is part of scheme*. Hari ini kita akan maklum balik tak jadi. Pasal,

Istana Negara. *At the end of the day decision is the Agong.* Jadi, kalau *exercise* yang kita cadangkan itu bermakna, Perdana Menteri tak perlu letak jawatan. Memang pun disahkan. *I told Prime Minister after consultation with the former CJ (Chief Justice), no we don't have to resign.* So dalam keadaan A yang ada sekarang ni pun, Tun Perdana Menteri. Kalau nak *move to B* pun Tun tak perlu nak *resign*, dia kekal Perdana Menteri. *Reimposing position* tetapi *moving from PH to PN*. Perikatan Nasional, kononnya lah. Tapi tak jadi lah kan. Jadi, itu dia keadaan. Dan Agong sudah dimaklumkan. Bukan sekali, berkali-kali. Sentimen Agong, *quote unquote*, dia lebih suka yang, yang kita nak cakap ni. Dia tak kena dengan Anwar. Dia cakap terus terang, bukan pasal apa, dia tak suka Anwar. Kalau bolehlah. Tapi untuk Tun faham kedudukan tu, *as what [kabur] for it*. Sehingga dia bagi *time* untuk petang ni kalaualah jadi benda ni, kami ini termasuk, tolak Tun, yang berapa... enam orang. Berapa tadi, saya (Muhyiddin), Azmin, Shafie (Apdal), Zahid (Hamidi), Abang Jo (Johari Openg), Hadi (Awang), enam. Dibagi masa pukul 6.00 petang untuk mengadap [suara ahli mesyuarat mencelah: tujuh, tujuh], untuk mengadap.

Bawak perkara ini kepada Agong untuk memaklumkan kepada Agong bahawa kami datang untuk sembah maklum. Ini semua wakil-wakil parti, semua sudah menyokong Perdana Menteri. Jumlahnya ialah 133, dan bawak sekali dengan SD. Saya bawak sendiri contoh SD saya lah, pasal fotostat *copy simpanlah*. Saya

sign. Dalam SD sebahagian besar kata sokong Tun dan apa sajalah. Jadi kalau Tun kata kita nak tubuh A pun boleh, tubuh B pun boleh. *It's like open ended.* Kita tak kata tak sokong Anwar ke sokong mana. *I think that's not relevant.* Anwar tak masuk *book* saya lah. Jadi sebab itu dah tersedia dah. Tapi tadi buat *decision* mungkin tak jadi... jadi kena maklum pada Istana lah. Tak jadi kita mengadap. Pasal apa tak [kabur]? Kalau belum nanti saya suruh bagitahu Hamzah tunggu dulu. Tadi dah bincang dengan Tun, saya hormat Tun [kabur].

Saya nak *wrap up* mengatakan bahawa di pihak Istana dah menunggu, nak bagi masa kami enam orang mengadap, nak jelaskan gini-gini kenapa kami pikir sudah cukup bilangan dia dan kami dah sokong Tun supaya Tun boleh bentuk kerajaan baru. Itu dialah untuk [kabur] kitalah. Dan lepas tu nanti...sebenarnya Agong dah meletakkan pagi esok, atau malam ni, untuk...untuk titah Tun mengadap, tetapi kata dia mungkin ada hal. Dia nak mintak supaya pagi esok dalam 11.00 pagi. Anwar dijadual untuk berjumpa Tun pukul 2.00 petang.

Langkah Sheraton adalah manifestasi percaturan politik bagi menjatuhkan kerajaan PH, terutama oleh Azmin dan parti Bersatu yang mahu menyegerakan proses transisi dari PH kepada PN terutama selepas mesyuarat terakhir Majlis Presiden PH pada 21 Februari 2020 yang lalu. Ketepatan masa adalah kunci utama dalam sebarang percaturan politik. Ini bertujuan untuk mengekalkan

momentum percaturan politik dan mengikat persetujuan ahli-ahli Parlimen tertentu sebelum berlaku *counter offer* dari pihak lain⁵¹.



Latar belakang majlis makan malam di Hotel Sheraton.

Persoalannya, siapakah yang mengatur lokasi pertemuan malam itu dan siapakah yang menanggung kos sewaan *ballroom* dan hidangan makan malam? Pada layar belakang pentas dewan majlis pada malam itu, tertulis “Majlis Makan Malam Muafakat Ahli Parlimen” dengan lambang Jata Negara di atasnya. Adakah kos pada malam itu ditanggung oleh duit kerajaan? Dengan mengambil kira kos antara RM200 hingga RM270 satu kepala seperti yang diiklankan di laman-laman web, kos untuk himpunan seramai 200 orang boleh menelan belanja antara RM40,000 hingga RM54,000.

51 Azmin Ali turut menyatakan keimbangan jika rancangan menubuahkan kerajaan baru ini ditangguhkan lebih lama, kerana bimbang ahli-ahli Parlimen dibeli oleh pihak lain. Lihat laporan Malaysiakini.com bertajuk *Azmin bimbang gabungan baru gagal jika ditangguh*.

Jika dilihat kepada persediaan rapi dan ruang menunggu wartawan untuk sidang media, majlis pada malam itu sememangnya telah disusun lebih awal dengan jangkaan pengumuman besar yang akan dibuat, rentetan daripada keputusan mesyuarat Majlis Presiden PH pada malam 21 Februari 2020. Yang jelas, Hotel Sheraton menjadi lokasi pertemuan Azmin dan beberapa Ahli Parlimen PKR sejak awal pagi 23 Februari 2020.

Meskipun wakil-wakil media tidak diendahkan dan dibiarkan tanpa sebarang kenyataan rasmi, plot tergantung di Hotel Sheraton pada malam itu telah memahat satu lagi sejarah dalam politik negara, di mana media dan pemerhati politik mengistilahkannya sebagai “Langkah Sheraton”. Kerana akhirnya, Langkah Sheraton ini telah berjaya mencetuskan krisis politik tanpa duluan (*unprecedented*) sehingga seterusnya menyebabkan berlaku krisis pelantikan jawatan Perdana Menteri yang berlanjutan selama enam hari, dan kerajaan Persekutuan tidak mempunyai Jemaah Menteri selama 14 hari di kala negara sedang menghadapi krisis epidemik COVID-19⁵².

Buat pertama kalinya dalam sejarah negara atau mungkin di seluruh dunia, seorang Perdana Menteri menjadi rebutan oleh ahli-ahli Parlimen dari gabungan parti kerajaan (Pakatan Harapan pada waktu itu) dan juga parti-parti pembangkang, sehingga Tun Mahathir mengibaratkan dirinya sebagai “*a pretty girl*”.⁵³

52 Pada 23 Februari 2020, jumlah kes jangkitan COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 22 kes. 18 kes telah pulih dan dibenarkan keluar dari hospital, manakala empat lagi kes sedang dirawat dan berada dalam keadaan stabil (sila rujuk kenyataan media Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 23 Februari 2020 di <https://kpkesihatan.com>). Jumlah kes aktif di seluruh dunia pada waktu itu telah mencecah sebanyak 79,205, dengan China mencatat jumlah kes yang tertinggi iaitu sebanyak 77,150 (rujuk data statistik di <https://www.worldometers.info/coronavirus>).

53 Semasa merumuskan keputusan mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan pada malam 21 Februari 2020, Tun Mahathir mengumpamakan situasi ‘tarik tali’ yang berlaku ke atas dirinya sebagai *a pretty girl*, iaitu seseorang yang dilihat menarik

dan disukai oleh kedua-dua belah pihak.

KRISIS JAWATAN PERDANA MENTERI KE-8

Kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong yang menangguhkan sebarang keputusan selepas dilaporkan menerima mengadap enam pemimpin parti pembangkang pada petang 23 Februari 2020 telah memberi lebih masa kepada pemimpin PH untuk mendapatkan jawapan apakah sebenarnya yang berlaku pada hari itu.

KERAJAAN PH BERKUBUR

Pada awal pagi 24 Februari 2020, Anwar Ibrahim, Wan Azizah, Mohamad Sabu dan Lim Guan Eng telah hadir ke bangunan Putra Perdana yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri untuk bertemu dengan Tun Mahathir, tetapi kemudian menyedari bahawa Tun Mahathir tidak hadir ke pejabatnya pada pagi itu. Mereka terpaksa menuju ke kediaman Tun Mahathir di The Mines Seri Kembangan sekitar pukul 10.45 pagi dan mengadakan perbincangan selama hampir dua jam di sana.



FOTO NETIZEN

Gambar pemimpin PH sedang menunggu di perkarangan rumah Tun Mahathir telah menjadi bualan para netizen. Dilaporkan bahawa Tun Mahathir pada pagi itu berada dalam keadaan tidak sihat, dan pemimpin PH terpaksa menunggu di luar rumah sebelum bertemu dengan Tun Mahathir seorang demi seorang. Difahamkan bahawa sebelum pertemuan ini berlangsung, Tun Mahathir telah memutuskan untuk meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Selepas pulang dari pertemuan dengan Tun Mahathir, Anwar dan Dr Wan Azizah kembali ke Ibu Pejabat PKR di Merchant Square, Petaling Jaya untuk menghadiri mesyuarat khas Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR bagi membincangkan perkembangan politik semasa. Dalam mesyuarat tersebut, ahli MPP telah sebulat suara untuk memecat keahlian Azmin dan Zuraida dari PKR berkuat kuasa serta-merta. Ini kerana dua watak utama ini dilihat terlibat secara aktif dalam majlis makan malam di Hotel Sheraton dan dipercayai telah lama terlibat dalam percaturan untuk menjatuhkan kerajaan PH. Sementara Anwar dan Wan Azizah bergegas ke Istana Negara untuk mengadap YDP Agong⁵⁴,

⁵⁴ Anwar Ibrahim telah mengatur janji temu bersama YDP Agong lebih awal. Desas-desus Anwar memohon untuk mengadap YDP Agong ini telah diuar-uarkan sebagai usaha beliau untuk mempersembahkan sokongan majoriti dan cubaan untuk mengambil alih jawatan Perdana Menteri dari Tun Mahathir.

keputusan mesyuarat tersebut telah diumumkan oleh Setiausaha Agung PKR, Saifuddin Nasution dalam satu sidang media di Ibu Pejabat PKR sekitar pukul 2.00 petang pada hari yang sama. Azmin merupakan Timbalan Presiden PKR sejak 10 tahun yang lalu dan beliau berjaya mempertahankan jawatannya dalam Kongres Nasional ke-13 PKR pada 18 November 2019, manakala Zuraida merupakan Naib Presiden PKR. Tindakan Azmin yang secara terang-terangan menjadi dalang utama dalam percaturan Langkah Sheraton, telah dianggap sebagai satu pengkhianatan terbuka kepada PKR dan Pakatan Harapan.

Tanpa disangka-sangka, pada pukul 2.21 petang hari yang sama, satu kenyataan media yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri telah dimuat naik di laman Facebook Dr Mahathir bin Mohamad, yang menyatakan bahawa Tun Mahathir telah menghantar surat peletakan jawatan Perdana Menteri kepada YDP Agong pada jam 1.00 tengahari. Berita ini sangat mengejutkan ramai pemimpin dan penyokong PH⁵⁵, sehingga menimbulkan spekulasi bahawa Tun Mahathir turut menjadi dalang di sebalik kejatuhan kerajaan PH dan bersedia untuk diangkat menjadi Perdana Menteri bagi pihak Perikatan Nasional⁵⁶. Spekulasi ini

55 Selepas Tun Mahathir mengumumkan peletakan jawatan secara rasmi, barulah Anwar Ibrahim memaklumkan bahawa beliau telah diberitahu lebih awal tentang hasrat Tun Mahathir ini, dan merayu bagi pihak PH agar Tun Mahathir mempertimbangkan semula keputusan tersebut. Lim Guan Eng dalam sidang media pada petang 24 Disember 2020 memaklumkan bahawa beliau juga telah dimaklumkan lebih awal berkenaan hasrat Tun Mahathir untuk meletakkan jawatan, dan menyifatkan Tun Mahathir sebagai berpegang kepada prinsip integriti dan melawan korupsi.

56 Dalam satu sidang media sebagai Perdana Menteri Interim, Tun Mahathir menjelaskan bahawa beliau meletakkan jawatan kerana merasakan mendapat sokongan daripada semua pihak, tetapi tidak dapat memilih pihak mana yang sepatutnya yang benar-benar menyokong beliau. Dengan keputusan Bersatu keluar dari PH, beliau berpendapat bahawa kerajaan PH telah terkubur. Selain itu, beliau meletakkan jawatan Perdana Menteri kerana tidak dapat menerima kerajaan yang

semakin diterima ramai apabila beberapa minit kemudian, Azmin Ali telah memuat naik satu hantaran Facebook mengumumkan bahawa beliau bersama 10 orang lagi Ahli Parlimen PKR mengambil keputusan untuk keluar dari PKR dan Pakatan Harapan bagi membentuk blok bebas di Parlimen⁵⁷. 10 orang tersebut terdiri daripada Zuraida Kamaruddin (Ampang), Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota), Baru Bian (Selangau), Kamaruddin Jaafar (Bandar Tun Razak), Mansor Othman (Nibong Tebal), Rashid Hasnon (Batu Pahat), Dr Santhara Kumar (Segamat), Ali Biju (Saratok), Willie Mongin (Puncak Borneo) dan Jonathan Yasin (Ranau)⁵⁸. Satu gambar yang mengumpul kesemua mereka dengan senyuman bangga terukir di wajah masing-masing telah dimuat naik di laman Facebook Azmin Ali.

Selang beberapa minit kemudian, Muhyiddin dalam satu hantaran di laman Facebook telah mengumumkan bahawa Bersatu telah keluar dari PH secara rasmi, bersandarkan kepada keputusan yang dibuat dalam mesyuarat MPT Bersatu pada pagi 23 Februari 2020. Dalam masa yang sama, semua Ahli Parlimen Bersatu masih menyokong Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri. Berita ini mengesahkan lagi bahawa kerajaan PH akan berakhir dalam masa terdekat. Dalam semangat pendirian Bersatu yang sejak dari awal menolak kepemimpinan Anwar dan mahu Tun Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri, Muhyiddin khuatir jika kekosongan

didominasi oleh Umno sebagai parti terbesar. Sila rujuk kenyataan media Perdana Menteri Interim bertarikh 26 Februari 2020.

57 Rafizi Ramli semasa berucap dalam *Regional Outlook Forum 2020, Session 5: Beyond the Horizon: Pakatan Harapan's Succession Plans and Economic Challenges* pada 9 Januari 2020, menjangkakan bahawa Ahli Parlimen PKR yang mungkin menolak Anwar sebagai calon Perdana Menteri tidak lebih dari lima orang.

58 Pada 27 Februari 2020 sekitar pukul 3.30 petang, Jonathan Yasin telah membuat penafian tentang persetujuan beliau untuk keluar dari PKR dan menyertai kumpulan Azmin Ali.



Duduk dari kiri: Rashid Hasnon, Saifuddin Abdullah, Azmin Ali, Zuraida Kamaruddin, dan Baru Bian. Berdiri dari kiri: Ali Biju, Kamaruddin Jaafar, Santhara Kumar, Jonathan Yasin, Willie Mongin, dan Mansor Othman.

kerusi Perdana Menteri ini dituntut oleh Anwar dengan mengadap Yang di-Pertuan Agong dan mendakwa PH masih menikmati sokongan majoriti. Justeru, bersandarkan kepada keputusan mesyuarat Bersatu pada pagi 23 Februari 2020, Muhyiddin dengan segera mengumumkan bahawa Bersatu yang memiliki 25 orang Ahli Parlimen telah keluar dari PH secara rasmi. Implikasi daripada pengumuman ini adalah PH tidak lagi memiliki sokongan majoriti dalam Dewan Rakyat. Muhyiddin secara jelas telah ‘mencuri bola dari kaki’ Anwar dengan menutup peluang untuk memiliki majoriti sokongan Ahli Parlimen⁵⁹. Langkah ini boleh difahami bahawa

59 Rujuk esei *Why Did Bersatu Leave Pakatan Harapan?* oleh Wan Saiful Wan Jan (2020), di bawah siri *Trends in Southeast Asia* yang diterbitkan oleh ISEAS - Yusof Ishak Institute, Singapore. Menurut Wan Saiful, semasa mengeluarkan kenyataan media pengumuman Bersatu keluar dari PH, Muhyiddin pada waktu itu telah bertindak sebagai pemangku Pengerusi Bersatu, menggantikan Tun Mahathir yang meletakkan jawatan itu pada hari yang sama.

pergelutan kuasa yang berlaku dalam PH bukan sahaja antara Tun Mahathir dan Anwar, tetapi penolakan kepemimpinan Anwar ini turut disertai oleh Muhyiddin dan Bersatu secara keseluruhan.

Dalam kekalutan Negara sedang berdepan dengan ancaman COVID-19, Dr Dzulkefly Ahmad sebagai Menteri Kesihatan telah berkongsi satu hantaran di Twitter @DrDzul memaklumkan status semasa kes-kes jangkitan. Dalam hantaran tersebut, beliau menulis mesej penutup “Tweet saya terakhir sebagai YBMK (Yang Berhormat Menteri Kesihatan)” dan telah mendapat reaksi yang mengejutkan daripada orang ramai. Sehingga catatan ini ditulis, hantaran beliau diulang ciap sebanyak 45,300 kali, disukai oleh 41,500 pengguna, ditangkap layar dan disebarluaskan dalam media sosial. Beliau antara Menteri PH yang paling disenangi oleh rakyat pelbagai kaum kerana menunjukkan prestasi yang cemerlang, terutama dalam usaha Negara memerangi penularan wabak COVID-19. Selain itu, Salahuddin Ayub juga telah menyiarluaskan ucapan terakhir beliau sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Belum pun hilang kejutan daripada peletakan jawatan Perdana Menteri, sekitar pukul 3.11 petang, Tun Mahathir telah memuat naik satu lagi kenyataan media di laman Facebook bagi memaklumkan bahawa beliau telah menghantar surat peletakan jawatan sebagai Pengurus Bersatu ke Ibu Pejabat parti. Polemik peletakan jawatan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Pengurus Bersatu telah mendapat reaksi yang pelbagai daripada penganalisis politik dan pemimpin PH. Perkara 43(4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa “jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti Ahli Parlimen, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan

oleh Yang di-Pertuan Agong". Justeru berdasarkan tafsiran terhadap fasal ini, Jemaah Menteri yang dilantik oleh Tun Mahathir telah dianggap terbubar dengan sendiri. Keadaan ini disahkan pula oleh kenyataan susulan dari Ketua Setiausaha Negara bahawa YDP Agong telah membatalkan pelantikan Menteri-menteri selaras dengan peruntukan Perkara 43(5) Perlumbagaan Persekutuan⁶⁰.

Ramai yang mengkritik tindakan Tun Mahathir ini kerana beliau dilihat tidak menghormati suara dalam Majlis Presiden PH. Apatah lagi keputusan sebesar ini dibuat secara peribadi tanpa mempertimbangkan pandangan pemimpin PH yang lain, sedangkan kedudukannya sebagai Perdana Menteri adalah hasil konsensus Majlis Presiden PH. Pada waktu itu, beliau belum lagi mendapat undi tidak percaya di Dewan Rakyat, dan usaha penyerahan SD oleh pemimpin pembangkang kepada YDP Agong belum diiktiraf sepenuhnya dan tiada bukti yang mengatakan bahawa beliau tidak lagi menikmati sokongan majoriti Ahli Parlimen. Sepatutnya Tun Mahathir terus menjadi Perdana Menteri dan kabinet PH boleh menjalankan tugas seperti biasa.

Implikasi daripada peletakan jawatan ini adalah Tun Mahathir dianggap sepenuhnya bertanggungjawab menguburkan kerajaan PH. Jika beliau kekal sebagai Perdana Menteri PH, beliau masih mampu menarik sokongan mana-mana ahli Parlimen bebas dan juga dari Sabah dan Sarawak untuk membentuk majoriti mudah. Dalam situasi terkunci (*deadlock*) ini, beliau bahkan boleh mengendurkan desakan parti komponen PH yang lain kerana bola benar-benar berada di kaki beliau. Dari sisi lain, ada juga pihak yang membuat telahan percaturan Tun Mahathir ini adalah untuk berhenti menjadi Perdana Menteri PH, lalu mendapatkan sokongan

60 Rujuk kenyataan media oleh Ketua Setiausaha Negara, Mohd Zuki bin Ali bertarikh 24 Februari 2020.

dari kumpulan Perikatan Nasional⁶¹ untuk kembali menjadi Perdana Menteri tanpa parti-parti komponen PH. Sebaliknya, Tun Daim menjelaskan bahawa Tun Mahathir sewaktu dalam situasi tersebut telah ditekan dari semua arah, tidak mempunyai banyak pilihan dan perlu membuat keputusan secepat mungkin. Setelah semua detik-detik kritikal itu berlalu, penilaian berbeza mungkin dibuat oleh orang ramai apabila semua maklumat sebenar telah terhidang di depan mata⁶².

Ekoran peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri, Tun Mahathir telah dipanggil mengadap YDP Agong pada pukul 5.00 petang 24 Februari 2020 bagi menjelaskan kemelut politik yang sedang melanda negara. Dalam pertemuan itu, YDP Agong telah meminta agar Tun Mahathir menimbang semula keputusan yang telah dibuat meskipun akhirnya Tun Mahathir tetap dengan pendirian beliau untuk meletakkan jawatan⁶³. Justeru, YDP

61 Berita penubuhan Pakatan Nasional atau Perikatan Nasional ini mula menular sejak 3 Februari 2020, apabila ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) Umno, Lokman Adam telah memuat naik satu rakaman audio yang mendedahkan butiran ucapan Presiden Umno, Zahid Hamidi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penganjur Perhimpunan Muafakat Nasional Umno. Dalam mesyuarat tersebut, Zahid menyatakan hasrat untuk membawa Umno bekerjasama dengan Tun Mahathir dalam gabungan Pakatan Nasional (rujuk siaran video di laman YouTube bertajuk *Lokman Adam bongkar penipuan terkini Zahid, patutlah kelam kabut mahu bersama Mahathir*). Usaha mewujudkan gabungan parti-parti Melayu yang terdiri daripada Bersatu, Umno dan Pas di atas nama Pakatan Nasional telah menjadi buah mulut sejak 6 Februari 2020. Pakatan Nasional dikatakan berasal dari gabungan antara ‘Pakatan’ Harapan dan Muafakat ‘Nasional’. Namun, kewujudan percaturan politik ini telah segera dinafikan oleh pemimpin tertinggi Umno, Pas dan Bersatu beberapa hari kemudian. Nama gabungan baru ini kemudiannya telah bertukar kepada Perikatan Nasional dan mula disebut-sebut sejak 23 Februari 2020.

62 Rujuk wawancara bersama Tun Dr Abdul Daim bin Zainuddin (Tun Daim) yang disiarkan di portal Malaysiakini.com bertajuk *Bicara panjang dengan Daim - dari ekonomi hingga pertanian* pada 23 Mei 2020.

63 Seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semasa membaca Titah Diraja sempena perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020.

Agong telah menerima peletakan jawatan Perdana Menteri ke-7 sekaligus membubarkan Jemaah Kabinet PH. Bagi memastikan kelangsungan dan kestabilan pentadbiran kerajaan sehingga calon Perdana Menteri baru mengangkat sumpah secara rasmi, YDP Agong telah berkenan untuk melantik Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri Interim⁶⁴.

Keputusan Tun Mahathir untuk meletakkan dua jawatan penting sekaligus ini boleh dikatakan tindakan di luar jangkaan parti Bersatu sendiri dan meletakkan parti itu dalam krisis, sehingga MPT Bersatu dipanggil ke mesyuarat tergempar pada malam 24 Februari 2020. Walau bagaimanapun, difahamkan bahawa mesyuarat tersebut tidak dihadiri oleh Tun Mahathir dan hanya beberapa orang ahli MPT yang hadir termasuk Muhyiddin Yassin, Syed Saddiq, Mukhriz Mahathir, Rina Haron, Marzuki Yahya, Dr Radzi Jidin, Mohd Redzuan Yusof, dan Dr Maszlee Malik. Selain itu, Setiausaha Politik kepada Azmin Ali, Hilman Idham

64 Perkara ini diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara, Mohd Zuki bin Ali. Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan istilah khusus “Perdana Menteri Interim” dan tidak pernah terjadi dalam sejarah pentadbiran negara Malaysia berbanding konsep *caretaker government* yang berfungsi setiap kali Dewan Rakyat dibubarkan. Justeru penggunaan istilah ini telah mengundang perbincangan ramai ahli akademik undang-undang dan perlembagaan, antaranya Profesor Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood (UIAM), Dr Muhammad Fathi Yusof (UTM), Profesor Madya Dr Shamrahayu Ab Aziz (UIAM), dan Profesor Dr Aziz Bari (bekas pensyarah UIAM). Rata-rata berpendapat bahawa Perdana Menteri Interim boleh menjalankan tugas seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada seorang Perdana Menteri biasa. Tafsiran yang sama juga dijelaskan oleh Tommy Thomas, Peguam Negara pada waktu itu. Walau bagaimanapun, Dr Muhammad Fathi berpendapat bahawa Perdana Menteri Interim tidak mempunyai kuasa sebagaimana Perdana Menteri biasa, dan ia harus tertakluk kepada bidang kuasa yang dihadkan dan tertakluk kepada arahan YDP Agong dari semasa ke semasa. Lihat ulasan beliau bertajuk *Kuasa Perdana Menteri Interim ditentukan Agong* yang disiarkan oleh BH Online pada 25 Februari 2020.

Menurut Tun Mahathir dalam sidang media sebagai Perdana Menteri Interim pada 27 Februari 2020, beliau menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai kuasa untuk membentuk Kabinet kerajaan.

turut kelihatan hadir ke bangunan Menara Yayasan Selangor yang menempatkan Ibu Pejabat Bersatu. Dalam mesyuarat tersebut, ahli MPT Bersatu diberi penjelasan oleh Muhyiddin Yassin dan Redzuan Yusof berkenaan usaha rundingan dengan Umno dan Pas untuk menujuhkan kerajaan Perikatan Nasional dan sebab-sebab kenapa Bersatu perlu keluar dari PH. Muhyiddin mempertahankan tindakannya untuk mengembalikan sokongan orang Melayu kepada parti Bersatu, dalam masa yang sama beliau menghadapi dilema kerana berselisih pendirian dengan Tun Mahathir. Difahamkan juga oleh Muhyiddin bahawa Umno dan Pas bersedia menerima dirinya sebagai calon Perdana Menteri ke-8, jika Tun Mahathir tetap berkeras untuk tidak menerima Ahli-ahli Parlimen Umno secara *en bloc*. Walau bagaimanapun, mesyuarat pada malam itu memutuskan Tun Mahathir tetap menjadi calon Perdana Menteri ke-8 untuk gabungan Perikatan Nasional dan MPT sebulat suara menolak peletakan jawatan Tun Mahathir sebagai pengurus parti dan memujuk semula beliau untuk kekal menerajui parti Bersatu.⁶⁵

Perkembangan hari ini menjadi satu lagi persimpangan politik kepada gabungan PH yang kini terdiri daripada PKR, Amanah dan DAP. Mesyuarat Majlis Presiden yang diadakan pada malam 24 Februari 2020 telah membuat ketetapan bahawa mandat yang diberikan oleh PH kepada Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7 telah tamat dengan sendiri akibat peletakan jawatan tersebut. Namun, pada malam itu PH perlu menamakan seorang calon Perdana Menteri untuk dipersembahkan oleh setiap ahli Parlimen kepada YDP Agong pada keesokan hari. Sebagaimana yang diumumkan oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Dato'

⁶⁵ Perkara ini disahkan oleh Setiausaha Agung Bersatu, Marzuki Yahya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan pada 7 Mei 2020.

Ahmad Fadil Hj. Shamsuddin dalam satu sidang media di Istana Negara, YDP Agong berkenan untuk menerima mengadap seramai 221 orang Ahli Parlimen (tidak termasuk Tun Mahathir) untuk mendapatkan pencalonan nama Perdana Menteri ke-8. Malangnya jemputan kepada Tun Mahathir untuk hadir ke mesyuarat Majlis Presiden PH pada malam itu tidak bersambut⁶⁶, mungkin kerana beliau berasa malu kerana diperlakukan begitu oleh partinya sendiri atau mungkin juga beliau merasakan PH akan mempergunakan beliau untuk berhadapan dengan partinya sendiri. Respon Tun Mahathir ini memberi isyarat kepada PH bahawa komitmen beliau kepada gabungan itu sudah berakhir. Dengan keluarnya Bersatu dari PH, jawatan Tun Mahathir sebagai Pengerui PH sepatutnya tergugur dengan sendiri kerana keberadaan beliau adalah atas kapasiti Pengerusi Bersatu. Di pihak Tun Mahathir, disebabkan Bersatu telah keluar dari PH dan beliau sendiri telah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Bersatu, beliau tidak lagi mempunyai legitimasi untuk mempengerusikan Majlis Presiden PH.

Maka, Mesyuarat Majlis Presiden pada malam itu bersetuju untuk mengangkat nama Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri PH.⁶⁷

220 AHLI PARLIMEN MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG

Pada pagi 25 Februari 2020 (Selasa), Tun Mahathir masuk ke pejabat sebagai Perdana Menteri Interim dan meneruskan tugas

66 Seperti yang dijelaskan oleh Saifuddin Nasution semasa berucap dalam majlis Jelajah Pertahan Mandat Rakyat Negeri Kedah pada malam 8 Mac 2020.

67 Rujuk kenyataan media Majlis Presiden Pakatan Harapan bertarikh 26 Februari 2020.

seperti biasa. Beberapa keping gambar yang menunjukkan beliau sedang meneliti dokumen di meja pejabat Perdana Menteri telah dimuat naik ke laman Facebook beliau. Satu kenyataan media menggunakan kepala surat Pejabat Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa pada pagi itu, Tun Mahathir mengadakan perjumpaan bersama ketua-ketua parti politik di pejabatnya. Antara yang hadir ialah Abang Johari Abang Openg (Presiden GPS), Muhyiddin Yassin (Presiden Bersatu), Anwar Ibrahim (Presiden PKR), Lim Guan Eng (Setiausaha Agung DAP), Ahmad Zahid Hamidi (Presiden Umno), Abdul Hadi Awang (Presdien Pas), Mohamad Sabu (Presdien Amanah), Azmin Ali (bekas PKR), dan juga Shafie Apdal (Presiden Warisan) yang bertemu Tun Mahathir pada keesokan hari (26 Februari 2020). Tiada sebarang kenyataan media dikeluarkan berkenaan butir perbincangan antara Tun Mahathir dan ketua-ketua parti⁶⁸. Media melaporkan beberapa pemimpin politik turut berada di bangunan Perdana Putra, antaranya ialah Dr Ahmad Samsuri (Menteri Besar Terengganu), Hishammuddin Hussein, Mukhriz Mahathir (Menteri Besar Kedah), dan lain-lain.

Bermula pada pukul 2.30 petang pada hari yang sama, Istana Negara telah menerima kehadiran 90 orang Ahli-ahli Parlimen daripada BN, diikuti oleh wakil dari Pas, GPS, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan wakil bebas. Seorang Ahli Parlimen BN, Nazri Aziz (Padang Renggas) dilaporkan gagal hadir ke pertemuan bersama YDP Agong kerana beliau sedang berada di luar negara.

68 Berdasarkan rentetan peristiwa yang berlaku pada 26 Februari 2020 seolah-olah memberi gambaran bahawa pertemuan ini antara lain bertujuan untuk membincangkan hasrat Tun Mahathir menubuhkan sebuah kerajaan campuran.



Bas yang membawa rombongan ahli-ahli Parlimen Umno ke Istana Negara.

Proses temu duga secara perseorangan ini berlaku di hadapan YDP Agong sendiri dan disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Mohd Zuki bin Ali. Setiap Ahli Parlimen dibekalkan dengan satu borang dengan format yang hampir sama dengan surat akuan bersumpah (SD) yang disertakan dengan ruangan kosong untuk pencalonan nama Perdana Menteri ke-8 dan ruang untuk menurunkan tandatangan⁶⁹. Setiap seorang ahli Parlimen diberi masa selama dua hingga tiga minit untuk menyelesaikan proses pencalonan tersebut, dan dijalankan dalam keadaan penuh kerahsiaan. Kaedah yang pertama kali dipraktikkan dalam sejarah negara Malaysia ini mendapat pujian pelbagai pihak, dan membuktikan kebijaksanaan Al-Sultan Abdullah dalam menyelesaikan kemelut politik negara dengan telus dan adil. Peranan yang dimainkan oleh Seri Paduka Baginda adalah selaras

69 Catatan proses pencalonan Perdana Menteri di hadapan YDP Agong ini dikongsi oleh Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Karim dan disiarkan di portal Malaysiakini.com pada 27 Februari 2020, di bawah tajuk *Kenangan manis ditemu duga Agong*.

dengan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang memandu sistem pemerintahan negara kita.

Pada keesokan hari (26 Februari 2020), baki seramai 131 Ahli Parlimen telah hadir ke Istana Negara untuk mengikuti proses yang sama. Giliran mengadap YDP Agong bermula dengan wakil dari parti Bersatu, PKR, Amanah, kumpulan Azmin, Warisan, DAP, dan baki yang lain. Suasana kehadiran Ahli-ahli Parlimen menjadi agak meriah apabila beberapa parti seperti BN, Pas, DAP dan PKR membawa wakil mereka menaiki bas bagi menunjukkan semangat solidariti kumpulan masing-masing. Wakil PKR tanpa kelibat kumpulan Azmin hadir dengan menaiki bas dua tingkat dengan bumbung terbuka dan disambut dengan laungan ‘reformasi’ di hadapan pintu masuk Istana Negara. Pada awalnya Shafie Apdal dianggap tidak hadir ke Istana Negara kerana hanya menghantar wakil, tetapi beliau akhirnya tiba juga dan menjadi orang terakhir yang mengadap YDP Agong, iaitu disahkan sekitar pukul 7.00 malam.

Persoalan siapakah calon Perdana Menteri yang akan mendapat sokongan majoriti mudah menjadi tanda tanya kepada seluruh rakyat Malaysia. Soalan ini sukar untuk dijawab kerana tiada siapa yang tahu siapa yang mencalonkan siapa, dan berapa ramaikah calon Perdana Menteri yang disenaraikan oleh 220 Ahli Parlimen⁷⁰. Dalam satu sidang media di PWTC sekitar pukul 9.00 malam 25 Februari 2020, Pas (diketuai oleh Setiausaha Agung, Takiyuddin Hassan) dan Umno (diketuai oleh Setiausaha Agung, Annuar Musa) mengakui bahawa calon Perdana Menteri ke-8 mereka sebelum ini ialah Tun Mahathir. Tetapi disebabkan Tun

70 Dua orang Ahli Parlimen yang dilaporkan tidak hadir ke Istana Negara untuk ditemu duga oleh YDP Agong ialah Tun Mahathir (Langkawi) dan Nazri Aziz (Padang Renggas).

Mahathir memberi isyarat bahawa kerajaan yang mahu dibentuk oleh beliau perlu melibatkan semua pihak termasuk DAP, mereka telah menarik semula sokongan kepada Tun Mahathir dan menegaskan bahawa Dewan Rakyat perlu dibubarkan segera bagi mendapatkan mandat baru daripada rakyat. Turut hadir dalam sidang media tersebut ialah wakil dari parti MCA, MIC dan PBRS, justeru pendirian ini dianggap sebagai pendirian rasmi BN dan Muafakat Nasional (MN). Dipercayai bahawa pendirian yang sama telah dipersembahkan kepada YDP Agong semasa sesi temu duga secara perseorangan di Istana Negara. Keputusan ini memperlihatkan tahap keyakinan BN dan MN terhadap formula ‘penyatuan ummah’ mereka yang telah disusun sejak beberapa bulan lalu.



Bas yang membawa rombongan ahli-ahli Parlimen DAP ke Istana Negara.



Bas yang membawa rombongan ahli-ahli Parlimen PKR ke Istana Negara.

Laporan yang berlegar selepas itu mengatakan bahawa Anwar mendapat sokongan daripada lebih 92 ahli Parlimen dari PKR (39 undi), Amanah (11 undi) dan DAP (42 undi). Difahamkan bahawa beliau juga memperoleh sokongan daripada beberapa ahli Parlimen dari luar PH dengan jumlah keseluruhan sekitar 107 undi. Sokongan kepada Tun Mahathirerosot kepada sekitar 60 ahli Parlimen sahaja, berkemungkinan terdiri daripada wakil dari Bersatu (25 undi), kumpulan Azmin (11 undi), GPS (19 undi), dan Warisan (9 undi). Beliau kehilangan sokongan daripada Pas dan Umno kerana BN dan MN dikatakan tidak menamakan calon Perdana Menteri, sebaliknya memohon agar Dewan Rakyat dibubarkan. Seperti yang kita semua kenal, Tun Mahathir sekali lagi menyalahkan Anwar di atas keputusan yang kucar-kacir ini dan menghina Anwar sebagai “gila-gila mahu menjadi Perdana

Menteri” dan mendakwa Anwar sendiri yang meminta PH menamakan dirinya sebagai calon Perdana Menteri. Beliau juga beranggapan jika Anwar tidak dicalonkan, beliau pasti akan mendapat sokongan 92 undi dari Ahli Parlimen PH dan tambahan dari 60 undi lagi untuk membentuk sokongan majoriti⁷¹.

Hakikatnya, perlu difahami bahawa keputusan untuk mencalonkan Anwar telah diputuskan dalam perbincangan Majlis Presiden PH, malah ia bukan satu pengkhianatan kepada Tun Mahathir seperti yang didakwa oleh beberapa orang pemerhati politik, kerana pendirian itu selari dengan semangat perjanjian PH yang dimeterai sejak sebelum PRU-14. Malah, Tun Mahathir sendiri enggan hadir ke mesyuarat Majlis Presiden, justeru amat adalah memalukan apabila beliau menyangka kesemua Ahli Parlimen PH masih perlu mencalonkan nama beliau sebagai Perdana Menteri ke-8. Tambahan lagi, kemahuan Tun Mahathir kepada sokongan 92 Ahli Parlimen PH bukanlah hasil keputusan

71 Lihat rakaman perjumpaan Tun Mahathir dan pemimpin Bersatu pada 1 Mac 2020, yang disiarkan secara langsung dalam laman Facebook Parti Amanah Negara. Dalam ucapannya, Tun Mahathir menyatakan Anwar tidak boleh menjadi Perdana Menteri kerana kurang mendapat sokongan. Dalam wawancara bersama akhbar Sinar Harian pada 12 Mac 2020, Tun Mahathir mengulangi pendirianya bahawa ramai orang tidak senang hati dengan Anwar, popularitinya sudah berkurangan dan jika diadakan pilihan raya, beliau merasakan Anwar tidak akan mendapat sokongan. Penghinaan berterusan Tun Mahathir ke atas Anwar ini dilihat oleh pemerhati politik sebagai titik tolak kepada terputusnya persefahaman Mahathir-Anwar yang telah diusahakan sejak PRU-14 yang lepas. Sebenarnya bukan hanya di peringkat Tun Mahathir, malah usaha menutup peluang untuk Anwar menjadi Perdana Menteri adalah merupakan agenda penting bagi parti Bersatu. Sejak dari penyertaaan Bersatu ke dalam PH, agenda peralihan kuasa kepada Anwar tidak pernah dianggap sebagai satu perkara yang penting, sebaliknya ia hanya batu loncatan kepada percaturan politik Bersatu atau apa yang diistilahkan oleh Wan Saiful Wan Jan sebagai “*a marriage of convenience*”. Menurut Tun Mahathir, beliau tidak mahu melihat Anwar menggantikan beliau sejak dari awal, kerana Anwar didakwa tidak akan mempertahankan hak-hak keistimewaan orang Melayu. Rujuk eseи *Why Did Bersatu Leave Pakatan Harapan?* oleh Wan Saiful Wan Jan (2020), di bawah siri *Trends in Southeast Asia* yang diterbitkan oleh ISEAS - Yusof Ishak Institute, Singapore.

mesyuarat, tetapi semata-mata atas kemahuan peribadinya yang masih mengimpikan kerusi Perdana Menteri.

LANGKAH MAHATHIR: PERCUBAAN MENUBUHKAN KERAJAAN CAMPURAN

Suhu politik pada 26 Februari 2020 sejuk seperti biasa. Seluruh negara pada waktu itu hanya tertumpu ke pintu utama Istana Negara, di mana ratusan wakil media dan wartawan berkumpul untuk melaporkan setiap minit perkembangan semasa. Penyokong PH yang ternanti-nanti keputusan dari Istana Negara tidak sabar untuk meraikan kembalinya kerajaan PH yang dipimpin oleh Anwar kerana sejak malam semalam, Majlis Presiden mengulangi keyakinan bahawa PH kini memiliki sokongan majoriti yang diperlukan.

Dalam satu sidang media khas oleh Perdana Menteri Interim pada pukul 4.45 petang, Tun Mahathir telah menyatakan hasrat untuk membentuk sebuah kerajaan campuran yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Ini bermakna beliau akan diberikan mandat untuk membentuk Kabinet sendiri berdasarkan sokongan mana-mana Ahli Parlimen, yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik sedangkan pada waktu itu beliau masih menjadi ahli Bersatu (diterima semula sebagai Pengerusi Bersatu⁷²), ahli Jemaah Menteri hanya ditentukan oleh beliau seorang, lantas mengabaikan kedudukan blok politik PH, BN, MN, dan GPS. Cadangan ini mungkin muncul selepas Tun Mahathir bertemu

72 Tun Mahathir telah bersetuju untuk menerima semula jawatan Pengerusi Bersatu. Rujuk kenyataan media yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung Bersatu, Marzuki Yahya bertarikh 27 Februari 2020.

dengan ketua parti-parti politik sejak semalam, dan terdapat desas-desus bahawa PH kini mengangkat Anwar sebagai calon Perdana Menteri ke-8.

Dari satu sisi, tindakan Tun Mahathir ini adalah bukti penolakan beliau untuk menjadi Perdana Menteri bagi gabungan Perikatan Nasional. Namun, lebih banyak reaksi negatif telah dilontarkan oleh pelbagai pihak, antaranya:

- i) Tun Mahathir dilihat kembali menjadi ‘diktator’ dalam sebuah Kerajaan Mahathir, yang memiliki suara pemutus terhadap apa sahaja dasar-dasar kerajaan. Kerajaan ini tidak akan terikat dengan mana-mana manifesto parti dan agenda reformasi PH.
- ii) Tidak lebih dari sekadar pelan kecemasan Tun Mahathir yang tiada dalam perbincangan mana-mana gabungan parti politik, selepas mengetahui beliau tidak menikmati sokongan majoriti Ahli Parlimen.
- iii) Pas dan Umno telah menarik balik surat akuan bersumpah (SD) untuk menyokong Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri, sebaliknya bertegas agar Dewan Rakyat dibubarkan.
- iv) PH menganggap cadangan kerajaan campuran ini adalah satu sistem pentadbiran baru yang hanya mengikut kemahuan Tun Mahathir, sedangkan PH menekankan semangat perundingan dan konsensus. Apabila PH menyokong Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri, tidak bermakna beliau boleh mengetepikan agenda reformasi dan manifesto PH. Perdana Menteri mestilah mewakili hasrat pihak yang mengangkat beliau.⁷³

73 Pandangan ini dijelaskan kemudian oleh Anwar Ibrahim dalam Majlis Zikir Nurul Anwar di kediamannya di Bukit Segambut, pada malam 8 Mac 2020.

- v) Kemungkinan Kabinet Mahathir akan diisi oleh nama-nama individu yang sebelum ini berperanan mencetuskan krisis politik ini dan menjatuhkan kerajaan PH. Jadi, mustahil untuk PH dapat bekerjasama dengan mereka dalam satu pasukan.
- vi) Tinjauan yang dibuat oleh Berita Harian Online mendapati 68 peratus daripada 102,300 responden tidak bersetuju dengan idea kerajaan campuran yang diusulkan oleh Tun Mahathir.⁷⁴

Hanya selepas sidang media khas oleh Tun Mahathir tersebut, Majlis Presiden PH kemudian mengeluarkan satu kenyataan rasmi bahawa calon Perdana Menteri PH yang dipersembahkan kepada YDP Agong kini adalah Anwar Ibrahim, bukan lagi Tun Mahathir.

Sekitar pukul 11.00 pagi 27 Februari 2020, Tun Mahathir telah dipanggil mengadap YDP Agong, dipercayai untuk membincangkan keputusan temu duga Ahli-ahli Parlimen yang berlangsung pada 25 dan 26 Februari 2020.

Sementara itu, berita terkini yang mula tersebar adalah Umno dan Pas telah menamakan Muhyiddin Yassin sebagai calon Perdana Menteri dalam satu surat akuan bersumpah (SD). Namun, ia telah dinafikan melalui satu kenyataan media yang ditandatangani oleh Annuar Musa selaku Setiausaha Agung Umno. Khabar angin ini bermula apabila portal akhbar The Star melaporkan bahawa Timbalan Presiden Pas, Tuan Ibrahim Tuan Man memberitahu semua Ahli Parlimen Muafakat Nasional telah menandatangani satu SD bagi menyokong Muhyiddin Yassin sebagai calon Perdana Menteri, tetapi tidak dimaklumkan bilakah tarikh sebenar SD

⁷⁴ Rujuk laporan yang disiarkan oleh www.bharian.com.my bertajuk *Ramai tak setuju kerajaan campuran*, bertarikh 26 Februari 2020.

tersebut.⁷⁵ Beliau kemudiannya menjelaskan bahawa SD tersebut dianggap sudah terbatal selepas MN memutuskan agar Dewan Rakyat dibubarkan segera dan mahu mandat dikembalikan kepada rakyat melalui pilihan raya umum. Pendirian ini dikukuhkan lagi dengan arahan dari ibu pejabat parti agar jentera pilihan raya Umno dan Pas diaktifkan di seluruh negara, dan semua Ketua Bahagian Umno telah dipanggil ke pertemuan khas di PWTC pada pukul 3.00 petang, 27 Februari 2020.

Petang itu juga pada pukul 2.30 petang, telah berlaku pertemuan antara Tun Mahathir dan Muhyiddin di bangunan Perdana Putra selama satu jam, dipercayai untuk membincangkan kemelut yang melanda parti Bersatu. Dalam perbincangan tersebut, Muhyiddin telah menyatakan kepada Tun Mahathir bahawa beliau sanggup untuk menerima parti Umno dan Pas secara *en bloc* bagi menukuhan kerajaan baru sekaligus menyelesaikan kemelut politik Negara, bebeza dengan pendirian Tun Mahathir yang hanya boleh menerima Ahli-ahli Parlimen yang tidak terpalit dengan perbicaraan kes jenayah di mahkamah. Inilah satu-satunya garisan yang memisahkan antara kedua-dua pemimpin Bersatu ini, sejak pagi 23 Februari 2020 iaitu dalam mesyuarat MPT Bersatu. Pendirian Muhyidin ini dianggap oleh Tun Mahathir sebagai “lebih mementingkan politik berbanding prinsip”.⁷⁶

Setakat petang itu, Istana Negara tidak mengumumkan apa-apa keputusan hasil daripada proses temu duga dengan YDP Agong. Namun, suhu politik bergolak lagi apabila dalam

75 Rujuk laporan portal The Star (www.thestar.com.my) di bawah tajuk *Tuan Ibrahim: All PAS, Umno MPs signed SD for Muhyiddin to be PM*, bertarikh 27 Februari 2020.

76 Seperti yang dijelaskan oleh Tun Mahathir dalam satu sidang media di bangunan Yayasan Albukhary pada 1 Mac 2020, sebelum Muhyiddin Yassin mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-8.

sidang media semasa mengumumkan peruntukan RM20 bilion Pakej Ransangan Ekonomi⁷⁷ bagi menstabilkan ekonomi negara yang terkesan akibat wabak COVID-19, Tun Mahathir telah menyingga dua pengumuman penting. Pertama, keputusan proses temu duga di Istana Negara tidak membuktikan mana-mana calon Perdana Menteri berjaya mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen. Kedua, beliau telah menghantar Surat Pemakluman Memanggil Mesyuarat Khas Dewan Rakyat kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat bagi memohon diadakan sidang khas Dewan Rakyat pada 2 Mac 2020 (Isnin). Menurut beliau, jika Dewan Rakyat gagal menentukan keputusan, jalan terakhir adalah dengan memberi laluan untuk diadakan Pilihan Raya Umum ke-15. Beliau juga memberi gambaran bahawa beliau boleh menerima Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri ke-8.⁷⁸

Persoalan yang timbul pada waktu itu adalah, adakah seorang Perdana Menteri Interim mempunyai bidang kuasa untuk menasihati YDP Agong agar membubarkan Parlimen?⁷⁹

77 Pakej ransangan ini telah disediakan oleh Kementerian Kewangan di bawah Lim Guan Eng dan dimuktamadkan pada 23 Februari 2020 (Ahad). Namun pengumuman itu tidak dapat dibuat oleh Lim Guan Eng kerana Kabinet kerajaan PH telah terbubar pada 24 Februari 2020 kesan dari peletakan jawatan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7.

78 Menurut ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Wan Saiful Wan Jan, pencalonan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri-8 dibincangkan dalam mesyuarat antara Tun Mahathir, Muhyiddin Yassin, Marzuki Yahya (Setiausaha Agung Bersatu) dan Syed Saddiq (Ketua sayap pemuda Bersatu) pada pagi 27 Februari 2020. Tun Mahathir telah merestui Muhyiddin untuk menjadi Perdana Menteri jika beliau mampu merangkul majoriti mudah Ahli-ahli Parlimen. Perkara ini disingga secara sepintas lalu oleh Tun Mahathir dalam sidang medianya sebagai Perdana Menteri Interim pada petang 27 Februari 2020. Bermula saat itulah, rundingan untuk menamakan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri ke-8 berjalan dengan pantas dan satu-persatu parti yang membentuk gabungan Perikatan Nasional mula mengeluarkan kenyataan media dengan menamakan Muhyiddin Yassin sebagai calon Perdana Menteri ke-8.

79 Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa mutlak kepada YDP Agong untuk memprorog (berasal dari perkataan bahasa Inggeris

Tindakan Tun Mahathir ini mengejutkan banyak pihak dan mengundang kritikan keras dari orang ramai kerana ia dilihat sengaja memintas pengumuman rasmi daripada Istana Negara. Dalam situasi ini, beliau adalah pihak yang berkepentingan dalam isu pelantikan Perdana Menteri. Sedangkan pada waktu itu, YDP Agong belum lagi mengumumkan sebarang keputusan, malah Seri Paduka Baginda telah memanggil satu Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 28 Februari 2020 untuk mendapatkan pandangan dari Sultan Negeri-negeri dalam menyelesaikan krisis jawatan Perdana Menteri ini. Pendekatan Seri Paduka Baginda juga dilihat seolah-olah mahu mengelakkan berlakunya PRU semasa negara sedang dilanda wabak COVID-19, selain daripada kos penganjuran PRU yang terlalu tinggi⁸⁰.

Reaksi orang ramai menganggap Tun Mahathir telah menggunakan kuasa mutlaknya sebagai Perdana Menteri Interim demi menjayakan percaturan peribadi. Majlis Presiden yang mengadakan mesyuarat tergempar pada malam itu di Hotel Eastin, Petaling Jaya telah mengeluarkan satu kenyataan mengecam tindakan Tun Mahathir yang cuba memintas keputusan YDP Agong. Memanggil Sidang Dewan semata-mata untuk melantik Perdana Menteri adalah bertentangan dengan hak dan kuasa YDP Agong berdasarkan peruntukan Perkara 40(2)(a) Perlumbagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa YDP Agong boleh bertindak menurut budi bicaranya untuk melantik seorang Perdana

iaitu *prorogue*, yang bermaksud penggantungan persidangan) atau membubarkan Parlimen. Baginda juga mempunyai kuasa untuk tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran Parlimen, sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 40(2)(b).

80 Menurut Pengurus Suruhanjaya Pilihan Raya Azhar Harun (Berita Harian, 28 Februari 2020), anggaran kos untuk menjayakan PRU di seluruh negara adalah sekitar RM750 juta hingga RM800 juta.

Menteri⁸¹. Kesangsian pemimpin PH terhadap Tun Mahathir pada waktu itu kian menebal.

Cadangan untuk mengadakan sidang khas Dewan Rakyat telah menimbulkan pelbagai persoalan. Antaranya bagaimakah susunan kerusi di dalam Dewan Rakyat? Bagaimakah prosedur pencalonan Perdana Menteri? Pihak manakah yang akan duduk di sebelah kerajaan dan pembangkang di awal persidangan? Siapakah yang akan menduduki kerusi Ketua Pembangkang? Adakah selepas temu duga secara tertutup, kini Ahli Parlimen perlu mengundi secara terbuka? Adakah prosesnya seperti memilih ketua bilik darjah; ada pencadang dan penyokong kepada beberapa nama calon? Bagaimana jika separuh daripada Ahli Parlimen mengambil sikap berkecuali atau boikot? Atau adakah ia akan dimulakan dengan undi tidak percaya kepada Perdana Menteri Interim? Perjalanan sidang Dewan Rakyat khas ini masih kabur.

Perhatian seluruh negara kini beralih kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Md Yusof. Sebagai seorang pakar undang-undang⁸², dicalonkan oleh kerajaan Pakatan Harapan dan sebelumnya merupakan ahli Parti Amanah Negara, para penyokong PH mengharapkan agar beliau dapat membuat keputusan yang bebas dan tepat mengikut lunas undang-undang dan peraturan mesyuarat Dewan Rakyat.

81 Rujuk kenyataan media yang dikeluarkan oleh Majlis Presiden Pakatan Harapan bertarikh 27 Februari 2020.

82 Beliau merupakan bekas Hakim Mahkamah Rayuan dan pernah dilantik sebagai Profesor Madya di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya.

KEBANGKITAN MUHYIDDIN

Pertemuan antara Tun Mahathir dan semua Ahli Parlimen Bersatu telah diadakan pada pagi 28 Februari 2020, bertempat di Yayasan Albukhary. Seramai 25 orang Ahli Parlimen Bersatu telah menghadiri perjumpaan ini termasuk Tun Mahathir sendiri. Turut kelihatan di sana adalah kelibat Ahli Parlimen dari kumpulan Azmin, antaranya Azmin Ali, Zuraida Kamaruddin, Kamaruddin Jaafar, dan Rashid Hasnon. Penyertaan kumpulan Azmin dalam pertemuan ini menjadikan wakil Bersatu pada waktu itu secara tidak rasmi berjumlah 36 orang. Difahamkan bahawa dalam mesyuarat tersebut, Tun Mahathir sekali lagi menjelaskan bahawa beliau boleh menerima Ahli Parlimen Umno seorang demi seorang dan bukan secara *en bloc*, berbeza dengan pendirian Muhyiddin dan majoriti yang hadir dalam pertemuan tersebut.

Tun Mahathir telah mengambil sikap berkecuali kerana tidak bersetuju dengan keputusan pertemuan pada pagi itu, dan meninggalkan mesyuarat lebih awal. Berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung Bersatu, dikatakan Ahli Parlimen Bersatu seramai 36 orang telah bersetuju untuk menamakan Muhyiddin Yassin sebagai calon Perdana Menteri ke-8 dan akan dibawa mengadap YDP Agong⁸³. Ini bermakna Bersatu telah mengambil kira penyertaan Tun Mahathir, Mukhriz Mahathir dan Syed Saddiq dalam persetujuan itu⁸⁴.

83 Rujuk kenyataan media yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung Bersatu bertarikh 28 Februari 2020.

84 Sejak dari permulaan krisis, Mukhriz Mahathir (Timbalan Presiden Bersatu) dan Syed Saddiq (Ketua ARMADA – sayap pemuda Bersatu) konsisten menyebelahi pendirian Tun Mahathir. Walaupun Bersatu mengumumkan keluar dari PH pada 24 Februari 2020, Mukhriz yang juga Menteri Besar Kedah berjaya berunding dengan ADUN PH yang lain untuk mengekalkan *status quo* kerajaan PH Kedah. Perkara ini disahkan pada 27 Februari 2020 apabila Sultan Kedah, Sultan

Sementara itu, mesyuarat Majlis Raja-Raja telah diadakan bermula pada pukul 11.30 pagi dan tamat sekitar pukul 1.00 tengah hari. Berdasarkan laporan kenderaan rasmi istana negeri-negeri yang memasuki pintu utama Istana Negara, antara yang hadir ke mesyuarat tersebut ialah YDP Agong sendiri, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzudin Shah, Sultan Kedah Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah, Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin, Tengku Mahkota Kelantan Dr Tengku Muhammad Faiz Petra, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Johor Sultan Ibrahim, dan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin. Difahamkan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz juga turut menghadiri mesyuarat ini. Walau bagaimanapun, tiada sebarang kenyataan rasmi dikeluarkan berkenaan isi perbincangan mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Sekitar pukul 2.00 petang, YDP Agong telah memanggil Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengadap di Istana Negara, dipercaya berhubung dengan permohonan Perdana Menteri Interim untuk mengadakan sidang tergempar Dewan Rakyat pada 2 Mac 2020. Hasil pertemuan tersebut, Tan Sri Mohamad Ariff telah memaklumkan bahawa tiada persidangan Dewan Rakyat akan diadakan pada tarikh tersebut. Terdapat dua alasan yang dikemukakan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat, iaitu permintaan Tun Mahathir itu tidak memenuhi tuntutan Peraturan Mesyuarat 11(3) iaitu tidak disertakan dengan Pemberitahuan Usul yang lengkap, dan sidang khas hanya akan dibuat selepas YDP Agong memaklumkan secara rasmi keputusan proses

Sallahuddin Badlishah memberi perkenan untuk kerajaan PH Kedah diteruskan seperti biasa di bawah kepimpinan Mukhriz.

pemilihan Perdana Menteri ke-8. Berita ini akhirnya melegakan banyak pihak kerana berjaya menghentikan percaturan peribadi Tun Mahathir, dan mengembalikan peranan penting YDP Agong dalam menyelesaikan krisis politik ini. Situasi ini tidak pernah berlaku semasa era pemerintahan BN kerana kebiasaan Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan mengangguk kepada apa sahaja kehendak dan percaturan kerajaan dalam Parlimen. Sudah tentu keberanian Tan Sri Mohamad Ariff yang membuat keputusan bertentangan dengan kehendak Perdana Menteri Interim adalah antara kesan agenda reformasi Parlimen yang telah digerakkan oleh PH sebelum ini.

Selepas Bersatu memutuskan bahawa calon Perdana Menteri kini beralih kepada Muhyiddin Yassin, Barisan Nasional yang dianggotai oleh parti Umno, MCA dan MIC telah menyatakan persetujuan untuk mencalonkan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8. Barisan Nasional memiliki 42 kerusi yang terdiri daripada 39 kerusi Umno, dua kerusi MCA dan satu kerusi MIC⁸⁵. Selain itu, Umno dan Pas juga telah mengeluarkan satu kenyataan bersama di atas nama Muafakat Nasional, dengan Pas membawa sokongan 18 kerusi kepada Muhyiddin Yassin⁸⁶. Ini bermakna pada petang 28 Februari 2020, Muhyiddin Yassin telah memiliki sokongan sebanyak 96 kerusi dan hanya memerlukan sekurang-kurangnya 16 kerusi untuk mencukupkan majoriti mudah.

85 Rujuk kenyataan media Barisan Nasional yang ditandatangani oleh Tengku Adnan Tengku Mansor bertarikh 28 Februari 2020 dan kenyataan media Malaysian Chinese Association (MCA) yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung MCA, Chong Sin Woon bertarikh 28 Februari 2020.

86 Rujuk kenyataan media Muafakat Nasional yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung Umno, Annuar Musa dan Setiausaha Agung Pas, Takiyuddin Hassan bertarikh 28 Februari 2020.

Keputusan yang ditunggu-tunggu dari Istana Negara akhirnya diumumkan sekitar pukul 4.00 petang, di mana YDP Agong masih belum dapat memutuskan mana-mana Ahli Parlimen yang mempunyai sokongan majoriti untuk dilantik sebagai Perdana Menteri. Justeru, kaedah kedua telah dilaksanakan iaitu Seri Paduka Baginda memanggil semua ketua parti-parti politik mengadap ke Istana Negara pada 29 Februari 2020 untuk mengemukakan nama calon Perdana Menteri yang telah dipersetujui oleh parti masing-masing⁸⁷. Persefahaman yang dicapai antara Bersatu, BN dan MN pada petang itu telah memberi gambaran bahawa kemelut politik negara mungkin akan berakhir dalam masa terdekat.



Ketua parti-parti politik tiba di Istana Negara pada 29 Februari 2020 untuk mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

87 Rujuk kenyataan media yang dikeluarkan oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Dato' Ahmad Fadil bin Shamsuddin bertarikh 28 Februari 2020.

Sebagai maklum balas kepada perkembangan semasa, Majlis Presiden PH yang mengadakan mesyuarat di Hotel Eastin, Petaling Jaya telah menegaskan bahawa berdasarkan proses pencalonan yang dibuat pada 25 dan 26 Februari 2020, Anwar dipercayai telah mendapat sokongan terbesar daripada kalangan Ahli-ahli Parlimen⁸⁸. Secara tersirat, PH melahirkan rasa kurang senang dengan proses pemilihan baru ini. Selepas Istana Negara menghabiskan masa selama dua hari untuk bertemu dengan kesemua Ahli Parlimen, kenapa proses pemilihan baru pula perlu diperkenalkan, yang melibatkan ketua parti-parti politik? Kenapa peraturan permainan boleh bertukar-tukar? Sedangkan dalam proses pertama, Anwar pada waktu itu dipercayai telah mendapat sokongan majoriti mudah untuk dilantik sebagai Perdana Menteri. PH tiada pilihan lain selain daripada menarik rambut di dalam tepung, iaitu dengan mengeluarkan kenyataan yang penuh diplomasi agar hubungan dengan Istana Negara tidak menjadi keruh. Walau bagaimanapun, perkembangan semasa ini meletakkan Tun Mahathir sebagai individu yang tidak lagi menjadi pilihan mana-mana parti, walhal sebelum ini beliau menganggap dirinya sebagai “*a little girl*” yang digilai oleh kedua-dua belah pihak. Namun, PH perlu merapatkan kembali barisan Ahli Parlimen yang tidak sanggup bekerjasama dengan Umno dalam gabungan Perikatan Nasional.

Tun Mahathir perlu ditarik semula kembali kepada PH!

Ia bertujuan untuk mencukupkan majoriti sokongan kepada calon Perdana Menteri PH sebelum YDP Agong membuat keputusan akhir, dan sudah tentu Tun Mahathir masih memiliki pengaruh untuk menarik beberapa orang Ahli Parlimen dari Bersatu dan Warisan untuk kembali bersama PH. Misi ini pada

88 Rujuk kenyataan media Majlis Presiden Pakatan Harapan bertarikh 28 Februari 2020.

mulanya agak mustahil. Bagi mencapai hasrat tersebut, Anwar telah membuat pertemuan dengan pemimpin dan Ahli Parlimen PH untuk memberi taklimat dan membincangkan semula peranan Tun Mahathir. Pada waktu itu juga tersebarnya satu video rakaman yang menunjukkan Anwar sedang berhubung dengan Syeikh Dr Yusof al-Qaradhawi melalui telefon. Video tersebut menyiarkan rakaman suara al-Qaradhawi di hujung talian yang sedang mendoakan agar kesulitan yang dihadapi oleh pihak PH dapat segera dirungkaikan, dan ia turut diperdengarkan kepada hadirin melalui pembesar suara telefon.

Sejak petang 28 Februari 2020, difahamkan bahawa Tun Mahathir tidak dapat dihubungi termasuk oleh pemimpin Bersatu. Jadi, wakil PH telah meminta bantuan daripada Marina Mahathir untuk memujuk Tun Mahathir agar kembali ke meja rundingan dan membuat pertemuan dengan para pemimpin PH⁸⁹. Taktik ini mengingatkan kita kepada peristiwa bersejarah yang berlaku pada 26 Jun 2017, apabila Nurul Izzah Anwar terpaksa bergegas ke London untuk bertemu dengan Tun Mahathir yang tiba lebih awal untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri di sana⁹⁰. Kunjungan tersebut adalah rentetan daripada surat yang ditulis oleh Tun Mahathir kepada Muhyiddin agar menarik Bersatu keluar dari PH, kerana gagal mencapai persetujuan yang beliau mahukan. Pertemuan Nurul Izzah dan Tun Mahathir telah berjaya menyelamatkan PH dan memuktamadkan struktur kepimpinan PH⁹¹. Peranan Marina

89 Rujuk laporan dari portal The Malaysian Insider di bawah tajuk *Midnight breakthrough for new Pakatan govt*, bertarikh 29 Februari 2020.

90 Peristiwa ini dicatat oleh Liew Chin Tong di laman web liewchintong.com di bawah tajuk *Titik Perubahan Malaysia*, bertarikh 24 Julai 2017. Rujuk juga laporan di portal Sinar Harian (sinarharian.com.my) di bawah tajuk *Izzah jawab pertemuannya dengan Tun M di London* bertarikh 11 Julai 2017.

91 Keputusan yang dicapai adalah Tun Mahathir dilantik sebagai Penggerusi PH, Dr Wan Azizah sebagai Presiden PH dan Anwar Ibrahim (pada waktu itu masih

Mahathir ini mengulangi sejarah peranan penting seorang wanita dan anak kepada tokoh-tokoh besar untuk menjernihkan keadaan politik negara. Selepas beberapa panggilan dibuat dan mesej dihantar, akhirnya beliau berjaya menghubungkan Tun Mahathir dengan pemimpin PH.

Pada pukul 9.57 pagi 29 Februari 2020, beberapa jam sebelum YDP Agong memuktamadkan pencalonan nama Perdana Menteri ke-8, orang ramai dikejutkan dengan satu gambar yang dimuat naik oleh Liew Chin Tong di laman Facebook beliau, diiringi dengan keterangan ringkas:

BREAKING: Pakatan Harapan menyatakan sokongan penuh kepada Tun Dr Mahathir sebagai calon PM.



berada dalam Penjara Sungai Buloh) sebagai Ketua Umum PH.

PH KEMBALI BERTAUT

Adakah PH berjaya mengumpul semula sokongan majoriti Ahli Parlimen untuk membentuk kerajaan?

Pertemuan pada pagi 29 Februari 2020 antara pemimpin PH dan Tun Mahathir di kediamannya di The Mines telah mencatat satu lagi sejarah. Antara yang hadir mewakili PH ke pertemuan itu ialah Mohamad Sabu, Dr Dzulkefly Ahmad, Fahmi Fadzil, Saifuddin Nasution, Lim Guan Eng, Liew Chin Tong, termasuk Syed Saddiq yang sentiasa menyebelahi Tun Mahathir. Di ruang yang sama itulah berlakunya pertemuan Tun Mahathir dan lima lagi ketua-ketua parti Umno, Pas, Bersatu, GPS, dan Warisan, pada petang 23 Februari 2020, beberapa jam sebelum berlangsungnya majlis makan malam di Hotel Sheraton. Di ruang yang sama, mereka bermesyuarat untuk menyusun semula saf PH dan mengumpul sokongan majoriti Ahli Parlimen.

Sejurus selepas pertemuan tersebut, Majlis Presiden Pakatan Harapan telah menyatakan persetujuan untuk mencalonkan semula Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri⁹². Tun Mahathir dalam kenyataan berasingan menyatakan bahawa beliau tidak pernah memberi akuan bersumpah untuk menyokong mana-mana calon lain seperti mana yang diakui oleh parti Bersatu, dan beliau kini yakin memiliki sokongan majoriti untuk dilantik sebagai Perdana Menteri selepas bermesyuarat dengan pemimpin PH⁹³. Perkembangan terbaru ini menterjemahkan beberapa isyarat penting, iaitu telah berlaku salah faham antara Tun Mahathir dan

92 Rujuk kenyataan media Majlis Presiden Pakatan Harapan bertarikh 29 Februari 2020.

93 Rujuk kenyataan media Dr Mahathir bin Mohamad yang disiarkan dalam bahasa Inggeris, bertarikh 29 Februari 2020.

PH sehingga komunikasi antara dua pihak telah terputus, Tun Mahathir kekal dengan prinsip beliau untuk tidak menerima pemimpin yang terpalit dengan kes jenayah, dan paling penting adalah propaganda bahawa Anwar terlalu ghairah untuk menjadi Perdana Menteri adalah meleset sama sekali. Sebaliknya beliau sekali lagi mendahuluikan agenda reformasi negara berbanding perebutan kuasa dengan memberi laluan kepada Tun Mahathir untuk mengembalikan semula mandat rakyat yang diberikan kepada PH dalam PRU-14, perkara yang sama dilakukan dalam mesyuarat Majlis Presiden PH pada malam 21 Februari 2020 yang lalu. Keutamaan pada waktu itu bukan lagi tentang peralihan kuasa Mahathir-Anwar, sebaliknya seluruh kekuatan PH perlu ditumpukan pada mempertahankan mandat rakyat dan menafikan rampasan kuasa PN.



Pertemuan pemimpin-pemimpin PH bersama Tun Mahathir pada 29 Februari 2020 di pejabat Yayasan Albukhary.

Pertentangan antara Pengerusi dan Presiden Bersatu semakin berkecamuk apabila Muhyiddin selaku Presiden Bersatu telah mengeluarkan satu surat menyatakan bahawa peletakan jawatan Tun Mahathir pada 24 Februari 2020 adalah sah dan beliau selaku Presiden parti akan memangku jawatan tersebut sehingga pemilihan baru dimuktamadkan⁹⁴. Ini bertentangan dengan keputusan MPT Bersatu pada 25 Februari 2020 yang telah sebulat suara menolak surat peletakan jawatan Tun Mahathir. Sejurus selepas itu, Setiausaha Agung Bersatu turut mengeluarkan kenyataan media menyatakan bahawa Tun Mahathir masih bertindak sebagai Pengerusi Bersatu dan mempunyai hak untuk menentukan hala tuju parti.⁹⁵ Terdapat penjelasan yang logik di sebalik tindakan Muhyiddin ini. Untuk tidak menimbulkan implikasi undang-undang di kemudian hari, Muhyiddin terpaksa mengambil alih fungsi Pengerusi Bersatu atas tiga sebab. Pertama, untuk mengabsahkan keputusan parti Bersatu yang mahu bergabung dalam Perikatan Nasional; kedua, untuk mengabsahkan pencalonan Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri, di mana perkara ini tidak diakui oleh Tun Mahathir sebagai Pengerusi Bersatu; dan ketiga, untuk membawa mandat sokongan Ahli-ahli Parlimen Bersatu semasa mengadap YDP Agong pada 29 Februari 2020.⁹⁶

94 Rujuk kenyataan media oleh Presiden/Pemangku Pengerusi Bersatu Muhyiddin Yassin, bertarikh 29 Februari 2020. Kenyataan ini dimuat naik di laman Facebook Muhyiddin Yassin pada pukul 12.07 tengah hari.

95 Polemik keabsahan jawatan Pengerusi Bersatu ini berlanjutan sehingga bulan Mei 2020. Satu salinan surat yang ditandatangani oleh Muhyiddin Yassin selaku Presiden Bersatu bertarikh 18 Mac 2020 telah tular di media sosial. Surat tersebut dialamatkan kepada Tun Mahathir selaku Pengerusi Bersatu, memaklumkan keputusan pemberhentian Marzuki Yahya sebagai Setiausaha Agung Bersatu. Surat ini mengesahkan bahawa Muhyiddin pada waktu itu masih mengiktiraf Tun Mahathir sebagai Pengerusi Bersatu yang sah.

96 Menurut perlumbagaan Bersatu Fasal 6.2, Pengerusi parti mempunyai bidang kuasa untuk menjadi Pengerusi dan Pemimpin Utama parti yang bertanggungjawab

Pada hari yang sama, Istana Negara telah memanggil kesemua ketua parti-parti politik untuk mempersembahkan nama calon Perdana Menteri masing-masing. Pertemuan dengan YDP Agong dimulai oleh Muhyiddin Yassin (Bersatu), kemudian disusuli oleh Zahid Hamidi (Umno), Abdul Hadi Awang (Pas), Fadillah Yusof (Ketua Whip GPS), Lim Guan Eng (DAP), Mohamad Sabu (Amanah) dan yang terakhir Anwar Ibrahim (PKR). Difahamkan bahawa Tun Mahathir tidak hadir ke Istana Negara kerana menghadiri satu acara keluarga iaitu majlis perkahwinan cucu perempuannya, Meera Alyanna Mukhriz di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.



Pemimpin Bersatu, Umno, Pas, dan GPS berkumpul di kediaman Muhyiddin sebelum bergerak ke Istana Negara.

Selepas berlangsung pertemuan di Istana Negara, para pemimpin parti-parti Perikatan Nasional dilaporkan mula

menjamin kelincinan keseluruhan perjalanan pentadbiran dan dasar parti; dan memanggil serta mempengerusikan Majlis Pimpinan Tertinggi.

berkumpul di kediaman Muhyiddin Yassin di Bukit Damansara. Antara yang dilihat tiba di sana ialah Zahid Hamidi, Azmin Ali, Zuraida Kamaruddin, Willie Mongin, Rashid Hasnon, Mustapa Mohamed, Kamarudin Jaafar, Saifuddin Abdullah, Redzuan Yusof, Mas Ermieyati Samsudin, dan ramai lagi. Ratusan wakil media juga telah berkumpul di hadapan kediaman Muhyiddin kerana terdapat desas-desus pengumuman penting bakal diadakan sedikit masa lagi.

Tidak beberapa lama kemudian, sekitar pukul 4.00 petang, satu kenyataan media telah dikeluarkan oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara memaklumkan bahawa YDP Agong percaya bahawa Tan Sri Mahiaddin bin Md Yassin⁹⁷ mungkin mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli Parlimen untuk dilantik sebagai Perdana Menteri ke-8, selaras dengan peruntukan Perkara 40(2) (a) dan Perkara 43(2)(a) dalam Perlembagaan Persekutuan. Berita ini telah memberi tamparan yang hebat kepada PH yang pada waktu itu masih dalam proses mengumpul SD bagi membuktikan bahawa mereka mempunyai majoriti mudah untuk membentuk kerajaan. Difahamkan bahawa pada pukul 3.00 petang hari yang sama, PH telah berjaya mengumpul 110 sokongan Ahli Parlimen.

Adakah masih ada harapan untuk pemimpin PH mengadap YDP Agong?

Terdapat beberapa pihak yang mengungkit semula kes duluan (*precedent*) yang berlaku di Sabah pasca PRU-14 yang lalu. Penggerusi BN Sabah Musa Aman telah mengangkat sumpah

97 Nama sebenar Muhyiddin Yassin ialah Mahiaddin bin Md Yassin seperti yang tertera dalam kad pengenalan beliau. Perkara ini dibangkitkan oleh beliau sendiri apabila nama “Mahiaddin” dipilih oleh SPR untuk dicetak di atas kertas undi pada PRU-14, di mana akan mengelirukan pengundi. Lihat laporan dari astroawani.com di bawah tajuk *Jangan cetak nama saya sebagai ‘Mahiaddin’ – Muhyiddin Yassin*, bertarikh 29 April 2018.

sebagai Ketua Menteri pada malam 10 Mei 2018 di hadapan Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahirudin, selepas mendakwa beliau memperoleh sokongan majoriti ADUN. Hakikatnya, BN hanya memenangi 29 kerusi DUN manakala Warisan memenangi 21 kerusi, PKR dua kerusi dan DAP enam kerusi. Hasil gabungan Pakatan Harapan dan Warisan juga menghasilkan jumlah 29 kerusi. DUN Sabah mempunyai 60 kerusi. BN mendakwa mereka mempunyai majoriti sokongan apabila dua kerusi DUN milik Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) yang dianggap sebagai *kingmaker* telah berpihak kepada gabungan BN. Namun keesokannya, enam ADUN BN telah menyertai Warisan menyebabkan Shafie Apdal pada waktu itu memiliki sokongan sebanyak 35 kerusi DUN, seterusnya mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri pada malam 12 Mei 2018⁹⁸. Berdasarkan kes duluan ini, para pemimpin PH yakin mereka masih mempunyai peluang untuk mempersempahkan jumlah SD terkini kepada Istana Negara. Perjuangan untuk menegakkan mandat rakyat diteruskan sehingga saat akhir.

Para penyokong PH mendapat perkhabaran positif melalui Bendahari PH, Husam Musa yang memaklumkan perkembangan semasa di laman Facebook beliau pada pukul 6.55 petang. Menurutnya, Tun Mahathir sudah mempunyai cukup sokongan sebanyak 112 kerusi dan akan dipersembahkan kepada YDP Agong dengan segera. Pada malam 29 Februari 2020, Majlis Presiden PH telah mengadakan mesyuarat tergempar di Yayasan Albukhary

98 Pertikaian mengenai pelantikan Ketua Menteri Sabah pasca PRU-14 telah dirujuk ke Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Satu saman pemula telah dikemukakan oleh Musa Aman untuk mencabar kesahihan pelantikan Shafie Apdal sebagai Ketua Menteri Sabah. Pada 7 November 2018, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Yew Jen Kie telah memutuskan bahawa Ketua Menteri Sabah yang sah ialah Shafie Apdal.

bersama-sama dengan Tun Mahathir dan Ahli-ahli Parlimen PH. Satu rakaman video pendek telah disiarkan di laman Facebook Fahmi Fadzil, Ahli Parlimen Lembah Pantai yang menunjukkan suasana yang berlaku di dalam bilik mesyuarat tersebut. Pada waktu itu, Baru Bian sedang menandatangani borang akuan bersumpah sambil dikelilingi oleh Tun Mahathir, Salahuddin Ayub, Syed Saddiq, Husam Musa, Marzuki Yahya, dan ramai lagi ahli-ahli Parlimen PH. Nama Baru Bian sejak 24 Februari 2020 telah dimasukkan dalam senarai nama kumpulan Azmin yang keluar dari PKR kerana menyertai kumpulan Azmin dan turut dilihat di kediaman Muhyiddin Yassin pada petang 28 Februari 2020. Walau bagaimanapun, selepas Tun Mahathir kembali diangkat sebagai calon Perdana Menteri, beliau telah membuat pusingan-U.



Satu gambar yang merakamkan Baru Bian bersama Tun Mahathir memegang sekeping kertas bertulis angka 114 telah

menular di media sosial. PH kini yakin memiliki majoriti untuk membentuk semula kerajaan Persekutuan.

Sejurus selepas itu, Tun Mahathir telah menjelaskan dalam satu kenyataan media bahawa jumlah sokongan 36 Ahli Parlimen Bersatu yang mungkin dikemukakan oleh Muhyiddin kepada YDP Agong adalah palsu. Ini kerana menurut beliau, enam orang Ahli Parlimen Bersatu telah membuat surat akuan bersumpah untuk tidak menyokong Muhyiddin, sebaliknya menyokong Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri PH. Mereka adalah Tun Mahathir (Langkawi) sendiri, Mukhriz Mahathir (Jerlun), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muar), Ir. Amiruddin Hamzah (Kubang Pasu), Dr Maszlee Malik (Simpang Renggam)⁹⁹, dan Eddin Syazlee Shith (Kuala Pilah). Tun Mahathir menegaskan bahawa beliau kini mempunyai sokongan majoriti 114 Ahli Parlimen untuk dilantik sebagai Perdana Menteri. Justeru, beliau telah menghubungi Istana Negara untuk mendapat perkenan bagi mengadap YDP Agong.

Bersama dengan kenyataan media tersebut, turut disiarkan satu senarai lengkap 114 nama Ahli Parlimen yang didakwa menandatangani surat akuan bersumpah, iaitu terdiri daripada enam wakil Bersatu, 41 wakil PKR, 11 wakil Amanah, sembilan

99 Dr Maszlee Malik juga mendapat kecaman yang hebat oleh orang ramai kerana turut sama menyertai kumpulan yang mengkhianati kerajaan PH. Beliau masih dilihat berada di kediaman Muhyiddin pada 28 Februari 2020 bersama dengan Ahli Parlimen BN dan Pas. Antara yang kesal dengan tindakan beliau adalah mereka yang mengenali beliau sebagai seorang ahli akademik yang berwibawa dan aktivis masyarakat yang bergerak aktif. Selain dari menjadi rujukan gerakan Islam kampus, beliau juga telah menghasilkan karya-karya ilmiah yang membincangkan isu tatakelola yang baik (*good governance*) dan politikal Islam, misalnya *Menuju Sejahtera Meraih Bahagia* (2014), *Good Governance Civil Society & Islam* (2015), *Generasi Kedua Politikal Islam* (2016), *Orkes Masyarakat Manusiawi* (2016), *Foundation of Islamic Governance* (2018), dan *Asas Tadbir Urus Islam* (2019). Dilaporkan bahawa beliau hanya meninggalkan kumpulan Muhyiddin pada pukul 4.00 petang, 29 Februari 2020.

wakil Warisan, 42 wakil DAP, tiga wakil bebas, satu wakil UPKO, dan satu wakil GBS (Sabah). Terdapat beberapa kekeliruan yang timbul terhadap senarai tersebut, antaranya:

- i) Nama Ahli Parlimen Hulu Selangor, June Low dari PKR tercicir dari senarai tersebut, dan telah dikemas kini kemudian.
- ii) Pada pukul 11.40 malam, Ahli Parlimen Bukit Gantang Syed Abu Hussin Hafiz telah menafikan bahawa beliau menyokong Tun Mahathir, sebaliknya beliau menandatangani SD bagi menyokong Muhyiddin. Kenyataan itu diiringi oleh satu gambar beliau bersama Muhyiddin dan Zahid Hamidi, dipercayai dirakam di kediaman Muhyiddin.¹⁰⁰
- iii) Sekitar pukul 12.00 tengah malam, Ahli Parlimen Sri Aman Masir Kujat (nama beliau dieja sebagai Masir Kijat dalam senarai tersebut) telah memuat naik satu rakaman video yang mengesahkan bahawa beliau menyokong Muhyiddin sebagai calon Perdana Menteri.
- iv) Ahli Parlimen Ranau, Jonathan Yasin turut tersenarai di bawah blok PKR meskipun beliau sebelum ini telah memihak kepada kumpulan Azmin dan termasuk dalam senarai Ahli Parlimen yang keluar dari PKR. Namun, beliau tidak memberi sebarang respon pada malam 29 Februari 2020.
- v) Ahli Parlimen Keningau, Dr Jeffrey Kitingan telah dimasukkan di bawah senarai Ahli Parlimen PKR. Beliau kemudiannya menafikan perkara ini dan mengakui bahawa

100 Syed Abu Hussin Hafiz kemudian dilantik sebagai Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

- beliau masih mewakili parti STAR, namun tetap menyokong Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri.
- vi) Ahli Parlimen Serian, Richard Riot Jaem dari parti SUPP juga telah dimasukkan di bawah senarai Ahli Parlimen PKR. Beliau kemudiannya menafikan perkara ini tetapi masih menyokong Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Perkembangan terbaru ini menyebabkan jumlah Ahli Parlimen yang bersama PH dan menyokong Tun Mahathir pada malam itu berkurang kepada 113 kerusi.

Detik 29 Februari hanya datang setiap empat tahun sekali. Dan pada malam itu, Tun Mahathir diterima kembali bersama PH dan kini mendakwa memiliki majoriti mudah untuk membentuk semula kerajaan.

PENUBUHAN KERAJAAN ‘TAHUN LOMPAT’

Takdir menentukan bahawa keputusan untuk melantik Muhyiddin sebagai Perdana Menteri ke-8 diumumkan pada 29 Februari 2020, hari istimewa yang hanya berlaku dalam tahun lompat setiap empat tahun. Berkebetulan pula dengan pengkhianatan Ahli Parlimen Bersatu dan serpihan PKR yang melompat keluar sehingga meruntuhkan kerajaan PH yang telah diberi mandat oleh rakyat dalam PRU-14.

Keputusan yang diumumkan oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja pada petang 29 Februari 2020 telah disambut dengan meriah oleh para pemimpin Perikatan Nasional di kediaman Muhyiddin. Sebaik sahaja pengumuman rasmi dibuat, Muhyiddin berpelukan agak lama dengan Azmin Ali sambil mengulang-ulang “Syukur...syukur *alhamdulillah*”, sebelum berpelukan dengan isterinya dan ahli keluarga yang lain. Wajah Azmin kelihatan sebak dan beliau turut menjadi tumpuan untuk menerima bertalu-talu ucapan tahniah. Turut sama kelihatan di sana ialah Wan Saiful Wan Jan dan ahli MPT Bersatu yang lain. Orang ramai yang hadir berpelukan antara satu sama lain dan hampir kesemua yang hadir dilihat mengalirkan air mata kegembiraan. Menteri Besar Perak, Faizal Azumu kelihatan menahan sebak

sambil mengesat air mata sehingga terduduk di satu sudut ruang tamu kediaman Muhyiddin. Bunyi esakan memenuhi ruang tamu. Mungkin kerana akhirnya kemelut politik negara telah berpenghujung, atau perancangan untuk mengkhianati PH dan menubuhkan kerajaan baru akhirnya berjaya. Kerajaan baru, yang digelarkan oleh orang ramai terutama penyokong PH sebagai kerajaan pintu belakang, kerajaan pengkhianat-kleptokrat, kerajaan tebuk atap, atau kerajaan Pengkhianat Nasional (PN).

Muhyiddin bersama ahli keluarganya keluar ke perkarangan rumah sekitar pukul 5.00 petang untuk digambari oleh para jurugambar yang menunggu di luar. Dalam ucapan ringkasnya, beliau memohon agar seluruh rakyat Malaysia menerima baik keputusan yang telah diumumkan oleh Istana Negara.

TIADA HARAPAN UNTUK PAKATAN HARAPAN

Permohonan dari pihak PH kepada Istana Negara untuk mohon mengadap YDP Agong telah ditolak kerana Seri Paduka Baginda telah membuat keputusan muktamad berdasarkan kuasa yang diperlukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Tun Mahathir dalam sidang media di Yayasan Albukhary pada pagi 1 Mac 2020, memaklumkan bahawa YDP Agong tidak mahu lagi menerima beliau mengadap dan majlis angkat sumpah akan diteruskan seperti yang telah dititahkan oleh YDP Agong pada 29 Februari 2020.

Upacara Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8 telah disempurnakan pada pukul 10.33 pagi 1 Mac 2020, bertempat di Balai Singgahsana Kecil, Istana Negara.

Meskipun terdapat pelbagai pendapat yang mengatakan bahawa kerajaan ini tidak sah, tidak mendapat mandat dari rakyat, dan tidak mendapat sokongan majoriti Ahli Parlimen, namun harus diakui bahawa pelantikan ini sah dari sisi perlembagaan. Ini kerana pelantikan Muhyiddin dibuat berdasarkan budi bicara YDP Agong yang selari dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan. Proses pemilihan Muhyiddin dianggap sama dengan proses pemilihan yang berlaku setiap kali selesai pilihan raya umum, di mana hanya ketua parti yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat dan menikmati sokongan majoriti akan dipanggil mengadap ke Istana Negara untuk proses pengesahan dan pencalonan Perdana Menteri.



Ahli Parlimen Pas, Umno, Bersatu, GPS dan lain-lain berkumpul di kediaman Muhyiddin sebelum bergerak ke Istana Negara.

JUMLAH SOKONGAN KEPADA MUHYIDDIN

Namun, terdapat persoalan dari sisi lain telah dibangkitkan iaitu suara yang dibawa ke Dewan Rakyat oleh setiap Ahli Parlimen adalah bersifat tersendiri, dan sepatutnya tidak diwakili oleh ketua parti-parti politik. Kefahaman ini ditafsirkan daripada Perkara 46(1) Perlumbagaan Persekutuan yang menyatakan Dewan Rakyat hendaklah terdiri daripada dua ratus dua puluh dua ahli dipilih. Persoalannya, adakah representasi ketua parti-parti kepada YDP Agong adalah sah di sisi undang-undang? Ini kerana terdapat pertikaian di mana representasi yang dibuat oleh Muhyiddin Yassin pada 28 Februari 2020 di Istana Negara didakwa membawa mandat 36 Ahli Parlimen Bersatu, termasuk enam orang yang dinafikan oleh Tun Mahathir pada pagi 29 Februari 2020. Dakwaan ini munasabah jika dirujuk silang kepada keputusan mesyuarat Bersatu yang dihadiri oleh 36 orang Ahli Parlimen Bersatu, yang bersetuju untuk mengangkat nama Muhyiddin¹⁰¹. Dalam masa yang sama, wujud juga pertikaian terhadap status keahlian kumpulan Azmin dalam Bersatu. Syed Saddiq mendakwa Muhyiddin telah memperdaya YDP Agong untuk mencukupkan majoriti mudah bagi pihaknya¹⁰², berikutan kegagalan Muhyiddin

101 Rujuk satu surat yang dikeluarkan atas nama Setiausaha Agung Bersatu, Marzuki Yahya bertarikh 27 Februari 2020. Walau bagaimanapun, pada 11 Mei 2020, beliau telah menyatakan bahawa surat ini tidak pernah dikeluarkan oleh pejabat Setiausaha Agung Bersatu.

102 Dakwaan yang sama telah diulangi oleh Syed Saddiq semasa diwawancara oleh Mehdi Hasan dalam rancangan Al-Jazeera's UpFront. Dalam menangkis dakwaan ini, Setiausaha Agung Umno Annuar Musa telah menyatakan bahawa Muhyiddin tidak pernah mengakui bahawa semua Ahli Parlimen Bersatu menyokong beliau. Annuar juga mengakui beliau ada menyimpan senarai nama Ahli Parlimen yang menyokong Muhyiddin. Malangnya, sehingga Dewan Rakyat bersidang pada 18 Mei 2020 iaitu 70 hari selepas ditangguhkan dari tarikh asal persidangan pada 9

untuk mengumumkan secara terbuka senarai Ahli Parlimen yang menyokong beliau meskipun upacara pelantikannya sebagai Perdana Menteri ke-8 sudah selesai.

Jika dijumlahkan undi sokongan yang Muhyiddin miliki pada waktu itu; 19 dari Bersatu (tidak termasuk enam orang yang menyokong Tun Mahathir), 10 dari kumpulan Azmin (tidak termasuk Baru Bian yang menukar sokongan di saat akhir), 18 dari Pas, 42 dari BN, 19 dari GPS, jumlahnya cuma 108 kerusi. Jika pun ada mana-mana Ahli Parlimen Bebas yang memberi sokongan, bagaimanakah cara ia diambil kira sedangkan keputusan YDP Agong pada 28 Februari 2020 adalah berdasarkan representasi ketua parti-parti politik? Jawapan kepada soalan ini hanya guru nanak sahaja yang tahu (meminjam gaya Hishamuddin Rais).

Walau apapun hujah yang dikemukakan, hakikatnya ia hanyalah bersifat akademik dan kenyataan politik, kerana pelantikan Perdana Menteri ke-8 telah muktamad di sisi Perlembagaan Persekutuan.

Langit tidak selalu cerah. Seperti yang dijangka, perkembangan politik yang berlaku sejak 1 Mac 2020 amat mengecewakan para penyokong PH kerana beberapa orang Ahli Parlimen yang sebelum ini termasuk dalam senarai kerajaan PH telah berpaling tadah kepada Muhyiddin. Mereka adalah:

- i) Ahli Parlimen Kota Marudu, yang juga Presiden Bersatu Sabah (PBS), Maximus Johnity Ongkili telah menyatakan pendirian partinya pada petang 1 Mac 2020, untuk

Mac 2020, Annuar dan Muhyiddin masih gagal untuk mengemukakan senarai nama yang diuar-uarkan. Sebaliknya, kerajaan Muhyiddin memutuskan agar persidangan Dewan Rakyat pada 18 Mei 2020 hanya berlangsung tidak sampai separuh hari demi untuk menutup peluang usul undi tidak percaya kepada Perdana Menteri diteruskan.

mengambil sikap neutral dan menyokong sepenuhnya kepimpinan Muhyiddin. Beliau kemudian dilantik ke dalam kabinet Muhyiddin sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak).

- i) Ahli Parlimen Keningau, Jeffrey Kitingan yang sebelum ini mengaku menyokong Tun Mahathir pada 1 Mac 2020, telah menerima pelantikan dalam kabinet Muhyiddin sebagai Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.
- ii) Ahli Parlimen Kuala Pilah, Eddin Syazlee Shith yang sebelum ini disenaraikan oleh Tun Mahathir sebagai salah seorang dari enam orang Ahli Parlimen Bersatu yang berpihak kepada beliau, telah menerima pelantikan dalam kabinet Muhyiddin sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang).

Tidak dapat tidak, detik 1 Mac 2020 adalah sejarah yang pahit untuk ditelan.

DUNIA SEDANG MEMERHATI

22 bulan lalu, pembentukan kerajaan PH pasca PRU-14 telah mendapat pengiktirafan segera dari seluruh dunia, termasuk dari negara-negara tetangga seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, dan Vietnam. Amerika Syarikat, Kanada, Kesatuan Eropah, UK, Iran, Australia, New Zealand, China, Taiwan, Jepun, India, Arab Saudi, Turki, Qatar, Perancis, Pakistan, Kazakhstan, Sepanyol, Jordan, dan lain-lain adalah antara negara-negara besar yang turut sama mengucapkan tahniah atas penubuhan kerajaan baru PH melalui pilihan raya yang sah. Mesej-mesej ucapan ini

menjadi tular, sama ada dalam bentuk hantaran di media sosial, nota kedutaan, atau nota rasmi yang dimuat naik di dalam laman web kerajaan masing-masing. Dunia juga meluahkan rasa kagum kerana Malaysia berjaya membuat perubahan tanpa setitik darah pun tumpah. Pengiktirafan antarabangsa ini penting kerana ia adalah simbol pengiktirafan terhadap legitimasi sesebuah kerajaan baru dan merupakan sentuhan diplomasi antara dua negara yang berdaulat. Apatah lagi Malaysia terkenal sebagai sebuah negara dagang yang terletak di laluan perdagangan utama dunia Selat Melaka.

Sejak beberapa hari kerajaan pengkhianat-kleptokrat ini ditubuhkan, hanya negara Indonesia, Singapura, Vietnam, Korea Utara, Bangladesh, dan Nepal sahaja yang sudi mengucapkan tahniah. Entah apa isyarat ini membawa maksud kepada kerajaan Muhyiddin. China sebagai negara yang mempunyai kepentingan di rantau ini hanya mengucapkan tahniah selepas Muhyiddin mengumumkan Kabinetnya. Barangkali khabar penubuhan kerajaan pintu belakang ini belum tiba di benua seberang, atau mereka sedang tersenyum sinis memandang.

Ketiadaan reaksi dari negara-negara besar ini boleh difahami sebagai sikap mereka untuk tunggu dan lihat situasi ketidaktentuan politik yang berlaku di Malaysia, pemerkosaan sistem demokrasi, dan legitimasi kerajaan yang boleh dipersoalkan akibat sokongan majoriti yang tidak jelas. Tindakan Muhyiddin yang mengangkat semula para kleptokrat ke dalam kerajaan yang mana sebelum ini telah menjadi tumpuan kritikan dari seluruh dunia, sudah tentu diperhatikan oleh negara-negara luar. Muhyiddin barangkali tidak sedar bahawa individu yang dikhianatinya iaitu Tun Mahathir dan Anwar Ibrahim, merupakan dua orang tokoh yang disegani di mata dunia.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAYANGAN

Muhyiddin mengambil masa lapan hari untuk menyusun Kabinetnya. Persoalannya adalah bagaimana beliau boleh mencari formula untuk memuaskan hati semua parti-parti yang menyertai kerajaan pintu belakang ini?

SCHEME OF THINGS

Satu keratan rakaman audio yang didakwa mirip suara Muhyiddin telah ditularkan pada 30 Mei 2020 oleh laman Facebook Bersatu. TV, rentetan daripada beberapa keratan rakaman audio mesyuarat MPT Bersatu yang dimuat naik di laman Facebook. Audio tersebut mengandungi suara mirip Muhyiddin dalam satu mesyuarat, menjelaskan perancangan parti Bersatu untuk menarik seramai mungkin Ahli Parlimen Umno bagi menjadikan parti mereka sebagai parti Melayu terbesar dalam gabungan Perikatan Nasional. Transkrip rakaman tersebut adalah seperti berikut:

MUHYIDDIN YASSIN: Saya katakan, ada 30 lebih yang Umno sekarang ni, boleh tak kita jumpa dan cakap dengan mereka: *Hey, we are going to form the government, kan? Why don't you come and join Bersatu?* [celahan ahli mesyuarat: Ya...] Jadi kalau *align* Bersatu yang sekarang 41, campur 10 daripada Umno yang 40 ini, kita adalah parti yang terbesar! Ini *scheme of thing, I'm sorry to say, you don't follow, but I thought that could be done.* Kalau kita ambik sorang-sorang-sorang, saya dah cakap berapa orang, mungkin ada di antara mereka terutama kalau mereka ada tawaran-tawaran tertentu, *why not?* Apa beza nak join Bersatu, apa beza nak kekal dalam Umno?

Jadi usaha sebegitu kalau kita buat, mungkin sebahagian daripada mereka akan join jadi Bersatu. Dah ada pun daripada mereka dah jadi Bersatu. Jadi Bersatu jadi *the enlarged party. Imagine* kalau 30 masuk dengan kita? [ahli mesyuarat menepuk meja tanpa setuju]. Dengan 40 yang ada, *we are the single largest Malay ruling party in the country.* Yang ini *scheme of thing! Sorry to say brother. Even* saya ada sakit [kabur], saya buat kerja. Tiap-tiap malam saya cakap dengan orang: *Can we not do it?* Hari tu saya ada cakap dengan Hamzah (Hamzah Zainuddin), Peja (Faizal Azumu) pun saya cakap. *Why don't we talk? You* pun boleh Rafiq (Mohd Rafiq Naizamohideen). Cakap sorang dua tiga empat lima, kalau tambah sorang, dua tiga. Eh kalau dia tau kerajaan baru nak terbentuk, Umno masuk,

why don't you come in now? Why don't you join us now rather than you join later?

Saya pikir kalau itu kita lakukan, sebahagian besar mungkin tinggalkan Umno 10, 20 nilah, dengan Najib dan puak-puak dia. [kabur] lagi kalau ada jawatan. Tak jadi, apa ni... Menteri, jadi *chairman of GLC*. Dan mula rasanya takkan dia nak keluar, *rather than stay now, and become opposition. They want to be part of the government. Of course Tun bagitahu saya, no mungkin dia akan buat sesuatu. Saya tak fikir dia boleh buat sesuatu, dan semua orang ikut Najib punya tuntutan.* Dan ugut kita dan ugut lain-lain, kalau kita tak bagi ni kami akan keluar beramai-ramai. Mungkin boleh, tapi mungkin tak berjaya. Jadi saya fikir *don't make a total conclusion because if it happened* dan Umno akan *have upper hand*. Jadi *scheme of thing* kalau kita buat begitu that *strengthen Bersatu* [celahan ahli mesyuarat: Yes, right...] Walau Tun [kabur] *join now, join now!* Kalau gitu dah kita jadi *the majority. Bigger of any other party* yang ada sekarang. Bila masa lagi? Inilah dia.

Sehingga catatan ini ditulis, Muhyiddin tidak pernah menafikan kebenaran rakaman audio ini. Berdasarkan isi kandungan rakaman tersebut, dipercayai bahawa mesyuarat ini merujuk kepada pertemuan MPT Bersatu pada 23 Februari 2020 iaitu sebelum berlaku Langkah Sheraton. Daripada gaya dan topik perbincangan, perkara tersebut mungkin disampaikan selepas Tun Mahathir meninggalkan mesyuarat itu.

Dalam menyusun kabinet Perikatan Nasional, Muhyiddin terpaksa berhadapan dengan cabaran pergelutan kuasa (*power struggle*) yang sengit dalam kalangan parti-parti gabungan. Masing-masing telah mengambil risiko yang tinggi dalam percaturan politik dan kini mengharapkan pulangan yang setimpal.

UNITED MALAY NATIONAL ORGANISATION (UMNO)

Jumlah Ahli Parlimen terkini yang mewakili Umno adalah sebanyak 39 kerusi, menjadikan Umno sebagai parti terbesar dalam gabungan PN. Umno memiliki tokoh-tokoh yang berpengalaman luas dalam hal ehwal pentadbiran kerajaan Persekutuan, termasuk jawatan tertinggi seperti Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Namun terdapat dua kekangan kepada Muhyiddin; pertama adalah beberapa pimpinan tertinggi Umno tidak menjadi Ahli Parlimen, misalnya Tok Mat (Timbalan Presiden), Khaled Nordin (Naib Presiden), dan Asyraf Wajdi (Ketua Pemuda); dan kedua adalah beberapa nama pemimpin senior dan tokoh penting dalam Umno sedang terpalit dengan perbicaraan kes jenayah di mahkamah. Antaranya ialah Najib Razak (42 kes), Zahid Hamidi (47 kes), Tengku Adnan Mansor (dua kes), Bung Mokhtar (tiga kes), Abdul Azeez Abdul Rahim (12 kes), dan Ahmad Maslan (dua kes).

Selepas berjaya merampas kerajaan dari PH, pemimpin-pemimpin Umno perlu mengukuhkan kedudukan masing-masing, terutama dari segi kedudukan eksekutif dalam kerajaan kerana di situ terletaknya sumber pengaruh dan kewangan. Umno dalam dilema. Sehari selepas Muhyiddin dilantik, Zahid bergegas

ke Pejabat Perdana Menteri untuk berbincang tentang susunan Kabinet dengan Muhyiddin sehingga tidak hadir ke perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Namun pertemuan itu tidak berlaku kerana Muhyiddin tiada di pejabatnya. Beberapa hari sebelum senarai Kabinet diumumkan, Zahid telah menafikan bahawa beliau menuntut kerusi Timbalan Perdana Menteri dan memberi isyarat bahawa beliau tidak mahu menyertai kabinet Muhyiddin. Adakah diplomasi Zahid ini merupakan amaran keras, atau mesej yang perlu difahami oleh Muhyiddin secara *reverse psychology*? Atau untuk menguji sama ada Muhyiddin adalah ahli politik yang lurus bendul? Muhyiddin sepatutnya lekas menangkap isyarat Zahid bahawa sebagai Pengerusi BN dan Presiden Umno, beliau berhak menuntut sesuatu.

Isyarat ini boleh dibaca dengan desakan demi desakan yang ditumbulkan oleh beberapa pihak dalam Umno. Pergerakan Wanita Umno melalui ketuanya, Noraini Ahmad mengatakan bahawa Zahid mesti berada dalam Kabinet baru. Pengerusi Umno Sabah, Bung Mokhtar mendesak agar Muhyiddin melantik Zahid ke dalam Kabinet kerana beliau belum didapati bersalah di mahkamah. Perkara yang sama turut disuarakan oleh Pengerusi Umno Kedah, Jamil Khir Baharom dan Pengerusi Umno Kelantan, Ahmad Jazlan Yaakub. Seorang lagi ahli MKT Umno, Puad Zakarshi lebih sinis terhadap situasi ini apabila beliau mencadangkan agar Azmin turut sama menarik diri dari Kabinet Muhyiddin sebagaimana yang dibuat oleh Zahid.

KUMPULAN AZMIN (SERPIHAN PKR)

Azmin juga pasti menuntut *fā'i*¹⁰³ untuk sembilan lagi Ahli Parlimen yang bernaung di bawahnya kerana kumpulan beliau terpaksa membuat *political stunt* yang tiada jalan undur, dengan bertindak mengkhianati PKR dan PH. Malah, pada waktu itu beliau dilihat tidak mempunyai pelan B untuk menyertai atau menjadi pimpinan mana-mana parti politik. Ramai penyokong beliau dalam kalangan ahli PKR bukan Melayu menjadi seperti anak ayam kehilangan ibunya, kerana tidak dapat turut serta dalam parti Bersatu yang hanya menerima keahlian orang Melayu dan Bumiputera sahaja. Untuk memastikan nafas panjang politiknya, beliau tidak dapat tidak terpaksa menuntut laba yang besar supaya segala pengorbanannya berbaloi. Perlu diingat bahawa dalam kalangan penyokong Azmin, empat orang adalah bekas Menteri dalam Kabinet Tun Mahathir (termasuk Baru Bian yang kemudiannya keluar dari kumpulan Azmin), dan seorang Timbalan Menteri.

Azmin juga dipercayai merupakan dalang utama yang mencaturkan pertemuan demi pertemuan sejak tahun 2019 untuk menyatukan blok Bersatu, Umno dan Pas dalam satu majlis kemuncak iaitu Langkah Sheraton. Sudah tentu sandiwara yang beliau mainkan harus dibalas dengan pulangan yang setimpal.

103 Istilah *fā'i* adalah lebih tepat untuk digunakan dalam konteks ini berbanding *ghanimah*. *Fā'i* merujuk kepada harta yang diperoleh tanpa melalui perang, manakala *ghanimah* adalah harta yang diperoleh melalui jalan peperangan. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah ini hanyalah dalam bentuk metafora, kerana istilah *fā'i* dan *ghanimah* adalah istilah syarak yang mempunyai makna khusus di dalam Islam.

GABUNGAN PARTI SARAWAK (GPS)

Dalam percaturan politik Malaysia pasca PRU-14, parti yang memiliki kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak telah dianggap sebagai *kingmaker* kerana ia boleh menentukan siapakah yang boleh membentuk kerajaan Persekutuan. Sebelum PRU-14, kebanyakan parti-parti di Borneo merupakan komponen kepada BN dan dianggap sebagai deposit tetap kepada BN. Pasca PRU-14 menyaksikan berlakunya pensejajaran semula politik Malaysia apabila parti-parti tempatan di Sarawak telah menarik diri daripada gabungan BN dan membentuk GPS yang bernuansa tempatan. Bagi pemimpin masyarakat di Sarawak, mereka tidak mahu lagi dikuasai oleh Umno dan BN dari Semenanjung, sebaliknya mahu membawa suara tersendiri bagi memperjuangkan hak-hak rakyat Sarawak.

GPS pada mulanya memiliki 19 kerusi, namun Richard Riot Jaem telah membuat pusingan-U untuk menyokong Tun Mahathir di saat akhir, menjadikan GPS memiliki 18 kerusi Dewan Rakyat.¹⁰⁴ Sudah tentu GPS memerhati posisi-posisi penting dalam Kabinet, sebagai timbal balas untuk menstabilkan kerajaan Muhyiddin.

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (BERSATU)

Sebagai parti Perdana Menteri, Bersatu tentulah mendapat ruang yang secukupnya di dalam Kabinet kerajaan. Apatah lagi 13 orang Ahli Parlimen dari Umno yang telah menyeberang kepada Bersatu

104 Richard Riot Jaem kemudiannya dilantik oleh Muhyiddin sebagai Duta Khas Perdana Menteri ke Asia Timur bertaraf Menteri.

sebelum ini perlu dipelihara sebaiknya. Bersatu membawa beban yang besar kerana parti ini telah mengkhianati perjanjian dalam PH dan pengasas partinya sendiri iaitu Tun Mahathir. Justeru, Muhyiddin terpaksa mengikat Ahli-ahli Parlimen dari Bersatu dengan kejap agar tidak berpatah balik menyokong Tun Mahathir yang kini masih bekerjasama dengan PH untuk mengembalikan semula mandat rakyat. Untuk mengukuhkan kedudukan Bersatu yang kini terpaksa bersaing dengan Umno dan Pas, Bersatu perlu menguasai kementerian-kementerian yang strategik. Muhyiddin terpaksa mengukuhkan kedudukan parti Bersatu untuk menjadi parti terbesar orang Melayu sebagai persediaan untuk menyertai PRU-15.

PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)

Dalam isu pembahagian kerusi Kabinet, Pas kelihatan tidak terlalu ghairah dan tidak meletakkan sebarang syarat untuk menuntut mana-mana jawatan Kabinet. Namun, Presiden Pas Abdul Hadi Awang menegaskan bahawa Kabinet mestilah dianggotai oleh individu yang berintegriti, berkelayakan, dan mewakili masyarakat majmuk. Namun, usaha untuk melobi Muhyiddin agar melantik Presiden Pas itu ke jawatan Menteri Agama tetap tular di media sosial.

Cabarannya utama Muhyiddin adalah untuk mengimbangi intrik dalaman yang berlaku dalam PN, justeru beliau memerlukan satu formula untuk menutup mulut semua pemegang taruh bagi mengelakkan kejadian rumah siap pahat berbunyi. Atau menurut

slogan Muhyiddin sendiri yang kemudiannya menjadi buah mulut pengkritiknya; *no one left behind*¹⁰⁵.

Semasa pertama kali berucap sebagai Perdana Menteri di depan rakyat Malaysia, Muhyiddin telah mengakui bahawa kerajaan yang beliau dirikan “bukanlah melalui pilihan raya”. Beliau telah berjanji untuk “melantik anggota Jemaah Menteri dari kalangan individu yang bersih, berintegriti, dan berkualiber”¹⁰⁶. Mufti Perlis, Sahibus Samahah Datuk Dr Mohd Asri Zainal Abidin juga selepas bertemu dengan Muhyiddin, telah memberi jaminan bahawa Perdana Menteri akan melantik mereka yang kononnya telah lepas dari tapisan SPRM dan PDRM. Persoalannya, adakah mereka yang tidak dilantik oleh Muhyiddin itu bermaksud tidak melepassi tapisan ini? Mungkin juga dakwaan Mufti ini benar.

RUMAH SIAP PAHAT BERBUNYI

Senarai ahli Kabinet kerajaan Perikatan Nasional telah diumumkan pada 9 Mac 2020. Susunan Kabinet Muhyiddin ini walaupun agak mengejutkan orang ramai, tetapi boleh dijangka lebih awal. Pertama kali dalam sejarah Malaysia apabila Kabinet tidak mempunyai jawatan Timbalan Perdana Menteri, sebaliknya empat orang Menteri Kanan telah dilantik iaitu Azmin Ali (Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri - MITI), Ismail

105 Muhyiddin menggunakan slogan “*no one left behind*” semasa mengumumkan Paket Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang dikatakan bernilai RM250 bilion. Slogan ini digunakan semula untuk mengkritik Muhyiddin kerana telah melantik lebih 80 peratus Ahli Parlimen yang menyokongnya ke jawatan-jawatan penting dalam kerajaan.

106 Rujuk teks ucapan khas YAB Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin bertajuk *Rayuan Kepada Rakyat Malaysia* pada 2 Mac 2020. Teks penuh boleh dimuat turun di laman web www.pmo.gov.my.

Sabri (Menteri Kanan Pertahanan), Fadillah Yusof (Menteri Kanan Kerja Raya), dan Dr Mohd Radzi Jidin (Menteri Kanan Pendidikan). Susunan ini telah menjadi bukti bahawa dalam menentukan jawatan nombor dua kerajaan, Muhyiddin tersepit di antara parti sendiri dan tuntutan dari Umno, GPS, dan Azmin sendiri.

Adalah pelik kenapa portfolio Pendidikan, Pertahanan, Kerja Raya dan MITI perlu dianggap sebagai Menteri Kanan. Apakah justifikasi keistimewaan portfolio-porfolio yang dianggap ‘kanan’ ini? Adakah kementerian lain tidak menjadi keutamaan, misalnya portfolio Dalam Negeri, Ekonomi, dan Pengajian Tinggi? Perlukah seorang Menteri Kanan datang dari Dewan Negara (lantikan Senator) sedangkan ramai lagi Ahli Parlimen yang berkelayakan? Yang jelas adalah dua daripada Menteri Kanan datang dari parti Bersatu (Azmin dan Dr Radzi). Malah, Muhyiddin telah memperakui keistimewaan Azmin berbanding Menteri Kanan yang lain, iaitu Azmin akan mempengaruhi mesyuarat Jemaah Menteri semasa ketiadaan Perdana Menteri. Secara tidak langsung, kedudukan Azmin adalah bayangan kepada kedudukan Timbalan Perdana Menteri¹⁰⁷.

Untuk mencipta lebih banyak ‘peluang pekerjaan’ dalam Kabinet kerajaannya, Muhyidin terpaksa:

- i) Membentuk sejumlah 70 orang ahli Kabinet, iaitu terdiri daripada seorang Perdana Menteri, 31 orang Menteri dan 38 orang Timbalan Menteri. Sebagai perbandingan, Kabinet kerajaan PH hanya terdiri daripada 56 orang.

107 Kedudukan Azmin Ali dalam mesyuarat Jemaah Menteri adalah di sebelah kanan Perdana Menteri. Kedudukan beliau di dalam Dewan Rakyat juga adalah di sebelah kanan Perdana Menteri, sebagaimana lazimnya kedudukan seorang Timbalan Perdana Menteri.

- ii) Mewujudkan jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), yang tidak jelas apakah fungsinya.
- iii) Memecahkan Kementerian Pendidikan kepada dua iaitu Kementerian Pendidikan (satu Menteri dan dua Timbalan Menteri) dan Kementerian Pengajian Tinggi (satu Menteri dan satu Timbalan Menteri). Semasa pentadbiran kerajaan PH, kedua-dua portfolio ini digabungkan di bawah Kementerian Pendidikan yang hanya ditadbir oleh seorang Menteri dan seorang Timbalan Menteri.
- iv) Memecahkan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim kepada tiga kementerian berlainan iaitu Kementerian Alam Sekitar (satu Menteri dan satu Timbalan Menteri), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (satu Menteri dan satu Timbalan Menteri), dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (satu Menteri dan satu Timbalan Menteri). Semasa pentadbiran kerajaan PH, kesemua portfolio ini hanya ditadbir oleh seorang Menteri dan seorang Timbalan Menteri.
- v) Mewujudkan jawatan Timbalan Menteri II untuk kementerian Kewangan, Pendidikan, Dalam Negeri, Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar, dan Perusahaan Perladangan dan Komoditi.
- vi) Melantik tiga orang Senator sebagai Menteri dan lima orang Senator sebagai Timbalan Menteri.

Adakah munasabah untuk sesuatu kementerian mempunyai Timbalan Menteri sehingga dua orang? Adakah Menteri-menteri yang terlibat mempunyai penyakit kritikal dan berpotensi untuk tidak bertugas sehingga memerlukan lebih dari seorang pengganti? Saiz kabinet yang besar selama ini telah menjadi

perbahasan hangat setiap kali selepas berlangsung pilihan raya, kerana ia menggambarkan saiz sesebuah kerajaan dengan nisbah penduduk Malaysia yang hanya berjumlah hampir 33 juta. Ia juga menggambarkan kecekapan Perdana Menteri untuk menggabungkan jabatan dan agensi yang bertindih, dan merangkumkan portfolio yang saling berkait antara satu sama lain. Kerana akhirnya belanja pengurusan kerajaan pula akan semakin membengkak, demi menampung gaji dan elaun Menteri yang terlalu ramai.

Susunan Kabinet Muhyiddin ternyata menjadikan Umno dan Pas sebagai pak turut kerajaan Muhyiddin-Azmin. Azmin yang dibuang daripada PKR telah diangkat sehingga menjadi Timbalan Perdana Menteri bayangan, menjadikan secara tidak langsung Bersatu menguasai dua jawatan tertinggi dalam kerajaan. Tindakan Muhyiddin ini telah menghina peranan BN yang memiliki jumlah kerusi terbesar iaitu 42 kerusi. Harus diingat bahawa Ahli Parlimen Bersatu yang menang di bawah bendera PKR dalam PRU-14 hanyalah seramai 13 orang, termasuk Tun Mahathir, Mukhriz Mahathir, Dr Maszlee Malik, Syed Saddiq dan Ir. Amiruddin Hamzah yang menyebelahi PH, serta Dr Md Farid yang meninggal dunia dan kerusinya kemudian dirampas oleh MCA. Jadi jumlah Ahli Parlimen yang asal dari Bersatu yang dibawa oleh Muhyiddin hanyalah tujuh orang, selebihnya datang dari Ahli Parlimen Umno yang melompat dan dari kumpulan Azmin. Amat mengejutkan apabila Azmin yang hanya mencagar 10 kerusi telah mendapat lantikan kabinet seramai sehingga sembilan orang, manakala seorang lagi sememangnya menjawat jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Reaksi dari pemimpin-pemimpin Umno memberi gambaran seolah-olah rumah Muhyiddin-Azmin ini belum siap sepenuhnya.

Antara mereka yang terus mengkritik tindakan berat sebelah Muhyiddin adalah:

- i) Timbalan Presiden Umno, Mohamad bin Hasan (Tok Mat) berkata komposisi kabinet ini adalah berat sebelah dan Umno telah diketepikan dengan cara yang sangat tidak adil. Ini kerana Umno hanya mendapat kementerian yang tidak kritikal walaupun majoriti Ahli Parlimen mereka berpengalaman luas dalam kerajaan. Beliau juga mendakwa kabinet PN hanya memberi pulangan besar kepada parti Bersatu dan pihak Azmin.
- ii) Naib Presiden Umno, Mohamed Khaled Nordin menyatakan bahawa Umno sepatutnya mendapat lebih banyak kerusi Menteri kerana separuh daripada Ahli Parlimen Bersatu sekarang menang di atas tiket Umno-BN. Beliau menyifatkan blok Azmin sebagai “tidak menghormati mandat rakyat dan memperdagangkan jawatan MP untuk jawatan”. Beliau juga menganggap kerajaan PN pada hari ini tiada kena mengena dengan Umno secara *en bloc*, tetapi hanya sebuah perikatan antara Ahli-ahli Parlimen Umno sahaja demi untuk merungkai krisis politik negara.
- iii) Ahli MPT Umno, Tajuddin Abdul Rahman menyuarakan rasa tidak selesa bagi pihak Umno dengan pelantikan Azmin sebagai orang ‘nombor dua’ dalam Kabinet. Beliau mempertikaikan portfolio pertanian dan pembangunan luar bandar yang telah diberikan kepada Bersatu. Dua kementerian ini amat dekat dengan penduduk luar bandar yang menjadi pengundi teras kepada parti Umno.

- iv) Ahli Parlimen Cameron Highland dari Umno, Ramli Mohd Noor berkata nasib Orang Asli telah diketepikan dari kabinet Muhyiddin. Beliau merupakan satu-satunya wakil Orang Asli yang menjadi Ahli Parlimen.
- v) Ahli Parlimen Pengerang dari Umno, Azalina Othman berkata Umno sepatutnya mendapat kementerian yang lebih penting seperti kementerian Dalam Negeri, Luar Bandar, Kewangan, dan Pertanian.
- vi) Pemimpin veteran Umno, Shahrir Samad berkata PN sedang diketuai oleh parti Bersatu dan kumpulan Azmin, dan semangat *en bloc* PN telah hilang.
- vii) Di sebalik kritikan bertali arus terhadap Muhyiddin, Umno telah menggugurkan Annuar Musa sebagai Setiausaha Agung Umno dan Dr Shamsul Annuar Nasarah sebagai Ketua Penerangan Umno. Kedua-dua mereka sebelum itu telah dilantik ke dalam kabinet Muhyiddin sebagai Menteri.

Namun, amat malang sekali apabila bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang terkenal sebagai sosok yang sederhana dan disenangi oleh pelbagai kaum, telah menerima pelawaan Muhyiddin untuk menyertai kabinet ‘kerajaan tebuk atap’ sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama). Amat jarang kedapatan tokoh agama yang mempunyai watak mirip seperti Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang dihormati oleh pelbagai pihak dan membawa mesej perpaduan antara kaum, berbanding agamawan-agamawan lain yang cenderung menonjolkan jalur keras perkauman. Beliau adalah permata yang sedang menyinar. Justeru, ramai yang menganggap bahawa beliau sengaja dijadikan benteng untuk menghadapi kritikan panas terhadap isu-isu sensitiviti agama dan perkauman,

ibarat seperti batang pisang yang bersedia ditusuk todak. Lebih malang lagi apabila beliau sanggup mencemarkan kaki ke dalam percaturan politik PN yang menggunakan modal ‘penyatuan Melayu’ sehingga tindakan beliau itu boleh dianggap sebagai fatwa yang menghalalkan kerja-kerja pengkhianatan terhadap kerajaan PH.

TIDUR SEBANTAL MIMPI LAIN-LAIN

Percaturan untuk mengurangkan atau mematikan pengaruh Umno dan menaikkan imej Bersatu dalam kalangan orang Melayu bukan lagi satu rahsia. Rakaman audio mirip suara Muhyiddin adalah bukti nyata bahawa Bersatu telah dan akan terus mengumpam mana-mana Ahli Parlimen Umno bagi menjadikan Bersatu sebagai parti Melayu terbesar dalam PN. Umno sedar akan hal ini, kerana Muhyiddin dan Bersatu adalah saingan politik mereka dan mensasarkan kelompok pengundi yang sama.

Lalu dengan kuasa seorang Perdana Menteri, banyak tindakan Muhyiddin dilihat cuba untuk memecahkan kesatuan Umno dari dalam. Najib Razak, Zahid Hamidi, Tok Mat, Khaled Nordin, Mahdzir Khalid, Tengku Adnan, Tajuddin, Idris Jusoh, Shahidan Kasim, Abdul Azeez, Nazri Aziz, Bung Moktar, Ahmad Maslan, dan Azalina adalah nama-nama besar Umno yang telah disisihkan oleh Muhyiddin. Dengan tidak melantik mereka ini, Muhyiddin seolah-olah memberi gambaran bahawa nama-nama ini adalah korup, menjadi liabiliti kepada kerajaannya, dan mungkin tidak melepas tapisan SPRM dan PDRM. Barangkali mereka ini bakal menenggelamkan populariti Muhyiddin dan Azmin sendiri, jika diletakkan di posisi penting dalam kerajaan.

Yang paling penting adalah pemimpin-pemimpin Umno hanya dijadikan sebagai *backbenchers* atau tukang cukupkan korum bagi kerajaan Muhyiddin-Azmin.

Bagi menambah pergolakan dalaman Umno, Muhyiddin telah mengukuhkan kedudukan Hishammuddin sebagai Menteri penuh walaupun beliau tiada jawatan tertinggi dalam Umno, dan juga Khairy Jamaluddin yang sebelum ini mencabar Zahid Hamidi dalam perebutan jawatan Presiden Umno. Kedua-dua tokoh ini dilihat sebagai gabungan membawa arus bertentangan dengan wajah yang lebih segar kepada Umno berbanding *status quo* kepemimpinan Umno yang ada pada hari ini. Apa yang dilakukan hari ini adalah sama seperti yang disinggung oleh Anwar bahawa tindakan Tun Mahathir yang melantik orang-orang tertentu dari PKR sebagai Menteri akhirnya telah menggunakan kuasa, kedudukan dan wang kerajaan untuk memecah belahkan PKR. Antara strategi yang digunakan untuk mengukuhkan sokongan dan kesetiaan ahli parti kepada beberapa orang individu adalah melalui pengagihan jawatan dan imbuhan tertentu di seluruh negara¹⁰⁸. Muhyiddin memberi layanan istimewa kepada pakatan Hishammuddin - Ismail Sabri - Annuar Musa - Khairy Jamaluddin dari Umno, berbanding kumpulan Zahid - Najib - Tengku Adnan - Mahadzir Khalid. Namun, Hishammuddin yang digosip sebagai calon alternatif Presiden Umno pun hanya diletakkan sebagai Menteri Luar, yang tugasnya adalah menjaga hubungan dengan kedutaan dan diplomat asing, serta tiada hubungan langsung dalam agenda yang melibatkan orang ramai. Ismail Sabri pula menjadi Menteri Pertahanan yang juga merupakan kementerian yang

108 Anwar Ibrahim menyinggung perkara ini dalam satu rakaman Facebook Live pada 21 Mei 2020, semasa mengulas rakaman audio mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan pada 21 Februari 2020 yang ditularkan di media sosial.

kurang berinteraksi dengan orang ramai kerana bidang tugasnya hanya memfokuskan kepada urusan pertahanan negara dan kebijakan tentera sahaja. Di sebalik kukuhnya sokongan akar umbi Annuar Musa di Ketereh, beliau yang mendapat undi sebanyak 25,467 hanya dilantik ke jawatan Menteri Wilayah Persekutuan sahaja. Sebaliknya Dr Radzi Jidin yang hanya memperoleh undi sebanyak 6,799 di parlimen yang sama dan baru sahaja tiga tahun menyertai politik Malaysia, telah diangkat sebagai Menteri Kanan Pendidikan. Perbezaan hampir empat kali ganda jumlah undi, dan mengikut peraturan pilihan raya dari SPR, jumlah undi Dr Radzi mungkin telah menyebabkan beliau kehilangan deposit calon pilihan raya.

Susunan kabinet Muhyiddin juga boleh dibaca sebagai strategi memerangkap Umno dan Pas. Jika kerajaan PN tidak dapat *deliver* seperti yang diharapkan oleh orang ramai, Umno dan Pas lebih berpotensi untuk dikambinghitamkan. Contohnya ialah Annuar Musa yang sebelum ini sering mensasarkan usaha Khalid Samad dalam isu pembangunan Kampung Baru, akhirnya terpaksa menelan semua kritikan beliau sendiri dan terpaksa menyelesaikan isu tersebut apabila dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan. Begitu juga Tuan Ibrahim Tuan Man yang dilantik sebagai Menteri Alam Sekitar dan Air, yang terpaksa memainkan peranan besar di peringkat antarabangsa dan menguruskan isu-isu pencemaran alam sekitar (seperti kes pencemaran udara Pasir Gudang). Sedangkan latar belakang Tuan Ibrahim adalah dalam bidang dakwah dan kepimpinan, dan beliau telah sekian lama selesa dengan imej ‘ustaz’. Kita tahu bahawa isu penebangan balak dan masalah bekalan air yang paling teruk berlaku di negeri yang diperintah oleh Pas. Sementara ‘menteri kereta terbang’ daripada Bersatu disimpan sebagai Menteri Tugas-tugas Khas, Kementerian Undang-undang

telah diberi kepada Takiyuddin Hassan dari Pas yang bergelut dengan kontroversi undang-undang hudud Pas dan RUU355 yang menjadi modal politik Pas sejak sekian lama. Amat malang sekali apabila Presiden Pas yang sekian lama diimpikan oleh ahli-ahlinya layak untuk menjadi Perdana Menteri, langsung tidak dipandang oleh Muhyiddin untuk sekurang-kurangnya jawatan Menteri Hal Ehwal Agama. Walhal semasa dalam fasa untuk mengumpul sokongan Ahli Parlimen, Presiden Pas diusung ke sana ke mari sebagai *frontliner* dan tekong bacaan doa; dari Hotel Sheraton ke kediaman Tun Mahathir, dan kemudian ke kediaman Muhyiddin.

Muhyiddin melemparkan tanggungjawab mengawal harga barang domistik kepada GPS dari Sarawak, dan meletakkan ‘petua’ (bukan pemuda) Umno sebagai Menteri Belia dan Sukan, sedangkan beliau mempunyai banyak pilihan lain seperti Shahar Abdullah (Umno – Paya Besar), Khairy Jamaluddin (Umno – Rembau), atau Fadhl Shaaari (Pas – Pasir Mas).

Dua hari selepas Kabinet PN dibentuk, Annuar Musa berkicau di Twitter menggesa agar Parlimen dibubarkan segera agar kerajaan dapat dibentuk melalui ‘pintu depan’, seperti yang dimahukan oleh Muafakat Nasional. Malah beliau beranggapan sinis terhadap mereka yang berebut jawatan dan ‘terjun tingkap’ dari PH, dipercayai merujuk kepada parti Bersatu dan Azmin sendiri. Sebenarnya sudah menjadi rahsia umum bahawa Bersatu dan Umno walaupun tidur sebantal, mimpinya mereka adalah berlainan. Bersatu terpaksa menumpang kehadiran Muafakat Nasional (MN), dan MN pula tidak sabar untuk meninggalkan Bersatu dan kumpulan Azmin. Kritikan demi kritikan kepada Muhyiddin adalah isyarat jelas bahawa MN tidak akan melayan Bersatu dan Azmin dalam PRU-15, tatkala MN dan BN tidak sanggup lagi untuk berkongsi pertindihan kerusi Parlimen kerana

konflik antara Umno dan Pas untuk merebut kira-kira 70 kerusi bermajoriti Melayu (nisbah 70 peratus ke atas) sudah sedia rumit.

Justeru, yang menentukan kestabilan kerajaan PN buat sementara waktu tidak lain tidak bukan adalah pengagihan ‘harta rampasan perang’.

HARTA ‘RAMPASAN PERANG’

Dalam politik Malaysia, falsafah *cash is king* yang dipopularkan oleh Najib bukan sahaja digunakan untuk membeli sokongan pengundi dalam pilihan raya. Ia juga digunakan untuk membeli sokongan ADUN atau Ahli Parlimen untuk melompat dan mengukuhkan mana-mana blok politik. Muhyiddin kini nampaknya menggunakan strategi yang sama bagi meraih sokongan Ahli Parlimen bagi mengekalkan kedudukan kerajaan PN.

Tiada sesiapa yang dapat menafikan hakikat bahawa PN adalah satu gabungan yang amat rapuh, malah tertubuh di atas perasaan syak wasangka antara sesama parti-parti komponen. Bersatu dan Umno menyasarkan kelompok undi yang sama, manakala Pas dan Umno pernah mengalami pertentangan politik yang keras sehingga berlaku tuduhan kafir-mengkafir sejak puluhan tahun lalu. PN tidak berdiri di atas sebarang perjanjian, kelahirannya adalah pramatang. Muafakat Nasional pula telah berkali-kali memberi isyarat yang terang lagi bersuluh kepada Muhyiddin dan parti Bersatu untuk tidak mengharapkan sebarang kerjasama menjelang PRU-15.

Oleh sebab itu, pembahagian jawatan bersama gaji dan imbuhan bulanan yang bernilai puluhan ribu Ringgit adalah cagaran untuk mengikat kesetiaan para wakil rakyat PN kepada Muhyiddin,

sekurang-kurangnya sehingga tiba pilihan raya umum akan datang. Untuk memastikan Bersatu terus bernafas, Muhyiddin perlu mengumpam Ahli-ahli Parlimen Umno agar mereka menyeberang ke blok Bersatu, dan membawa penyokong akar umbi bersama. Dalam percaturan parmatang, Muhyiddin perlu membeli masa secukupnya bagi menyusun semula kekuatan dan memperkemas hala tuju Bersatu, terutamanya apabila mereka membuat keputusan untuk keluar dari PH dan menubuhkan PN secara tergesa-gesa.

Dengan mengambil kira maksud Kabinet kerajaan hanya terdiri daripada Jemaah Menteri, Muhyiddin telah membentuk Kabinet yang kedua terbesar dalam sejarah negara dengan jumlah 32 orang Menteri (termasuk Perdana Menteri) dan 38 orang Timbalan Menteri. Pembentukan Kabinet paling besar dalam sejarah berlaku di bawah pentadbiran Najib pada tahun 2015, dengan 37 orang Menteri dan 32 orang Timbalan Menteri di mana Jabatan Perdana Menteri sahaja terdapat 11 orang Menteri penuh. Jika diambil kira secara keseluruhan, Kabinet pentadbiran Muhyiddin adalah yang terbesar dalam sejarah negara Malaysia iaitu seramai 70 orang.

Untuk rekod, jumlah gaji dan imbuhan yang diperoleh oleh seorang Ahli Parlimen yang dilantik sebagai Menteri berjumlah tidak kurang daripada RM71,000 sebulan. Jumlah ini terdiri daripada gaji dan elaun keraian sebagai Ahli Parlimen sebanyak RM16,000 dan RM2,500 sebulan, selain daripada elaun dan kemudahan lain yang diperuntukkan dalam Kertas Statut 235 Tahun 1983, Akta Ahli Parlimen (Saraan 1980) (Akta 237). Difahamkan bahawa seorang Menteri memperoleh gaji bulanan sebanyak RM14,900¹⁰⁹, elaun perumahan (RM10,800), elaun keraian

109 Rujuk Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 Akta 237 dalam Fasal 6(1)(c)

Menteri (RM10,500), dan elaun wakil rakyat (RM10,650). Selain itu seorang Menteri dikatakan menikmati elaun tahunan untuk percutian sebanyak RM70,000 dan perhiasan rumah sebanyak RM42,000¹¹⁰. Manakala seorang Ahli Parlimen yang menjadi Timbalan Menteri menerima gaji dan imbuhan tidak kurang dari RM61,000 sebulan. Ini termasuk gaji dan elaun keraian sebagai Ahli Parlimen sebanyak RM16,000 dan RM2,500 sebulan, gaji Timbalan Menteri sebanyak RM10,500 sebulan¹¹¹, beserta elaun perumahan (RM9,800), elaun keraian Menteri (RM9,500), dan elaun wakil rakyat (RM10,650).

Tidak cukup dengan saiz Kabinet yang besar, Muhyiddin telah melantik 31 orang Ahli Parlimen PN yang tercicir dari senarai Kabinet ke dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan-badan kerajaan yang lain. Sehingga 1 Julai 2020, berikut adalah senarai lantikan yang telah diumumkan secara rasmi:

1. Mahdzir Khalid (Umno - Padang Terap) dilantik sebagai Pengerusi Tenaga Nasional Berhad
2. Sabri Bin Azit (Pas - Jerai) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Terjemahan Buku Negara (ITBM)
3. Ahmad Fadhlil Shaari (Pas - Pasir Mas) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
4. Nik Mohamad Abduh (Pas - Bachok) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
5. Dr. Nik Zawawi Salleh (Pas - Pasir Putih) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang

¹¹⁰ Seperti yang dikongsikan bekas Menteri Belia dan Sukan dalam hantaran di laman Facebook beliau, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman pada 11 Mei 2020.

¹¹¹ Rujuk Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 Akta 237 dalam Fasal 6(1)(d)

6. Ahmad Jazlan Yaakub (Umno - Machang) dilantik sebagai Pengerusi Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
7. Idris Jusoh (Umno - Besut) dilantik sebagai Pengerusi FELDA
8. Shaharizukirnain Abdul Kadir (Pas - Setiu) dilantik sebagai Pengerusi TEKUN
9. Wan Hassan Mohd Ramli (Pas - Dungun) dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
10. Shabudin Yahaya (Bersatu - Tasek Gelugor) dilantik sebagai Pengerusi Felcra¹¹²
11. Hasbullah Osman (Umno - Gerik) dilantik sebagai Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad
12. Syed Abu Hussin Bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bebas - Bukit Gantang) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
13. Nizar Zakaria (Umno - Parit) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Getah Malaysia.
14. Tajuddin Abdul Rahman (Umno - Pasir Salak) dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Prasarana Negara
15. Ramli Mohd Nor (Umno - Cameron Highlands) dilantik sebagai Pengerusi Amanah Raya Berhad
16. Ahmad Nazlan Idris (Umno - Jerantut) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Getah Malaysia
17. Mohd Fasiah Mohd Fakeh (Bersatu - Sabak Bernam) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

¹¹² Beliau kemudian dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), menggantikan Eddin Syazlee Shith yang bertukar ke Kementerian Kerja Raya (sebagai Timbalan Menteri) susulan peletakan jawatan Shahruddin Md Salleh. Shahruddin (Bersatu - Sri Gading) telah menukar sokongannya kepada Tun Mahathir pada 4 Jun 2020.

18. Noh Omar (Umno - Tanjung Karang) dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)¹¹³
19. Jalaluddin Bin Alias (Umno - Jelebu) dilantik sebagai Pengerusi UDA Holding
20. Salim Sharif (Umno - Jempol) dilantik sebagai Pengerusi RISDA
21. Tan Sri Muhyiddin Yassin (Bersatu - Pagoh) turut menjadi Pengerusi Khazanah Nasional
22. Mohamad Alamin (Umno - Kimanis) dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
23. Azizah Binti Mohd Dun (Bersatu - Beaufort) dilantik sebagai Pengerusi MARA
24. Rohani Abdul Karim (PBB - Batang Luper) dilantik sebagai Pengerusi Bernas
25. Robert Lawson Chuat (PBB - Betong) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pelabuhan Bintulu
26. Yusuf Bin Abd Wahab (PBB - Kuala Rajang) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
27. Ahmad Johnie Bin Zawawi (PBB - Igan) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Indah Water Konsortium (IWK)
28. Wilson Ugak Anak Kumbong (GPS - Hulu Rajang) dilantik sebagai Pengerusi National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
29. Lukanisman Bin Awang Sauni (PBB - Sibuti) dilantik sebagai Pengerusi Sustainable Energy Development Authority (SEDA)

113 Noh Omar pada awalnya dilantik sebagai Pengerusi Malaysia International Shipping Corporation (MISC) Berhad, namun beliau meletakkan jawatan tersebut pada 17 Jun 2020 kerana menganggap jawatan ini tidak melibatkan kepentingan rakyat terbanyak, dan hanya sesuai untuk diisi oleh ahli korporat.

30. Anyi Ngau (PDP - Baram) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Koko Malaysia (MCB)
31. Ahmad Tarmizi Sulaiman (Pas - Sik) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
32. Zakaria bin Mohd. Edris (Bersatu - Libaran) dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Nasional Bhd (PNS)

Tiga orang Ahli Parlimen telah dilantik oleh Muhyiddin sebagai Duta Khas kepada Perdana Menteri ke luar negara bertaraf Menteri. Ini bermaksud mereka dapat menikmat semua keistimewaan dan imbuhan sebagaimana seorang Menteri penuh. Mereka adalah:

1. Abdul Hadi Awang (Pas - Marang) dilantik sebagai Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri ke Asia Barat (Timur Tengah)
2. Richard Riot Anak Jaem (SUPP - Serian) dilantik sebagai Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri ke Asia Timur (Jepun, Republik Korea dan Taiwan)
3. Tiong King Sing (PDP - Bintulu) dilantik sebagai Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China

Dua orang dua Ahli Parlimen PN tidak dilantik ke dalam mana-mana GLC kerana telah mempunyai jawatan yang lumayan iaitu:


1. Ahmad Faizal Azumu (Bersatu - Tambun) dilantik semula sebagai Menteri Besar Perak dalam kerajaan PN, setelah ADUN Bersatu ini mengkhianati kerajaan PH di Perak
 2. Mohd Rashid Hasnon (Azmin - Batu Pahat) kekal sebagai Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat
- Masih terdapat beberapa nama Ahli Parlimen yang tercincir

tanpa sebarang jawatan, terutamanya dari Pas dan Umno. Barangkali mereka ini dianggap tidak layak untuk mengetuai mana-mana GLC, atau kerana sedang terpalit dengan perbicaraan kes-kes jenayah di mahkamah, atau mungkin mereka dianggap sebagai pengikut setia parti walau apapun halaju tuju yang ditentukan oleh parti masing-masing. Antaranya ialah Abdul Latiff Abdul Rahman (Pas - Kuala Krai), Alias Abd Hamid (Pas - Kemaman), Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Umno - Padang Rengas), Azalina Othman Said (Umno - Pengerang)¹¹⁴, Yamani Hafez Musa (Bersatu - Sipitang), Rubiah Wang (PBB - Kota Samarahan), Abdul Azeez Abdul Rahim (Umno - Baling), Ahmad Zahid Bin Hamidi (Umno - Bagan Datok), Mohd Najib Bin Tun Abd Razak (Umno - Pekan), Tengku Adnan Bin Tengku Mansor (Umno - Putrajaya), Ahmad Haji Maslan (Umno - Pontian), Shahidan bin Kassim (Umno - Arau) dan Hasan bin Arifin (Umno - Rompin).

Berdasarkan perbandingan graf di sebelah, dapat disimpulkan bahawa Muhyiddin cuba mengimbangi tuntutan daripada Umno ketimbang keperluan partinya sendiri. Umno menikmati hampir 50 peratus kedudukan dalam GLC berbanding parti-parti lain. Dari segi politik, kedudukan dalam Kabinet lebih terdedah kepada risiko dikritik oleh orang ramai, namun mempunyai akses yang luas pada menarik sokongan daripada orang ramai bersama bidang kuasa yang lebih luas untuk mengurus dana awam. Dalam GLC dan badan kerajaan, bidang kerjanya lebih menjurus kepada skop dan kelompok masyarakat tertentu sahaja. Namun dari segi imbuhan kewangan, ianya tiada beza dengan kedudukan seorang Menteri

¹¹⁴ Azalina Othman Said telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin. Usul untuk memecat Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof) dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Nga Kor Ming) oleh kerajaan Muhyiddin telah dibuat pada 13 Julai 2020.

atau Timbalan Menteri, malah untuk GLC tertentu terutamanya yang meraih keuntungan tinggi setiap tahun, mungkin akan mendapat imbuhan yang jauh lebih lumayan.



Perbandingan penjawatan Menteri dan lantikan politik antara parti-parti gabungan kerajaan Muhyiddin.

Jelas bahawa kehadiran Ahli-ahli Parlimen dari Umno, Pas, GPS dan Bebas ini di mata Muhyiddin-Azmin, boleh diibaratkan sebagai tidak lebih daripada sekumpulan kambing yang diheret ke kandang dengan umpanan rumput napier, sebelum ditambat di tiang bangsal kerajaannya.

Benarlah bagi dikata Najib, *cash is king*.

NOTA AKHIR

Selepas Muhyiddin menubuhkan kerajaannya, sebahagian masa jentera dan peruntukan kerajaan Persekutuan terpaksa memfokuskan kepada usaha membendung penularan wabak COVID-19. Sembilan hari selepas Muhyiddin mengumumkan kabinet penuhnya, dua kluster baru jangkitan COVID-19 termasuk dari perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling telah meletus dan tidak meninggalkan pilihan lain selain kerajaan terpaksa mewartakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Premis-premis pejabat, perniagaan dan aktiviti sosial di seluruh negara ditutup, orang ramai tidak boleh keluar dari rumah masing-masing kecuali atas sebab tertentu, manakala aktiviti keramaian dan rekreasi wajib dihentikan. Menteri-menteri tidak dapat menjalankan fungsi mereka sepenuhnya. Beberapa orang ahli politik turut dijangkiti virus ini, dan beberapa tokoh utama seperti Muhyiddin dan Tun Mahathir sendiri terpaksa melalui tempoh kuarantin selama 14 hari selepas didapati mempunyai kontak dengan pesakit COVID-19.

Pakatan Harapan yang masih terkejut dengan apa yang berlaku termasuk kehilangan kerajaan negeri Johor, Melaka, dan Perak, cuba untuk menggerakkan siri jelajah penerangan di seluruh negara. Namun, momentum sokongan rakyat ini seolah-olah terhenti secara tiba-tiba. Ia kemudian beralih kepada resam baru

(new normal) di mana siri penerangan, dialog dan ceramah dibuat secara atas talian di laman Facebook dan Youtube.

Tempoh ‘gencatan politik’ ini digunakan sepenuhnya oleh Muhyiddin untuk menyusun pelantikan jawatan-jawatan politik bagi mengukuhkan kerajaan Perikatan Nasional. Ini termasuk berselindung di belakang alasan virus COVID-19 bagi menangguhkan Sidang Dewan Rakyat selama lebih dari 60 hari iaitu dari 9 Mac 2020 ke 18 Mei 2020. Malah jadual persidangan pada 18 Mei telah dipendekkan daripada 15 hari kepada kurang dari separuh hari. Ini amat menghairankan kerana di sebalik cakap-cakap kerajaan PN mendapat sokongan majoriti Ahli Parlimen, Muhyiddin memilih untuk mengelak daripada berhadapan dengan usul Undi Tidak Percaya kepada Perdana Menteri di Dewan Rakyat yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Langkawi, Tun Mahathir.

Dalam sela masa ini, satu persatu pelantikan jawatan utama dalam kerajaan ditukar. Bermula dari Ketua Pesuruhjaya SPRM, Pengerusi MARA, seterusnya berpuluh-puluh pengerusi badan kerajaan dan GLC yang lain.

Kerajaan PH Kedah yang ketuai oleh Mukhriz Mahathir ditumbangkan pada 12 Mei 2020. Dua minggu kemudian, Tun Mahathir, Dr Maszlee Malik, Syed Saddiq, Ir Amiruddin Hamzah dan Mukhriz Mahathir telah dibuang dari parti Bersatu.

PH berkocak semula atas isu pemilihan calon Perdana Menteri dalam usaha mengumpul semula sokongan ahli-ahli Parlimen dan mengembalikan mandat rakyat. Tun Mahathir berkeras mahu menjadi Perdana Menteri buat kali ketiga, kerana dikatakan mampu mencukupkan sokongan majoriti mudah di Dewan Rakyat meskipun beliau tidak pernah membuktikannya. PH Plus ditubuhkan dari rundingan antara PH (PKR, Amanah,

DAP), parti Warisan di Sabah dan kumpulan Tun Mahathir yang dipecat dari Bersatu.

Ura-ura untuk Muhyiddin membubarkan Parlimen sebelum berakhir tahun 2020 bertiup kencang kerana beliau dikatakan mahu mendapatkan mandat yang sah daripada rakyat. Azmin yang pada awalnya dikatakan menyertai Bersatu, sedang berkira-kira untuk menubuhkan satu lagi parti baru. Sementara itu, satu NGO bernama Penggerak Komuniti Negara telah digerakkan secara aktif oleh para pengikut Azmin di seluruh negara. Di sebalik percaturan untuk menghadapi PRU-15, Umno dilihat hanya mahu kekal dengan gabungan Barisan Nasional dan Muafakat Nasional (bersama Pas). Ini meninggalkan tanda tanya besar kepada Bersatu dan kumpulan Azmin tentang nasib pengagihan kerusi bermajoriti Melayu.

Ketika naskhah ini disiapkan, Muhyiddin masih seorang Perdana Menteri kepada sebuah kerajaan pintu belakang, kerajaan tebuk atap, atau kerajaan pengkhianat-kleptokrat. Air muka Muhyiddin hanya terselamat apabila usul untuk memecat Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Md Yusof telah diluluskan pada 13 Julai 2020, dengan sokongan Ahli Parlimen di pihak kerajaan hanya berjumlah 111 undi berbanding 109 undi yang menolak usul tersebut. Dengan mengambil kira dua orang Ahli Parlimen PN tidak mengambil bahagian dalam pengundian, ini bermakna Muhyiddin hanya menjadi Perdana Menteri dengan kelebihan dua undi majoriti sahaja.¹¹⁵

115 Dua orang Ahli Parlimen yang tidak mengundi usul tersebut adalah Rashid Hasnon, Ahli Parlimen Batu Pahat yang sedang mempengaruhi Dewan Rakyat pada hari itu sebagai Timbalan Yang Dipertua, dan Maximus Johnity Ongkili, Ahli Parlimen Kota Marudu dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang tidak hadir. Kedua-duanya merupakan penyokong kerajaan PN. Ini bermakna jumlah Ahli Parlimen yang menyokong Muhyiddin adalah seramai 113 orang. Jika hanya dua orang Ahli Parlimen beralih sokongan kepada PH, kedudukan Dewan Rakyat akan

Krisis antara Tun Mahathir dan Anwar pula kian meruncing. Selepas mahkamah memutuskan bahawa pemecatan Tun Mahathir dari parti Bersatu adalah sah, Tun Mahathir telah menubuhkan satu lagi ‘parti Melayu’ yang dinamakan sebagai Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) pada 12 Ogos 2020.

berada pada kedudukan 111-111.

LAMPIRAN KENYATAAN MEDIA¹¹⁶

116 Lampiran ini memuatkan semua kenyataan media yang dikeluarkan oleh parti-parti politik, pejabat kerajaan, Dewan Rakyat, dan Istana Negara sepanjang krisis politik ini berlangsung, dan disusun mengikut kronologi peristiwa.



KENYATAAN AKHBAR

PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA

1. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah menghantar surat pelepasan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia hari ini.
2. Surat tersebut telah dihantar kepada YDP Agong pada jam 1 tengahari.

PEJABAT PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
24 FEBRUARI 2020

24 FEBRUARI 2020

Tun Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri



PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA

BERSATU · BERAMAHAN · BERMARUAH

KENYATAAN MEDIA

PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI PENGERUSI BERSATU

1. Tun Dr Mahathir bin Mohamed telah menghantar surat pelepasan jawatan sebagai Pengurus Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).
2. Surat tersebut telah dihantar kepada Ibu Pejabat BERSATU hari ini.

PEJABAT PENGERUSI BERSATU
PETALING JAYA
24 FEBRUARI 2020

24 FEBRUARI 2020

Tun Mahathir meletakkan jawatan sebagai Pengurus Parti Peribumi Bersatu Malaysia (Bersatu)



KENYATAAN MEDIA YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD SEBAGAI PERDANA MENTERI INTERIM

Adalah dimaklumkan bahawa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan menenara peletakan jawatan YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia

Walau bagaimanapun, Baginda telah berkenan untuk melantik YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri interim, sementara menunggu pelantikan Perdana Menteri yang baru selaras Perkara 43 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan

Justeru dalam tempoh ini, beliau akan menguruskan pentadbiran Negara sehingga Perdana Menteri baharu dilantik dan kabinet dibentuk

MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara

24 Februari 2020

Peletakan jawatan Tun Mahathir diterima oleh YDP Agong



KEDUDUKAN ANGGOTA PENTADBIRAN BERIKUTAN PELETAKAN JAWATAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan untuk membatalkan pelantikan Menteri-Menteri atas nasihat YAB Perdana Menteri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan pada 24 Februari 2020 selaras dengan peletakan jawatan YAB Perdana Menteri.

Sehubungan itu, tugas-tugas Anggota Pentadbiran (merangkumi YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik) adalah terhenti pada tarikh yang sama.

MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara

24 Februari 2020

24 FEBRUARI 2020
Pelantikan Jemaah Menteri digugurkan secara automatik



Muhyiddin Yassin
11 mins · Q

KENYATAAN MEDIA

PRESIDEN
PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA

24 FEBUARI 2020

Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dalam mesyuarat khas yang diadakan pada 23 Februari 2020 telah membuat keputusan untuk keluar daripada Pakatan Harapan.

Semua Ahli Dewan Rakyat dari parti BERSATU juga dengan ini keluar Pakatan Harapan. Semua mereka telah menandatangani Akuan Bersumpah untuk terus menyokong dan memberi kepercayaan kepada YAB Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira perkembangan politik semasa dan masa depan negara.

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HJ MOHD YASSIN
Presiden

Parti Pribumi Bersatu Malaysia

6K

1K comments 2K shares

24 FEBRUARI 2020

Muhyiddin Yassin mengisyiharkan Bersatu keluar dari Pakatan Harapan secara rasmi



KENYATAAN AKHBAR

PERJUMPAAAN YAB PERDANA MENTERI DENGAN KETUA-KETUA PARTI POLITIK

1. YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad hari ini mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua parti politik di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya.
2. Antara yang hadir termasuk YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg (GPS), YB Tan Sri Muhyiddin Yassin (Bersatu), YB Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR), YB Lim Guan Eng (DAP), Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (UMNO), Datuk Seri Abdul Hadi Awang (PAS) dan YB Mohamad Sabu (Amanah).
3. Dr Mahathir juga turut mengadakan pertemuan dengan YB Dato Seri Azmin Ali.
4. Esok, Dr Mahathir dijangka bertemu Presiden Parti Wansan, YAB Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

PEJABAT PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
25 FEBRUARI 2020

25 FEBRUARI 2020

Tun Mahathir mahu berjumpha ketua parti-parti politik



PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA

(Ros. No. PPM-007-14-0092016)
Tingkat 8, Menara Yayasan Selangor, No 18A, Persiaran Barat PJ5 48,
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: 03-93170180 Email: info@bersatu.org Web: www.pribumibersatu.org.my

KENYATAAN MEDIA KETUA PENERANGAN PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (BERSATU)

1. Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU yang dipengerusikan oleh Presiden parti, YB Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada 24 Februari 2020 telah membuat ketetapan menyokong penuh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia. MPT juga menolak peletakan jawatan YAB Tun sebagai Pengerusi BERSATU.
2. Sejurus selepas mesyuarat tersebut, YB Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengadakan perbincangan dengan semua Ahli Dewan Rakyat BERSATU untuk menyampaikan keputusan parti supaya mereka terus memberikan kepercayaan kepada YAB Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.
3. Kesemua Ahli Dewan Rakyat BERSATU telah mengadap Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada pagi ini untuk menyatakan sokongan kepada YAB Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.
4. Ahli-ahli BERSATU diseru supaya berlehang dan memberikan keyakinan penuh kepada kepimpinan BERSATU untuk menangani situasi politik semasa.
5. Kita yakin bahawa situasi politik ini akan dapat diselesaikan dengan segera. InsyaAllah parti dan negara kita akan muncul lebih gagah dan bersatu padu di bawah kepimpinan YAB Tun Dr Mahathir.

Dr Radzi Jidin
Ketua Penerangan BERSATU
26 Februari 2020

26 FEBRUARI 2020

Bersatu menolak peletakan jawatan Tun Mahathir, dan mencalonkan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri semasa Ahli-ahli Parlimen Bersatu ditemui duga oleh YDP Agong.



Kenyataan Media
Majlis Presiden Pakatan Harapan

26 Februari 2020

Hari ini Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan deripada KEDILAN, DAP dan Amanah telah mencalonkan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri bagi kerajaan Pakatan Harapan.

Sekjak cubaan untuk menumbangkan kerajaan Pakatan Harapan hujung minggu lalu, kami terus berusaha untuk mempertahankan mandat rakyat Malaysia pada 9 Mei 2018.

Kerajaan tersebut terbentuk sebagai sebuah gabungan yang diketuai dengan Muafakat Pakatan Harapan yang telah dicapai pada 7 Januari 2018, diikuti pelancaran Buku Harapan (Manifesto) Pakatan Harapan pada 8 Mac 2018. Di atas asas ini ihs Pakatan Harapan dibentuk, diberi cundut oleh rakyat dan menjalankan amanah sebagai kerajaan.

Pakatan Harapan tidak bersetuju dengan sebarang usaha untuk menuduhkan kerajaan secara penuh bekalang.

Ekoran cubaan menubuhkan kerajaan secara penuh bekalang Tun Dr Mahathir telah meletak jawatan sebagai PM. Keputusan BERSATU keluar dari Pakatan Harapan pada Isnin lalu disusuli pelantikan jawatan Tun sebagai Penggalan BERSATU.

Sehubungnya itu, Majlis Presiden Pakatan Harapan telah menjemput Tun Dr Mahathir untuk memperguruisikan mesyuarat itu bagi memutihkan kerajaan Pakatan Harapan, namun Tun tidak bersetuju untuk hadir dalam mesyuarat tersebut pada hari petang Selasa, 25 Februari.

Justeru itu, keputusan Majlis Presiden bersama (iaitu menantikannya bahawa calon Perdana Menteri Pakatan Harapan ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim).

Pakatan Harapan ikat kembali terhadap aspirasi dan amanat rakyat untuk membawa negara ke arah yang lebih baik dari segenap sudut ekonomi, politik dan sosial. Kami tidak akan mengkhilati amanah ini.

26 FEBRUARI 2020

Pakatan Harapan mencalonkan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri untuk dipersembahkan dalam temu duga Ahli-ahli Parlimen bersama YDP Agong.

PARTI Pribumi Bersatu Malaysia
BERSATU · BERAMAHAH · BERMARUAH

KENYATAAN MEDIA

YAB TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD SEBAGAI PENGERUSI BERSATU

Berhubung kenyataan saya kepada pihak media sejurus selepas Mesyuarat Majlis Pimpinan Ter tinggi (MPT) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada 25 Februari 2020 yang lalu bawah. Mesyuarat MPT sebuaht suara telah menolak surat pelaksana jawatan YAB Tun sebagai Pengurus BERSATU.

Keputusan mesyuarat berkenaan telah saya sampaikan kepada pihak YAB Tun untuk dipertimbangkan kembali keputusan peletakan jawatan berlau.

Selepas berbincang pada hari ini dan dipertimbangkan semula oleh YAB Tun, beliau telah bersetuju untuk kembali sebagai Pengurus BERSATU berkualiti serba merta.

DATUK WIRA MARZUKI YAHYA
SETIAUSAHA AGUNG

27 Februari 2020

Seriusaaha Agung Bersatu mengesahkan bahawa Tun Mahathir masih Pengurus Bersatu



فروتووهن كبغساهن ملايو برسانو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAY'S NATIONAL ORGANISATION) UMNO

Perbadanan IPM&RI (IPM 2020 Perbadanan)

KENYATAAN MEDIA UMNO MALAYSIA

Kenyataan yang diberikan oleh THE STAR yang menyatakan Ahli Parlimen PAS dan UMNO telah menandatangani SD menamakan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin sebagai calon Perdana Menteri adalah alirujuk.

Laporan tersebut adalah tidak benar.

UMNO dan PAS tetap dengan pendirian memohon perkenan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong supaya Parlimen dibubarkan, agar rakyat dapat membuat penyelesaian muklamah kepada masalah yang sedang dihadapi pada masa ini.

Sebarang kenyataan lain berhubung perkara ini hanya akan dikeluarkan secara rasmi sama ada oleh Presiden atau Setiausaha Agung UMNO.

Terima kasih.


TAN SRI ANNUR BIN HAJI MUSA



BERSATU · BERSETIA · BERMULIAH

Bantuan Komunikasi Media Institusi Sedunia Agensi, No. 10, Jalan Persekutuan Kedirgantaran Melayu Bandar Baru Petaling 57100 Kuala Lumpur Tel: 03-40429911 Fax: 03-40418965
Tingkat 3B, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail 50450 Kuala Lumpur
Pos Box: 11782, 20974 PJLKA Kuala Lumpur

Laman Web: www.umno.org.my | e-Malik: info@umno.org.my

27 FEBRUARI 2020

Umno mencadangkan agar Parlimen dibubarkan dan menafikan mereka mencalonkan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri

HARAPAN

KENYATAAN MEDIA MAJLIS PRESIDEN PAKATAN HARAPAN

27 Feb 2020

Majlis Presiden Pakatan Harapan telah mengadakan mesyuarat tergempak malam ini.

Majlis Presiden berpendirian bahawa hak dan kuasa melantik seseorang Perdana Menteri terletak di tangan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, seperti yang termaktub di bawah Perkara 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Presiden juga berpendirian bahawa adalah tidak wajar untuk Perdana Menteri Interim (sementara) mendahului titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dalam halini.

Malah pengumuman Perdana Menteri interim (sementara) memanggil aidang Parlimen untuk memilih Perdana Menteri adalah mencabar hak dan kuasa Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Umum sedia maklum bahawa Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dijadualkan bertemu dengan Raja-Raja Melayu untuk membincang perkara ini. Majlis Presiden menggesa semua pihak untuk menghormati budi bicara dan wewenang Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dalam hal ini.

-teramat-

27 FEBRUARI 2020

Pakatan Harapan mengkritik Tun Mahathir yang memintas pengumuman Istana Negara berkenaan keputusan sesi temu duga Ahli-ahli Parlimen bersama YDP Agong.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT
SPEAKER, HOUSE OF REPRESENTATIVES



PARLIAMENT OF
KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Dimaklumkan bahawa saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak menerima Surat Persidangan Khas Mesyuarat Khas Dewan Rakyat yang diberitahu oleh YAB Perdana Menteri Interim, menyalurkan bahawa pihak Kerajaan tidak bersetuju supaya Dewan Rakyat dipanggil bermusyawaroh pada hari Isnin, 2 Mac 2020.

2. Namun demikian, saya mendapat surat berhormat tidak meneperi Penjawat Mesyuarat 11(3) oleh Jeraea tidak disesuaikan dengan Perberitaan Usul yang lengkap.

3. Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(3), perberitaan dan tarikh mesyuarat akan disalurkan oleh saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Seligam ini tidak ada nota difabrikari.

4. Di samping itu, saya juga berpandangan bahawa keperluan untuk mengadakan Mesyuarat Khas Dewan Rakyat akan dibuat sejurus mendapat pemahaman titah rancangan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan proses pemilihan Perdana Menteri.

5. Oleh yang demikian, saya membatalkan TAJADA Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada Isnin, 2 Mac 2020.

6. Saya akan turus menyediakan perlungangan semasa dan kenyataan sifirannya tentang nota dan tarikh Mesyuarat Khas akan dimediasikan lewat.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIEF BIN MD YUSOF
28th February 2020

MAJLIS PARLIMEN, 30800 KUALA LUMPUR
TEL: 03-3894 7100/3891 7100 FAX: 03-3894 8654

28 FEBRUARI 2020

Yang di-Pertua Dewan Rakyat menolak permohonan Tun Mahathir untuk mengadakan sidang khas Dewan Rakyat bagi memilih calon Perdana Menteri.



DATUK PENGELOLA BIJAYA DIRAJA
Controller of the Royal Household
ISTANA NEGARA
National Palace
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50180 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

TEL EFON 03-6200 1800/
03-6200 1200
FAKS 03-6205 2121/
03-6205 2112


KENYATAAN MEDIA

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah hari ini menaikkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Parlimen dan Ketua Setiausaha Negara serta semua pihak yang terlibat dalam proses temu bual di antara Seri Paduka Baginda dan ahli-ahli Parlimen yang telah berlangsung selama dua hari bermula hari Selasa, 25 Februari 2020, di Istana Negara.

Berdasarkan proses temu bual ini, Seri Paduka Baginda masih belum memperolehi keyakinan mengenai seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat Baginda mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat bagi membentuk kerajaan baharu.

Seri Paduka Baginda juga turut berkenan dengan keputusan yang telah diambil oleh YB Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk tidak memanggil Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada Isnin 2 Mac 2020. Seri Paduka Baginda seterusnya akan terus berusaha untuk mencari jalan penyelesaian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan demi kesejahteraan rakyat jelata dan negara yang kita cintai bersama.

Pihak Istana Negara akan berhubung dengan Ketua-ketua pimpinan parti politik yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat, bagi memberi peluang kepada mereka untuk mengemukakan pencalonan nama Ahli Dewan Rakyat sebagai bakal Perdana Menteri.


Dato' Ahmad Fadil bin Shamsuddin
Datuk Pengelola Bijaya Diraja
Istana Negara

28 Februari 2020

28 FEBRUARI 2020

Istana Negara mengumumkan tiada calon Perdana Menteri yang mendapat undi majoriti, dan memanggil ketua parti-parti politik untuk mempersempit calon Perdana Menteri ke-8.



**Kenyataan Media
Majlis Presiden Pakatan Harapan**

28 Februari 2020

Majlis Presiden Pakatan Harapan menyambut baik kenyataan media Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Dato' Ahmad Fadil bin Shamsuddin hari ini, serta menjunjung kasih terhadap perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk terus berusaha mencari jalan penyelesaian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan berkaitan isu pelantikan Perdana Menteri.

Majlis Presiden percaya bahawa calon Pakatan Harapan, iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah mendapat jumlah pencalonan terbesar dari kalangan Ahli-Ahli Parlimen berdasarkan proses yang telah ditentukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari.

Majlis Presiden percaya bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim wajar diberi peluang untuk menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membuktikan keyakinan majoriti Ahli-Ahli Parlimen terhadap beliau.

Majlis Presiden meletakkan kepercayaan terhadap proses, budi bicara serta kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mencari penyelesaian dalam proses pelantikan Perdana Menteri.

- Tamat -

28 FEBRUARI 2020

Pakatan Harapan kekal dengan pendirian bahawa Anwar Ibrahim telah mendapat undi majoriti berbanding calon lain semasa proses temu duga Ahli-Ahli Parlimen bersama YDP Agong.



PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA

(Box No PPM 007-14-0805(2016)
Tingkat 8, Menara Yayaan Selangor, No 18A, Petaling Barat PJ5 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel. 03-83170180 Email: info@bersatu.org.my Web: www.pribumbersatu.org.my

KENYATAAN MEDIA

SETIAUSAHA AGUNG

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (BERSATU)

Mesyuarat Ahli-Ahli Dewan Rakyat BERSATU pada hari ini telah memutuskan untuk mencalonkan YB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Presiden BERSATU dan Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-8 untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Mesyuarat hari ini dihadiri oleh seramai 36 Ahli Dewan Rakyat BERSATU.

DATO' WIRA MARZUKI YAHYA

Seliausastra Agung

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)

28 Februari 2020

Bersatu mencalonkan
Muhyiddin Yassin sebagai
Perdana Menteri ke-8



BARISAN NASIONAL MALAYSIA (National Front Malaysia)

SETIAUSAHA AGUNG

(Secretary General)

KENYATAAN MEDIA

28 Februari 2020

UMNO (dengan 39 Ahli Parlimen) serta parti gabungan komponen BARISAN NASIONAL iaitu MCA (dengan 2 Ahli Parlimen) dan MIC (dengan 1 Ahli Parlimen) telah bersetuju untuk mencalonkan YB Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Ahli Parlimen Pagoh (BERSATU) sebagai Perdana Menteri ke-8 untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ini bermakna seramai 42 Ahli Parlimen UMNO, MCA dan MIC memberi sokongan sepenuhnya kepada YB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

[TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR]

28 FEBRUARI 2020

Barisan Nasional mencalonkan
Muhyiddin Yassin sebagai
Perdana Menteri ke-8

Alamat surat-menyurat : Setiausaha Agung Barisan Nasional, Puri Suria 12/1B, 50708 Kuala Lumpur
Suite 1 & 2, Arau 8, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dataran Putra, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur
Telefon : 03-2682 0384, 03-2656 4895, 03-4045 1071 & 03-4045 1072. Fax : 03-2682 4743 & 03-4045 1075

KENYATAAN MEDIA

28 Februari 2020

Melihat situasi terkini iaitu pembubaran parliment bukan lagi satu pilihan, maka kedua-dua Ahli Parliment MCA akan menyokong pencalonan YB Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Ahli Parliment Pagoh (BERSATU) sebagai Perdana Menteri ke-8 untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong.

Datuk Chong Sin Woon
Setiausaha Agung MCA

28 FEBRUARI 2020

MCA turut mencalonkan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8.

Address : Wisma MCA (8th Floor), 163 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.
P.O. Box : 10626, 50720 Kuala Lumpur. Home Page : <http://www.mca.org.my>
Telephone : 03-2203 3688 Facebook : <http://www.facebook.com/MCAHQ>
Facsimile : 03-2161 9772 Twitter : <http://twitter.com/MCAHQ>
Email : Info@mca.org.my Weibo : <http://weibo.com/mcahq>



KENYATAAN MEDIA

28 Februari 2020

UMNO (dengan 39 Ahli Parliment) dan PAS (dengan 18 Ahli Parliment) selaku gabungan MUAFAKAT NASIONAL telah bersetuju untuk mencalonkan YB Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Ahli Parliment Pagoh (BERSATU) sebagai Perdana Menteri ke-8 untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong.

Ini bermakna seramai 57 Ahli Parliment UMNO dan PAS memberi sokongan sepenuhnya kepada YB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

TAN SRI ANNUAR HAJI MUSA
Setiausaha Agung UMNO

DATO' TAKIYUDDIN HAJI HASSAN
Setiausaha Agung PAS

MUAFAKAT NASIONAL
SEKRETARIAT MUAFAKAT NASIONAL
Aras 23 Menara Dato' Din
41,Jalan Tun Ismail 50480 Kuala Lumpur
Tel : 603-40429511 Faks : 603-40416955

28 FEBRUARI 2020

Muafakat Nasional (Pas dan Umno) turut mencalonkan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8.



PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA

(Reg. No. PPM-007-14-00020016)
Tingkat 8, Menara Yasaan Selangor, No 18A, Persiaran Barat PJ6 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: 03-93170160 Email: info@bersatu.org Web: www.pribumbersatu.org.my

KENYATAAN MEDIA

PRESIDEN

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (BERSATU)

Tun Dr Mahathir Mohamad telah meletak jawatan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada 24 Februari 2020.

Menurut Fasal 16.9 Perlembagaan BERSATU, jika Pengerusi berhenti atau diberhentikan, maka Presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga diadakan pemilihan untuk memilih Pengerusi baru.

BERSATU belum mengadakan pemilihan untuk memilih Pengerusi yang baharu. Justeru, saya selaku Presiden memangku jawatan Pengerusi BERSATU sehingga pemilihan diadakan kelak.

29 FEBRUARI 2020

Muhyiddin mengesahkan Tun Mahathir bukan lagi Pengerusi Bersatu, dan beliau memangku jawatan tersebut.

TAN SRI DATO' HJ MUHYIDDIN HJ MOHD YASSIN

Presiden/Pemangku Pengerusi

Parti Pribumi Bersatu Malaysia

29 Februari 2020



PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA BERSATU • BERAMAHAN • BERMARUAH

KENYATAAN MEDIA

KUASA MUTLAK PENGEROUSI BERSATU

Saya selaku Setiausaha Agung Bersatu dengan ini mengesahkan bahawa menurut perlembagaan Bersatu;

Fasal 16.2. Tugas-tugas Pengerusi;

- 16.2.1 Menjadi Pengerusi dan Pimpinan Utama parti yang bertanggungjawab menjamin kelinciran keseluruhan perjalanan pentadbiran dan dasar parti; dan
- 16.2.2 Memanggil dan memperkerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tinggi.

Maka selari dengan prinsip *the rule of law* dan perlembagaan parti, satu-satunya individu yang mempunyai kuasa mutlak memimpin parti adalah Pengurus Parti BERSATU iaitu YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

Oleh yang demikian, segala tindak tanduk dan arah parti adalah tertakluk kepada keputusan YAB Tun sebagai Pengerusi BERSATU.

DATUK WIRA MARZUKI YAHYA
SETIAUSAHA AGUNG

29 Februari 2020

29 FEBRUARI 2020

Setiausaha Agung Bersatu mengesahkan Tun Mahathir masih Pengerusi Bersatu dan mempunyai hak untuk menetapkan hala tuju parti.



DATUK PENGELOLA BIJAYA DIRAJA
Controller of the Royal Household
ISTANA NEGARA
National Palace
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

TELEFON: 03-6205 3500/
03-6205 3501
FAKS: 03-6205 2121/
03-6205 2112

KENYATAAN MEDIA

Kuala Lumpur, 29 Februari 2020 - Istana Negara hari ini telah menerima senarai pencalonan nama-nama bakal Perdana Menteri daripada ketua-ketua parti politik yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Rakyat yang bebas.

Proses ini adalah lanjutan daripada titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di mana ketua-ketua parti politik dan Ahli Dewan Rakyat yang bebas diminta untuk mengemukakan pencalonan nama-nama Ahli Dewan Rakyat sebagai bakal Perdana Menteri.

Setelah mendapat representasi daripada semua ketua-ketua parti politik yang mewakili parti masing-masing serta Ahli Dewan Rakyat yang bebas, pada hemat Seri Paduka Baginda, Ahli Dewan Rakyat yang mungkin mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat ialah YB Tan Sri Mahiaddin Bin Md Yasin (Muhyiddin), Ahli Parlimen Pagoh (P143).

Sehubungan dengan itu, Seri Paduka Baginda telah berkenan melantik YB Tan Sri Mahiaddin Bin Md Yasin (Muhyiddin) sebagai Perdana Menteri selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Proses seterusnya ialah Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan sebagai Perdana Menteri pada 1 Mac 2020 (Ahad) jam 10.30 pagi di Istana Negara.

Seri Paduka Baginda bertitah bahawa proses pelantikan Perdana Menteri tidak boleh dilengah kerana negara memerlukan kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan negara yang kita cintai bersama.

Seri Paduka Baginda bertitah bahawa ini adalah keputusan terbaik untuk semua dan Baginda menzahirkan harapan agar kemelut politik ini berakhir.

Seri Paduka Baginda turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada rakyat dan semua yang terlibat khususnya agensi-agensi kerajaan, keselamatan dan pihak media.

Dato' Ahmad Fadil Shamsuddin
Datuk Pengelola Bijaya Diraja
Istana Negara

29 Februari 2020

29 FEBRUARI 2020

Istana Negara memutuskan Muhyiddin Yassin dilantik sebagai Perdana Menteri ke-8.

HARAPAN

KENYATAAN MEDIA MAJLIS PRESIDEN PAKATAN HARAPAN

29 Februari 2020

Pakatan Harapan merupakan gabungan yang telah mendapat mandat jelas pada PRU14. Pakatan Harapan bertegas menentang sebarang usaha 'kerajaan pintu belakang' terutama yang melibatkan kleptokrat dan pengkhianat perjuangan, yang akan merosakkan segala usaha reformasi yang telah dilaksana hingga kini.

Oleh itu, demi mempertahan perjuangan, Pakatan Harapan menyatakan sokongan penuh terhadap YAB Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri.

Pakatan Harapan berpegang teguh kepada prinsip dan akan terus memperjuang manifesto Pakatan Harapan dalam kerajaan.

-tamat-

29 FEBRUARI 2020

Pakatan Harapan kembali mencadangkan Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri ke-8.

STATEMENT

1. I refer to statements inferring that I had supported Tan Sri Muhyiddin Yassin's candidature as Prime Minister.
2. As I had repeatedly stated, I am against any form of cooperation with individuals who are known to be corrupt and was part of the kleptocratic administration which the Pakatan Harapan Government had worked hard to rid off.
3. As a matter of principle I had conveyed this to the BERSATU Members of Parliament in the meeting yesterday.
4. I did not sign any Statutory Declaration in support of any individual.
5. In fact I left the meeting early to allow for a free debate among members of parliament from BERSATU to choose whomever they feel is suited for the post of Prime Minister.
6. And as I had stated before, while I am not prepared to work with those who are corrupt from UMNO, I can accept them individually for so long as they are proven clean. Perhaps Tan Sri Muhyiddin is more relaxed towards this approach.
7. This morning I had a meeting with leaders of Pakatan Harapan.
8. I am now confident that I have the numbers needed to garner majority support in the Dewan Rakyat.
9. I am therefore prepared to stand as prospective candidate for Prime Minister.
10. This decision will be conveyed to the Yang Di-Pertuan Agong.

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD

Feb 29, 2020

29 FEBRUARI 2020

Tun Mahathir menafikan beliau menandatangani surat akuan bersumpah untuk menyokong Muhyiddin Yassin sebagai calon Perdana Menteri ke-8.

KENYATAAN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD

1. Saya ingin merujuk kepada kenyataan media berkenaan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke-8.
2. Saya ingin jelaskan sebagai pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), saya bersama lima lagi Ahli Parlimen PPBM tidak bersama-sama menyokong pelantikan Tan Sri Muhyiddin.
3. Ini menjadikan jumlah sokongan (Bersatu) seperti yang dipersembahkan oleh Tan Sri Muhyiddin kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah tidak tepat.
4. Enam orang Ahli Parlimen Bersatu yang telah menandatangani akuan berkanun yang tidak menyokong Tan Sri Muhyiddin adalah:
 - i. YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad (Ahli Parlimen Langkawi P:004)
 - ii. YAB Datuk Seri Utama Mukhriz Mahathir (Ahli Parlimen Jerlun P:005)
 - iii. YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Ahli Parlimen Muar P:146)
 - iv. YB Dato Ir. Amiruddin Hamzah (Ahli Parlimen Kubang Pasu P:006)
 - v. YB Mazlee bin Malik (Ahli Parlimen Simpang Renggam P:151)
 - vi. YB Eddin Syazlee Shith (Ahli Parlimen Kuala Pilah P:129)
5. Kesemua jumlah ahli-ahli Parlimen yang menyokong saya sebagai Perdana Menteri ke-8 di dalam bentuk Akuan Berkanun dan juga surat-surat rasmi dari Ketua-Ketua Parti akan saya persembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.
6. Buat masa ini saya telah mendapat sejumlah 114 Ahli-Ahli Parlimen yang menyokong Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-8.
7. Mereka ialah: (**seperti di Lampiran A**)
8. Saya telah menyediakan surat untuk dihantar kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong yang menerangkan kedudukan perkara ini serta sokongan 114 Ahli-Ahli Parlimen yang diberikan kepada saya.
9. Saya berharap pihak Tuanku DYMM Yang di-Pertuan Agong akan menerima surat dan penjelasan saya.

**DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
29 FEBRUARI 2020**

29 FEBRUARI 2020

Tun Mahathir mendakwa memiliki jumlah sokongan yang cukup untuk membentuk kerajaan.

MESYUARAT TERAKHIR

The Last Meeting

Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan pada 21 Februari 2020 amat penting untuk dirakam kerana ia adalah satu lagi titik yang mengubah haluan politik Malaysia, titik yang memisahkan banyak pihak, dan titik yang melukiskan wajah sebenar sesetengah ahli politik.

Mesyuarat Terakhir atau *The Last Meeting* adalah satu simbolik kepada berakhirnya keutuhan Pakatan Harapan sebagai sebuah gabungan politik yang berjaya membentuk kerajaan Malaysia yang baharu.

Naskhah ini menyorot rentetan peristiwa yang berlaku sebelum, semasa dan selepas berlangsungnya mesyuarat tersebut, yang membawa kepada tercetusnya krisis pelantikan Perdana Menteri ke-8 yang berlanjutan selama beberapa hari. Siapakah sebenarnya dalang di sebalik kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan?

ISBN 978-967-18215-0-3

